

**SISTEM PAROL DI JABATAN PENJARA MALAYSIA: ANALISIS DARI
PERSPEKTIF SIYASAH SYAR'IYYAH**

MOHD HUZAINI BIN YAAKOB

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2023

**SISTEM PAROL DI JABATAN PENJARA MALAYSIA: ANALISIS
DARI PERSPEKTIF SIYASAH SYAR'IYYAH**

MOHD HUZAINI BIN YAAKOB

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2023

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

UNIVERSITI MALAYA PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Mohd Huzaini bin Yaakob

No. Matrik: 17028376/2

Nama Ijazah: Sarjana Syariah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

"SISTEM PAROL DI JABATAN PENJARA MALAYSIA: ANALISIS DARI PERSPEKTIF SIYASAH SYARIAH"

Bidang Penyelidikan:

Metodologi Siyasaah Syariaah

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

14/11/2023

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

14/11/2023

Nama:

Jawatan

SISTEM PAROL DI JABATAN PENJARA MALAYSIA: ANALISIS DARI PERSPEKTIF SIYASAH SYAR'IIYAH

ABSTRAK

Parol merupakan sejenis hukuman yang mula diperkenalkan di Malaysia yang telah mengambil model daripada negara Barat seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia. Parol adalah pelepasan awal kepada banduan dan perlu berkhidmat kepada komuniti serta memberi peluang kedua kepada banduan untuk memulakan kehidupan baru. Di Malaysia Parol diletakkan di bawah Jabatan Penjara Malaysia di bawah unit Parol dan Khidmat Komuniti. Sehubungan itu, Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji pelaksanaan dan sistem Parol itu di Malaysia menurut persepektif Siyasa Syar'iiyah. Kajian ini telah menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif menerusi temubual bersemuka terhadap lapan orang informan yang merupakan pegawai penjara di Pejabat Parol dan Komuniti di daerah Kuantan, Pahang. Hasil kajian ini mendapati sistem Parol memenuhi tujuan syariah dan mempunyai elemen ta'zir serta menepati konsep *istihabah*. Tuntasnya, pelaksanaan Parol di Malaysia yang berlandaskan Siyasa Syar'iiyah bukan sahaja memberi peluang kedua kepada pesalah malah memberi manfaat kepada pengurusan insitusi penjara Malaysia dan komuniti.

Kata kunci: Parol, Orang Di Parol, Siyasa Syar'iiyah, Takzir

THE PAROLE SYSTEM IN THE MALAYSIAN PRISION DEPARTMENT: ANALYSIS FROM THE PERSPEKTIF SIYASAH SYAR'IYYAH

ABSTRACT

Parol is a type of punishment that was introduced in Malaysia and was modeled on the laws of Western nations, including the United States, the United Kingdom, and Australia. Parole is an early release for prisoners and should serve the community and give prisoners a second chance to start a new life. In Malaysia, Parole is placed under the Malaysian Prisons Department under the Parole and Community Service unit. Accordingly, the main objective of this research is to study the implementation and Parole systems in Malaysia according to the perspective of Siyasaḥ Syar'īyyah. This study used qualitative research methods through face-to-face interviews with eight informants who are prison officers at the Parole and Community Office Office in the district of Kuantan, Pahang. The results of this study found that the Parole system fulfils the purposes of syariaḥ, has elements of takzir as well as complying with the concept of *istihabah*. In conclusion, the implementation of Parole in Malaysia based on Siyasaḥ Syar'īyyah policy is not only gives a second chance to offenders but also benefits the management of Malaysian prison institutions and community.

Keywords : Parol, Parolee, Siyasaḥ Syar'īyyah, Takzir

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, bersyukur kepada hadrat Ilahi dengan izin kurniaNya, saya telah dapat menyempurnakan penulisan sarjana ini yang bertajuk “Sistem Parol di Jabatan Penjara Malaysia Analisis dari Persepektif Siyasah Syar“iyah”.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr Mohamad Zaidi Abdul Rahman yang banyak memberi tujuk ajar dan ilmu untuk menyempurnakan penulisan ini. Beliau juga banyak memberi peluang dan bimbingan kepada saya untuk teruskan penulisan. Segala tunjuk ajar beliau amatlah saya hargai.

Jutaan terima kasih juga diberikan kepada ibu saya Norhayati binti Mohamad, arwah bapa saya Yaakob bin Ahmad, kakanda saya Noraharjini, Norahartini, dan Noramazonizni serta semua ahli keluarga saya yang telah banyak membantu dari semua aspek. Tanpa sokongan mereka ini, maka tidaklah sempurna penulisan sarjana ini. Saya juga ingin memberi penghargaan kepada rakan-rakan yang telah banyak membantu dalam kejayaan penulisan kajian saya ini.

Saya juga ingin dedikasikan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penulisan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung terutama warga di Pejabat Pengarah Penjara Negeri Pahang dan Pejabat Parol & Perkhidmatan Komuniti daerah Kuantan. Penglibatan mereka dan peluang serta maklumat yang mereka berikan amatlah saya hargai.

Seterusnya, saya mendoakan kepada semua yang terlibat dalam kajian ini, semoga Allah S.W.T membalas jasa baik anda semua. Alhamdulillah, sepanjang penulisan saya dalam kajian ini, ianya memberikan saya jutaan pengalaman yang bermakna dan menarik yang telah mencoretkan kehidupan saya. Akhir kalam saya, berharap kajian ini menjadi ilmu yang bermanfaat kepada para pembaca kelak.

Sekian.

MOHD HUZAINI BIN YAAKOB (17028376/2/IGA160042)

huzainiyaakob@gmai

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN.....	ii
ABSTRAK.....	iii
ABSTRACT.....	iv
PENGHARGAAN.....	v
ISI KANDUNGAN.....	v
TRANSLITERASI.....	viii
SENARAI SINGKATAN.....	ix
SENARAI JADUAL DAN GAMBAR RAJAH.....	x
BAB 1:PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian.....	1
1.3 Penyataan Masalah Kajian.....	2
1.4 Persoalan Kajian.....	4
1.5 Objektif Kajian.....	4
1.6 Kepentingan Kajian.....	4
1.7 Skop Kajian.....	5
1.8 Ulasan Kajian-Kajian Lepas.....	5
1.9 Reka Bentuk Kajian.....	11
1.9.1 Lokasi Kajian.....	12
1.9.2 Populasi Dan Sempel Kajian.....	13
1.9.3 Kaedah Pengumpulan Data.....	13
1.9.4 Instrumen Kajian.....	16
1.9.5 Kaedah Analisis Data.....	16
1.9.6 Kesahan Dan Kebolehpercayaan.....	18
1.10 Kesimpulan.....	18
BAB 2: KONSEP HUKUMAN JENAYAH DAN SIYASAH SYAR'ITYYAH.....	19
2.1 Pengenalan.....	19
2.2 Falsafah Dan Matlamat Perundangan Islam.....	19
2.3 Kesalahan Dalam Jenayah Islam.....	21
2.4 Islam Dan Perakuan Jenayah.....	22

2.4.1 Jenis Hukuman Jenayah Islam.	28
2.4.2 Perbezaan Hukuman Islam	35
2.4.3 Sistem Hukuman Di Malaysia	37
2.5 Objektif Hukuman Keseksaan dalam Islam.....	40
2.5.1 Pembalasan	41
2.5.2. Pencegahan	42
2.5.3. Pemulihan dan Pendidikan.....	43
2.7 Kesimpulan	48
BAB 3: KONSEP DAN SISTEM PAROL.....	49
3.1 Pengenalan.	49
3.2 Makna Parol.	49
3.3 Sejarah Parol.	50
3.3.1. Sejarah Parol Di Barat.	50
3.3.2. Sejarah Parol di Malaysia.	52
3.4 Elemen yang utama untuk sistem Parol.	57
3.5 Bahagian Parol Jabatan Penjara Malaysia	58
3.5.1 Objektif Bahagian Parol Dan Khidmat Komuniti.....	58
3.5.2 Fungsi Bahagian Parol Dan Khidmat Komuniti	59
3.5.4 Kelebihan Program Parol.....	60
3.5.5 Lembaga Parol.	62
3.5.7 Kelayakan Untuk Diparol.	63
3.5.8 Kategori Kesalahan Yang Tidak Layak Untuk Pelepasan Hukuman Parol.....	63
3.6 Kesimpulan	64
BAB 4: ANALISIS PAROL DARI PERSPEKTIF SIYASAH SYAR‘ITYYAH.....	65
4.1 Pengenalan.	65
4.2 Pelaksanaan Sistem Parol di Malaysia.....	67
4.2.1 Parol	67
4.2.2 Tempat Parol.....	69
4.3 Menganalisis Sudut Pandangan Siyasa Syar‘iyyah Dalam Sistem Parol Di Malaysia	
Pencapaian Siyasa Syar‘iyyah Untuk Keberhasilan Kuliah Al-Khamsah.....	75
4.3.1 Pencapaian Siyasa Syar‘iyyah Untuk keberhasilan Kuliah al-Khamsah.....	75
4.3.1.1 Menjaga Agama	75
4.3.1.2 Menjaga Nyawa	79

4.3.1.3 Menjaga Akal.....	81
4.3.1.4 Menjaga Keterunan (Hubungan Keluarga).....	83
4.3.1.5 Menjaga Harta.....	84
4.4 Menganalisis Sudut Pandangan Siyasah Syar'iyah Dalam Sistem Parol Di Malaysia.....	87
4.4.1 Bentuk Hukuman	87
4.4.2 Kuasa Hukuman.....	88
4.4.3 Hukuman Takzir Dalam Parol	89
4.4.5 Parol Dalam Jabatan Penjara Malaysia Dan Konsep Taubat.....	91
4.6 Kesimpulan	95
BAB 5: PENUTUP	96
5.1 Pengenalan	96
5.2 Dapatan Kajian.....	96
5.3 Cadangan Dan Saranan	100
BIBLOGRAFI.....	102
LAMPIRAN.....	108

TRANSLITERASI

A) Konsonan

Bil	Huruf <i>Hijāiyyah</i>	Transliterasi	Bil	Huruf <i>Hijāiyyah</i>	Transliterasi
1.	أ	a, i, u	16.	ض	Ḍ
2.	ب	B	17.	ط	Ṭ
3.	ت	T	18.	ظ	Z
4.	ث	Th	19.	ع	„(a, i, u)
5.	ج	J	20.	ف	F
6.	ح	Ḥ	21.	ق	Q
7.	خ	Kh	22.	ك	K
8.	د	D	23.	ل	L
9.	ذ	Dh	24.	م	M
10.	ر	R	25.	ن	N
11.	ز	Z	26.	و	W
12.	ش	Sh	27.	هـ	H
13.	س	S	28.	ء	„
14.	ي	Y	29.	ي	Y
15.	ص	Ṣ			

B) Vokal Panjang

Bil	Huruf <i>Hijāiyyah</i>	Transliterasi
1.	ا	Ā
2.	و	Ū
3.	ي	Ī

C) Vokal Pendek

Bil	Huruf Hijāiyyah	Transliterasi
1.	اَ	A
2.	اِ	I
3.	اُ	U

D) Diftong

Bil	Huruf Hijāiyyah	Transliterasi
1.	أَـ	Aw
2.	أِـ	Ay
3.	إِـ	Iy

SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia.
BIL	Bilangan.
CSI	Corporate Smart Internship.
GLC	Government Link Company.
H	Hijrah.
HIV	Human Immunodeficiency Virus.
HTAA	Hospital Tengku Ampuan Afzan.
JAIP	Jabatan Agama Islam Pahang.
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
JKM	Jabatan Kebajikan Malaysia.
KDN	Kementerian Dalam Negeri.
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.
M	Masihi.
NBOS	Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Startagy)
NGO	Non Governmental Organization
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result Area)
ODP	Orang Diparol.
OKT	Orang Kena Tuduh.
PBSL	Pelepasan Banduan Secara Lesen.
PKPP	Pertubuhan Kemajuan Peladang Negeri Pahang.
PPD	Pejabat Parol Dan Khidmat Komuniti Daerah.
PPI	Program Pembangunan Insan.
RP	Rumah Perantaraan.
SAW	Sallallahu Alaihi Wasallam.
SDN.BHD	Sendirian Berhad.
SG	Sungai.
SWT	Subhānahu wa Ta'āla.
YDPA	Yang di Pertuan Agong.
YP	Yayasan Pahang.

SENARAI JADUAL DAN GAMBAR RAJAH

Jadual	Tajuk	Muka Surat
Jadual 1.1	Statistik Pelepasan Parol Mengikut Bangsa Sehingga Tahun 2015	3
Jadual 1.2	Rekod Aktiviti Temubual Bersama Para Informan.	14
Jadual 1.3	Indeks Kod Data Temu Bual Bual	17
Jadual 2.1	Perbandingan Antara Hukuman Hudud,Qisas Dan Takzir	36-37
Jadual 2.2	Kategori Kesalahan Megikut Akta Dan Hukuman Islam	39-40
Jadual 3.1	Jadual Pelaksanaan Sistem Parol Di Malaysia	54-56
Jadual 4.1	Demografi Informan	65
Jadual 4.2	Statistik Pekerjaan ODP Kediaman di PPD Kuantan.	71
Jadual 4.3	Penerimaan Penghuni RP Negeri Pahang	73
Jadual 4.4	Majikan Sedia Ada di PPD Kuantan.	75

Gambar	Tajuk	Muka Surat
Rajah 2.1	Pengertian Siyasah Syar'fyyah Dari Pendapat Ulama	47

BAB 1:PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi latar belakang mengenai masalah kajian. Selepas itu, pengkaji menerangkan pernyataan masalah yang berkaitan dengan hukuman Parol dan Siyasah Syar'iyah. Di dalam bab ini, dikemukakan tiga objektif kajian yang ingin dicapai melalui persoalan yang berbangkit dalam kajian ini. Justeru itu, kepentingan kajian dirungkaikan untuk memberi manfaat kepada pihak yang berkaitan. Turut disentuh adalah skop kajian supaya memudahkan para pembaca untuk memahami perjalanan disertasi ini. Kemudian, bab ini juga mengandungi definisi tajuk bagi memahami kajian yang akan dijalankan. Seterusnya, terdapat kajian literatur yang akan dibentangkan untuk meninjau setakat mana kajian mengenai tajuk ini sudah disentuh oleh tulisan-tulisan lain untuk dijadikan sebagai rujukan kepada kajian ini. Bab ini juga mengandungi metode, lokasi, dan instrumen kajian. Akhir sekali, penutup dihasilkan sebagai kesimpulan bab ini.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Siyasah Syar'iyah merupakan salah satu cabang ilmu daripada ilmu Syariah yang juga dikenali sebagai Sains Politik Islam. Ilmu ini menekankan tentang kepentingan pemerintah yang berlandaskan Al-Quran, Hadis dan ijihad bagi menjamin keamanan dan kemaslahatan rakyat. Menurut Ibn Aqil, Siyasah Syar'iyah ialah apa-apa tindakan yang membawa manusia kepada kebaikan dan menjauhkan mereka daripada keburukan, sekalipun ia tidak ditetapkan oleh Rasulullah S.A.W dan tidak terdapat dalam wahyu yang diturunkan.¹

Selain itu, Siyasah Syar'iyah juga mengandungi ilmu tentang kuasa dalam penentuan hukum serta perundangan. Hal ini kerana, terdapat ulama² terdahulu mengatakan bahawa Siyasah Syar'iyah ini adalah suatu penggandaan hukum terhadap jenayah yang sudah ditetapkan. Sebagai contoh, menurut Mohd Said mengatakan bahawa pada zaman pemerintahan Umar, beliau telah menggandakan hukuman meminum khamar iaitu arak dari 40 sebatan kepada 80 sebatan. Hal ini kerana, pada masa itu khalifah Umar melihat sikap peminum khamar tidak berhenti meminum khamar walaupun telah disebat sebanyak 40 sebatan dan menambahnya kepada 60 sebatan. Namun begitu, peminum khamar ini meremehkan hukuman ini, maka Umar

¹ Wan Zahidi Wan Teh, *Pelaksanaan Siasah Syar'iyah Dalam Pentadbiran Kerajaan* (Kuala Lumpur:Pencetak Nasional Malaysia Berhad, 2003),9.

telah menambah hukuman sebatan ini menjadi 80 sebatan.² Namun begitu, terdapat para ulama³ juga mengatakan Siyasa Syari'yyah adalah sama dengan hukuman takzir. Ini menunjukkan bahawa skop Siyasa Syari'yyah tidak terhad kepada politik dan pentadbiran sahaja namun aspek hukuman juga merupakan satu aspek penting dalam Siyasa Syari'yyah. Malahan aspek ini menjadi satu pilihan definisi Siyasa Syari'yyah. Perbincangan tersebut membawa kepada penggunaan kuasa kerajaan melalui kuatkuasa hukuman antara lain menyentuh keluasan syarak bagi menentukan hukuman baru dalam negara.

Lanjutan itu dalam perkembangan penghukuman semasa, telah diperkenalkan Parol ianya dapat diaplikasikan dalam sistem terutama dalam sistem Parol. Parol merupakan pelepasan seseorang banduan untuk menjalani mana-mana bahagian hukuman pemenjarannya di luar penjara menurut sesuatu Perintah Parol.³ Sistem ini bermula pada era 1980 an di Barat. Ini kerana orang Barat melihat sistem penjara banyak memberi impak negatif kepada banduan. Menurut Mays.G dan Winfre.L, mengatakan sistem Parol ini memberi peluang kedua kepada banduan serta banduan juga dapat memulihkan diri mereka dengan bantuan masyarakat dan kebarangkalian untuk melakukan jenayah tidak berulang iaitu residivis (pengulangan jenayah)⁴. Sehubungan dengan itu, pengenalan Parol dalam penghukuman semasa akan dilihat daripada aspek hukuman Siyasa.

1.3 Penyataan Masalah Kajian

Malaysia menggunakan akta sebagai rujukan undang-undang. Sistem parol adalah di bawah Akta Penjara 537. Hukuman Parol di Malaysia tertakluk kepada Akta Penjara 1995 iaitu Akta 537. Setiap sistem Parol di negara ini perlu merujuk akta ini. Parol ini diletakan di Jabatan Penjara Malaysia dan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Jabatan Penjara Malaysia telah membahagikan Parol di Bahagian Parol Dan Perkhidmatan Komuniti dalam jabatannya. Selain itu, Sistem Parol adalah merupakan pesalah atau banduan yang mestilah di bawah hukuman yang melebihi satu tahun penjara dan tidak menyalahi undang-undang jadual keempat bagi mendapatkan pelepasan secara Parol. Hukuman ini dilihat sebagai salah satu bentuk hukuman yang berasaskan pemulihan kepada banduan.

² Mohd Said Ishak, *Umar Ibn Al Khatab, Pelaksanaan Hukuman Islam* (Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2000) 83-84

³ Undang-Undang Malaysia *Akta 537, Akta Penjara Malaysia 1995* (Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, 2009)

⁴ Mays.G dan Winfre.L *Contemporary Correction* (USA: Wadsworth Publishing, 1998) 230.

**Jadual 1.1 Statistik Pelepasan Parol Mengikut Bangsa Sehingga Tahun
2015**

Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah
2008	149	18	19	13	199
2009	529	74	53	53	722
2010	789	73	99	99	1029
2011	711	259	181	181	1482
2012	1301	34	36	36	1417
2013	1711	251	217	217	2425
2014	1694	156	222	222	2268
2015	1860	159	156	296	2471
Jumlah	8744	1024	1128	1117	12013

Sumber: Statistik Pelepasan Banduan Pada Parol Dari Portal Data Terbuka Malaysia⁵

Menurut statistik di atas yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri bahawa pelepasan 72.79% banduan berbangsa Melayu yang menjalankan hukuman Parol. Peningkatan ini dari tahun 2008 sehingga 2015. Seramai 149 orang Melayu pada tahun 2008. Pada tahun 2009 peningkatannya sangat ketara iaitu seramai 529 orang. Tahun 2010 pula seramai 789 orang. Seterusnya pada tahun 2011 seramai 711 orang dan tahun 2012, seramai 1,301 orang yang mendapat pelepasan ini. Pada tahun 2013 berlaku juga peningkatan pelepasan ini, iaitu sebanyak 1,711 orang. Pada tahun 2014 pula seramai 1,694 orang yang telah mendapat pelepasan ini. Akhir sekali pada tahun 2015 seramai 1,860 orang Melayu mendapat pelepasan ini. Melalui statistik ini seramai 8,744 orang Melayu telah mendapat pelepasan hukuman Parol. Jika melihat pada jumlah ini, peningkatan perlepasan bangsa Melayu telah meningkat dari tahun ke tahun. Sehubungan itu, hukuman ini dilihat sebagai alternatif untuk para banduan menjalankan hukuman mereka. Peningkatan pelepasan Parol dari tahun ke tahun ini, menunjukkan hukuman ini telah diaplikasikan di negara Malaysia ini.

Akta penjara di Malaysia juga telah mula diperbaharui sejak tahun 2008 dan memberi peluang kepada hukuman Parol dijalankan di penjara awam di Malaysia. Namun begitu, hukuman Parol ini merupakan salah satu hukuman yang telah dilakukan dan diaplikasikan di negara Barat. Oleh itu, pengkaji ingin melihat sejauhmana

⁵ Portal Data Terbuka Malaysia, Dicapai pada 16 April 2018 Laman sesawang, http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pelepasan-banduan-secara-perintah-Parol-mengikut-bangsa

hukuman ini dapat diaplikasikan mengikut syariat Islam dan menganalisis dari perspektif Siyasah Syar'iyah.

1.4 Persoalan Kajian

Melalui tajuk kajian yang telah dipilih, pengkaji merumuskan masalah kajian kepada beberapa persoalan seperti berikut:

- 1) Bagaimana pelaksanaan sistem Parol di Malaysia?
- 2) Apakah sudut pandangan Siyasah Syar'iyah dalam sistem Parol di Malaysia?
- 3) Apakah kedudukan Sistem Parol menurut Siyasah Syar'iyah?

1.5 Objektif Kajian

Tujuan utama pengkaji untuk melakukan kajian ini adalah untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

- 1) Mengkaji pelaksanaan sistem Parol di Malaysia
- 2) Menganalisis sudut pandangan Islam dalam sistem Parol di Malaysia.
- 3) Menentukan kedudukan mengenai Sistem Parol menurut Siyasah Syar'iyah.

1.6 Kepentingan Kajian.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui penerimaan penggunaan Siyasah Syar'iyah terhadap aplikasi Sistem Parol di Jabatan Penjara Malaysia di Bahagian Parol Dan Perkhidmatan Komuniti. Oleh itu, penggunaan ini membuktikan pelaksanaan siyasah sya'iyah bukan sahaja dalam pentadbiran atau politik malahan memcakupi dalam bidang hukum terutama dalam hukuman jenayah bagi mencapai objektif hukuman jenayah tersebut..

Oleh demikian, kajian ini dilakukan memandangkan banyak kepentingan yang akan didapati hasil daripada penemuannya antaranya kepentingan kajian ini kepada Jabatan Parol dan Khidmat Masyarakat. Hal ini demikian kerana, pengkaji dapat melakukan kajian yang lebih mendalam untuk merangka dan membantu jabatan ini dalam mengaplikasikan Siyasah Syar'iyah.

Kajian ini juga penting kepada Orang Diparol (ODP). Hal ini kerana, kajian ini dapat menambahbaik sistem Parol kepada sistem yang mematuhi syariah kerana kaum Melayu lebih ramai mendapat pelepasan Parol di Malaysia. Selain itu, kajian ini telah menganalisis perspektif Siyasah Syar'iyah yang membawa kemaslahatan kepada para ODP.

Selain itu, kajian ini penting untuk para mahasiswa. Hal ini kerana, mereka akan didedahkan dengan aplikasi Siyasah Syar'iyah dalam urusan perundangan dan hukuman di Malaysia. Ini kerana Siyasah Syar'iyah mempunyai skop yang meluas bukan sahaja terbatas kepada politik dan pentadbiran negara sahaja, namun bidang

hukum dan penguatkuasa undang-undang juga merupakan bidang Siyasah Syar'iyah dan ini merupakan ilmu penemuan baru selari dengan ciri-ciri objektif hukuman Islam.

Akhir sekali, kajian ini juga penting untuk masyarakat di Malaysia kerana mereka dapat mengetahui dan memahami aplikasi Siyasah Syar'iyah dalam urusan Jabatan Parol dan sekaligus dapat melihat pelaksanaannya.

1.7 Skop Kajian

Batasan kajian ini merukan faktor-faktor yang telah ditetapkan oleh pengkaji untuk memastikan kajian ini berjalan dengan teratur dan memberikan hasil. Tujuan batasan kajian ini dikemukakan adalah untuk menghadkan bidang kajian supaya tidak begitu meluas sebaliknya lebih berfokus.⁶ Terdapat dua skop kajian:

- 1) Kajian hanya dijalankan kepada Jabatan Penjara Malaysia Bahagian Parol Dan Perkhidmat Masyarakat. Penekanan ini difokuskan kepada jabatan ini sahaja terutama di bahagian Parol Dan Perkhidmat Masyarakat bagi menumpukan aspek-aspek yang berkaitan dengan syarat pelepasan dan program-program yang berkaitan dengan Sistem Parol.
- 2) Kajian ini juga telah dilakukan di sekitar Kuantan, Pahang sahaja. Pembatasan geografi ini adalah kerana keterbatasan sumber daya pengkaji seperti masa dan kewangan. Namun begitu, tempat ini mampu berikan pengkaji tentang tatacara sistem dan program-program yang berkaitan Parol.

1.8 Ulasan Kajian-Kajian Lepas

Tajuk pelaksanaan Siyasah Syar'iyah dalam sistem Parol merupakan kajian yang kurang meluas pada ketika ini. Hal ini kerana, ramai para pengkaji hanya mengkaji tentang sistem Parol dan alternatif hukuman khidmat masyarakat untuk diaplikasikan dalam sistem Perundangan tanpa mengaitkan dengan pendekatan Siyasah Syar'iyah. Dalam membuat kajian tajuk ini, pengkaji telah merujuk beberapa kajian yang lepas untuk dijadikan rujukan.

Kajian pertama yang dirujuk adalah Nurbazla dan Mohd Al Adib (2016)⁷ berkaitan dengan khidmat masyarakat di mahkamah syariah. Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat perintah khidmat masyarakat ini mampu memberi impak positif terhadap pesalah jenayah syariah. Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah

⁶ Ahmad Sunawari Long, *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022) 52.

⁷ Nurbazla Ismail dan Moahd Al Adib Samuri, "*Prospek Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah*", *Islamiyyat*, Vol 38, No 1, (2016).

kaedah temu bual separa struktur. Kajian ini telah dilakukan di lima buah negeri di Malaysia dan responden yang terlibat adalah sembilan orang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan seorang Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah. Hasil kajian ini mendapati bahawa hukuman khidmat masyarakat ini mempunyai prospek yang cerah untuk dilaksanakan pada masa hadapan. Pengkaji juga berharap para Hakim Mahkamah Syariah dapat mempertimbangkan hukuman ini kepada pesalah syariah iaitu penjenayah yang menyalahi hukuman di enekmen-enekmen negeri masing-masing pada masa hadapan. Kajian ini juga melihat sudut pandangan daripada para Hakim Mahkamah Syariah untuk melaksanakan hukuman khidmat masyarakat digunakan dalam undang-undang syariah Malaysia

Seterusnya adalah kajian yang telah dilakukan oleh Arifah Rahimah dan Mohd Al Adib Samsuri (2014)⁸ tentang perintah masyarakat iaitu hukuman alternatif bagi hukuman penjara seperti khidmat masyarakat yang digunakan sebagai hukuman alternatif di Mahkamah Syaria'ah di Malaysia. Hukuman kesalahan jenayah Malaysia masih tertakluk pada tiga tahun penjara, RM5000 denda dan enam kali sebatan. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk melihat perintah masyarakat digunakan sebagai hukuman alternatif. Kajian ini telah menggunakan kajian kes yang lepas untuk melihat impak hukuman ini terhadap persalah, masyarakat, dan negara. Kajian ini juga mendapati bahawa pelaksanaan perintah khidmat masyarakat wajar dilaksanakan di Mahkamah Syaria'ah. Hukuman alternatif ini dapat dilaksanakan melalui Enakmen Jenayah Syariah serta Enakmen Tatacara Jenayah Syariah. Selain itu, kajian ini juga bertujuan supaya pelaksanaan perintah khidmat masyarakat dapat dilaksanakan dengan secara efektif dan efisien oleh institusi Mahkamah Syariah dan Majlis Agama Islam.

Selain itu, terdapat kajian yang telah dibuat Wan Roslili dan Najibah (2015)⁹ berkenaan isu dalam penahanan dan pemulihan banduan di Malaysia. Kajian ini adalah untuk melihat proses pemulihan penjara di Malaysia menepati hukuman syarak terutama dalam Maqasid Al Syaria'ah. Tukisan ini juga mengkaji undang-undang penjara menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh peraturan atau instrumen antarabangsa. Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual serta pemerhatian di penjara awam di Malaysia. Seramai 25 orang banduan wanita dan lapan orang pegawai penjara serta penguasa Penjara Wanita Kajang sebagai informan. Kajian ini mendapati bahawa negara Malaysia telah menepati maqasid syaria'ah di bawah peraturan penjara

⁸ Arifah Rahimah Ismail dan Mohd Al Adib Samsuri, "*Perintah Khidmat Masyarakat Sebagai Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah Malaysia*", Kanun, (2014).

⁹ Wan Roslili Abd Latif dan Najibah Mohd Zain, "*Isu Dalam Penahanan dan Pemulihan Banduan di Malaysia*." Kanun, (2015).

2000. Bukti ini dijelaskan kelima-lima prinsip syariah terdapat dalam peraturan penjara. Kajian ini juga mencadangkan bahawa hukuman yang diberi kepada pesalah perlu memberi impak kepadanya serta mengambil kesan yang negatif hukuman terhadap pesalah dan anggota keluarga mereka.

Kajian berkenaan teori pencegahan juga telah dibuat oleh Mohd Al Adib (2012)¹⁰ dengan membandingkan antara perundangan Islam dan sivil. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis teori pencegahan sebagai satu justifikasi hukuman dengan membuat perbandingan antara Islam dan sivil. Aspek yang telah dianalisis adalah teori pencegah sivil dan Islam. Hal ini kerana, untuk membuktikan bahawa perundangan Islam mempunyai justifikasi yang tersendiri walaupun bentuk hukuman Islam kelihatan kejam sebagaimana hujah pengkritik. Secara amnya, terdapat banyak persamaan antara kedua-dua sistem undang-undang ini, menyatakan bahawa sasaran teori pencegahan adalah secara khususnya kepada pesalah dan memberi pengajaran kepada masyarakat awam. Namun begitu terdapat perbezaan antara Islam dan sivil antaranya adalah, dalam teori Islam tetap mengutamakan maruah diri pesalah sewaktu hukuman itu dijalankan dan mempunyai limitasi yang dapat mencegah pesalah daripada dizalimi oleh proses perundangan. Kajian ini adalah membandingkan teori sivil dan Islam terhadap keadilan jenayah. Hal ini kerana dalam undang-undang Islam mempunyai konsepnya tersendiri yang memberikan perspektif yang berbeza berbanding hukuman sivil.

Selain itu, kajian terhadap hukuman takzir dilihat sebagai hukuman yang tepat untuk kajian ini. Melihat pada kajian Mohamed Azam Mohamed Adil dan Ahmad Badri Abdullah (2016)¹¹ mengatakan bahawa hukuman takzir merupakan salah satu hukuman di bawah budi bicara pemerintah. Maka kajian ini telah membuat satu garis panduan yang berkaitan takzir dan Maqasid Syariah. Garis panduan ini akan memudahkan para pemerintah atau hakim membuat keputusan berdasarkan takzir dan Maqsid Syariah. Kajian ini juga mengambil hukuman perdagangan manusia sebagai contoh aplikasi takzir dan Maqasid Syariah.

Manakala kajian yang telah dibuat oleh Diah Ratna Yuniarti (2014)¹² berkaitan hukuman takzir sebagai metode pendidikan akhlak. Kajian ini menunjukkan sistem takzir digunakan untuk memulihkan akhlak para remaja melalui sistem pendidikan di sekolah.

¹⁰ Mohd Al Alib, "*Teori Pencegahan Sebagai Justifikasi Hukuman: Analisis Perbandingan Antara Perundangan Sivi Dan Islam*", Islamiyyat, (2012).

¹¹ Mohamed Adil, Mohamed Azam, dan Ahmad Badri Abdullah. "The Application of Shari'ah Principles of Ta'zir in Malaysian Common Law: A Maqasid-Based Proposal". *ICR Journal* 7 vol 1 (2016):48-50

¹² Diah Ratna Yuniarti, "*Tazir Sebagai Metode Pemulihan Akhlak, Studi Komperatif Antara Pemikiran Ibnu Maskawih Dan Abdullah Nasih Ulwan*, Disetarsi (M.Pendidikan Islam)- Progran studi keIslaman, Fakulti Pendidikan Islam, Unveritas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, 2014.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan temu bual bagi mendapatkan maklumat tentang hukuman takzir serta pendidikan pemulihan akhlak. Manakala bagi melihat keberkesanan takzir dalam pendidikan akhlak pengkaji telah membuat kajian lapangan. Kajian ini menunjukkan bahawa hukuman takzir boleh dimasukkan dalam pemulihan akhlak seseorang itu.

Tema ini adalah maqasid dalam negara bagi membentuk satu polisi hukuman itu, sebagai pemerintah atau kerajaan perlu melihat kepada Maqasid Syariah itu sendiri. Menurut Mohamad Zaidi¹³ (2015) dalam kajiannya penggunaan Maqasid Syariah perlu diaplikasikan dalam sebuah pentadbiran sesuatu negara itu. Hal ini kerana, sejarah telah membuktikan penggunaan Maqasid Syariah berjaya membentuk kejayaan seperti pada zama Khulafa^{ar-Rasyiddin}. Oleh itu, kajian ini amat peting bagi pengkaji melihat pemerintah negara mengaplikasikan Maqasid Syariah dalam pentadbiran sesebuah negara itu bagi menjamin kemaslahatan rakyat atau penduduknya. Hal ini kerana, kesejahteraan atau kelancaran pentadbiran berasaskan Maqasid dapat memberikan impak yang positif kepada kehidupan rakyat jelata.

Selain itu, Mohd Hapiz Mahaiyadin¹⁴ dalam kajiannya melihat polisi atau undang-undang yang berasaskan Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Dalam pentadbiran Islam, pemerintah atau kerajaan dapat menggunakan kaedah *ijtihad*. Kerajaan Islam yang juga perlu melaksanakan tugas *al-amr bi al-makruf wa al-nahy* „*an almunkar* (menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran) dalam pemerintahan mereka supaya dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Kajian ini dapat melihat Maqasid Syariah sebagai satu kaedah untuk pemerintah menjadikan paduan utama bagi menjalankan urusan tadbir negara yang lebih baik. Walaupun kajian ini berkaitan urusan tadbir akan tetapi kita dapat melihat pembentukan satu polisi atau dasar yang berasaskan Maqasid Syariah untuk diterapkan ke dalam program-program kerajaan kelak.

Kajian Shahidra Abdul Khalil¹⁵ adalah salah satu kajian yang penting dalam kajian ini. Kajian beliau adalah berkaitan hubungan Siyāsah Syar[‘]yyah dan jenayah. Oleh itu, kajian ini menunjukkan hukuman terhadap jenayah juga tertakluk kepada konsep Siyāsah Syar[‘]yyah terutama yang berkaitan hukuman takzir. Kajian ini juga

¹³ Mohamad Zaidi Abdul Rahman *Aplikasi Maqasid al-Syariah dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam*. Jurnal Fiqh, no.12 (2015),51-54

¹⁴ Mohd Hapiz Mahaiyadin, *Hubungan Maqasid Syariah Dan Siasah Syar[‘]yyah Dalam Urus Tadbir Negara*. ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities, Vol1,(2017). 33-34.

¹⁵ Shahidra Abdul Khalil, „*Pendekatan Siyāsah Syar[‘]yyah Dalam Menangani Isu Perundangan Jenayah Semasa Di Malaysia: Siyāsah Syar[‘]yyah*„. Jurnal Fiqh vol 19, No.2 (2022) :166

berkaitan hukuman mati di Malaysia dan hubungan terhadap Siyasa Syar'iyah. Kajian mendapati dalam perundangan dan hukuman semasa, penggunaan Siyasa Syar'iyah boleh digunakan. Maka itu, kajian ini sangat menepati kajian yang telah dibuat oleh pengkaji berkaitan hukuman Parol ini.

Tema Sistem Parol dan aplikasinya. Terdapat juga kajian yang telah dibuat oleh Carolyn Strange (2017)¹⁶ yang berkaitan tentang pengampunan dan Parol di New York City. Kajian ini bertujuan mengkaji sejarah hukuman yang berkaitan tempoh larangan (*prohibition*). Pengkaji juga telah mengkaji sistem pentadbiran hukuman ini. Hal ini demikian kerana, di negara Amerika Syarikat hukuman Parol digunakan sebagai salah satu pengampunan sesuatu hukuman. Pengkaji juga menyatakan bahawa hukuman Parol ini merupakan salah satu hukuman alternatif daripada hukuman mati. Oleh demikian, kajian ini menunjukkan bahawa Parol adalah salah satu hukuman selain daripada hukuman penjara dan hukuman mati. Kajian ini juga berkaitan tentang pengalaman negara Amerika Syarikat terhadap hukuman Parol.

Selepas itu,terdapat kajian tentang hukuman Parol yang telah dibuat oleh Kimberly Thomas dan Paul Reingold (2017)¹⁷ yang berkaitan pengamalan Parol serta melihat semula proses perlindungan hukuman Parol. Selain itu, pengkaji juga mengkaji aras panduan terhadap keputusan pelepasan secara Parol. Kajian ini amat penting kerana ingin melihat kewajaran hukuman Parol sebagai salah satu hukuman.

Manakala terdapat kajian Orang Diparol (ODP) terhadap risiko residivisme yang telah dibuat oleh Norruzeyati Che Mohd Nasir dan etal (2020)¹⁸. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan dilakukan di Jabatan Penjara Malaysia di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor Darul Ehsan. Seramai 13 informan telah ditemu bual bagi mendapatkan data. Informannya terdiri daripada pelbagai jawatan iaitu pegawai Parol, inspektor, penolong pegawai Parol, penyelia Rumah Perantaraan, warden dan koperal. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat empat faktor risiko dinamik residivisme di kalangan ODP yang utama adalah kegagalan mendapat pekerjaan, mentaliti masyarakat yang tidak menerima atau streotaip terhadap ODP, faktor diri sendiri untuk berubah,

¹⁶ Carolyn Strange, "*Pardon And Parole In Prohibition-Era New York: Discretionary Justice In The Administrarive State*", Osgoode Hall Law School Legal Studies Research Paper Series, Vol 13,Issue 10, 2017.

¹⁷ Kimberly Thomas & Paul Reingolg, "*From Grace To Grid: Rethinking Due Process Protection For Parole*", Journal Of Criminal Law And Criminology,Vol 107, No2, 2017.

¹⁸ Che Mohd Nasir, Norruzeyati, Noor Azizah Ahmad, Ahmad Shukri Abdul Hamid, Mariny Abdul Ghani, and Mohd Alif Jasni. "*Faktor Risiko Dinamik Residivisme Dalam Kalangan Orang Diparol (ODP): Perspektif Kakitangan Parol*". *EDUCATUM Journal of Social Sciences* Vol.6 No.1 (2020), 30-32.

dan penolakan keluarga. Oleh itu, ini merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi residivis terhadap ODP. Kajian ini juga membantu memberi input untuk kepada Jabatan Penjara Malaysia bagi membuat polisi dan program yang memberikan faedah kepada para baduan terutama ODP.

Kajian Jamaluddin Mustaffa dan etal (2019)¹⁹ juga berkaitan tentang pencapaian pelaksanaan program ODP di Malaysia. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji pencapaian Jabatan Penjara Malaysia terutama bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti yang dilakukan terhadap pegawai penjara. Kajian ini menggunakan sampel sebanyak 40 orang responden yang terdiri daripada Pegawai penjara. Kajian ini mendapati faktor utama yang memberi impak kepada Program ODP ini adalah membina hubungan antara ODP dan keluarga, masyarakat, serta majikan. Faktor kedua ialah membina sahsiyah yang positif kepada ODP. Akhir sekali, program ini membimbing dan memantau ODP ke arah perubahan hidup. Namun begitu, kajian ini juga menyatakan kelemahan program ini seperti masalah logistik, masalah kakitangan tiada ilmu, bebanan tugas, masalah pamantauan dan kekurangan anggota Pegawai. Oleh itu, kajian ini amatlah penting untuk melihat kekuatan dan kekurangan Program Parol di Malaysia.

Selain itu, terdapat juga kajian daripada Khadijah Alvi dan etal (2013)²⁰ mengkaji tahap pengetahuan agama di kalangan banduan Parol untuk membentuk akhlak. Ini merupakan salah satu kajian yang berkaitan Parol dan agama. Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif yang melibatkan seramai 280 orang responden terdiri daripada ODP. Hasil kajian mendapati hanya 2.9 peratus sahaja yang mempunyai pengetahuan agama yang tinggi. Melalui kajian ini, dapat memberikan implikasi terhadap program-program yang bersifat kerohanian di kalangan ODP bagi tujuan untuk membina keinsafan kepada ODP supaya menjadi insan yang berguna pada masa hadapan yang kelak. Kajian ini amat penting untuk pengkaji melihat pengetahuan agama di kalangan para ODP yang menunjukkan keputusan yang agak membimbangkan. Oleh demikian, kajian ini juga menyatakan perlu mengutamakan program-program yang bersifat kerohanian bagi memulihakan akhlak dan keperibadian ODP yang lebih baik.

¹⁹ Jamaludin Mustaffa, Noor Azniza Ishak, Siti Rozaina Kamsani & Nabisah Ibrahim. "Pencapaian Pelaksanaan Program ODP Di Malaysia". *Jurnal Pembangunan Sosial* Jil.(2019).41-43.

²⁰ Khadijah Alavi, Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad, Wan Shahrzad Wan Sulaiman, Salina Nen dan Norulhuda Sarnon, "Tahap Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Banduan Parol: Ke Arah Pembentukan Akhlak Sejahtera. e-BANGI, Journal Of Sciences And Humanities, Vol 8, No.2 (2013), 1-4.

Terdapat juga kajian daripada Mohd Alif Jasni (2018)²¹ tentang pengangguran dalam kalangan bekas banduan. Kajian telah menemu bual seramai 19 orang bekas banduan di sekitar Jalan Chow Kit. Hasil kajian mendapati bekas banduan lebih memilih „jalan mudah“ atau „tidak sah“ dalam memperoleh pendapatan mereka. Maka itu, satu program penempatan pekerjaan selepas banduan dibebaskan. Program ini bagi membantu bekas banduan untuk menghadapi cabaran di luar terutama dalam pencarian pekerjaan. Program ini dapat dilihat sama seperti sistem Parol yang dapat membantu para pesalah untuk mencari peluang pekerjaan.

Kesimpulannya melalui kajian-kajian ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa tidak ada penulis yang menulis kajian yang berkaitan siyasah syari'yyah terhadap sistem Parol. Namun begitu, terdapat penulis yang cuba mengaplikasikan hukuman Barat seperti khidmat masyarakat dalam hukuman jenayah syari'ah. Ini menunjukkan hukuman Barat yang tidak bertentangan dengan Al Quran dan Hadis dapat diaplikasikan atau digunakan sebagai hukuman alternatif di dalam hukuman Islam. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapatnya keupayaan untuk memahami dan menerapkan hukuman alternatif dalam kerangka hukuman Islam yang berpandukan kepada prinsip-prinsip Syari'ah. Selain itu, terdapat juga kajian yang menyatakan perkara yang berkaitan hukuman atau perundangan adalah sebahagian daripada Siyasah Syari'yyah. Perkara ini menunjukkan bahawa pentingnya memahami dimensi politik dan pemerintahan dalam konteks hukuman Islam.

1.9 Reka Bentuk Kajian

Pengkaji telah menjalankan kajian menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Conny R. Semiawan mengatakan bahawa metode kajian kualitatif adalah satu huraian yang mendalam tentang sesuatu gejala, fakta, masalah, dan realiti serta peristiwa. Perkara ini dapat diketahui apabila pemerhatian secara mendalam dan bukan hanya melihat kepada asasnya sahaja ke dalam kajian terhadap sesuatu adalah dikatakan sebagai metode kualitatif.²² Oleh itu, untuk mencapai objektif kajian pengkaji telah melakukan kajian lapangan yang secara mendalam dan terperinci dengan cara pengkaji sendiri bertemu dengan informan. Menurut Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin menyatakan bahawa kajian lapangan adalah satu kajian yang sebenar dengan

²¹ Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Khairiyah Md. Shahid, Noralina Omar, Zaiton Azma, *Pengangguran dalam Kalangan Bekas Banduan Sebagai Faktor Peramal kepada Pengulangan Jenayah di Malaysia: Kajian Kes ke Atas Bekas Banduan di Jalan Chow Kit*, International Journal of Law, Government and Communication, vol 3, issues 7, (2018)

²² Conny R. Semiawan, *Metod Kajian Kualitatif, Jenis Karetaristik, Dan Keunggulannya* (Jakarta:Crando, 2010) 1-2.

penyelidik sendiri membuat kajian dan menemui sampel atau informan²³. Oleh demikian, segala maklumat dan informasi akan dikumpul untuk kajian ini.

1.9.1 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Pejabat Parol dan Khidmat Komuniti yang terletak di A31 Tingkat bawah dan Satu Jalan Tun Ismail 2, Sri Dagang 2, daerah Kuantan serta Pejabat Pengarah Penjara Negeri Pahang yang berlokasi di No.A17 Tingkat Bawah dan Satu, Jalan Seri Kuantan 2, Sri Kuantan Square, daerah Kuantan. Secara umumnya Pejabat Parol dan Khidmat Komuniti adalah sebuah pejabat yang menguruskan segala aktiviti yang berkaitan dengan Orang yang diparol (ODP), Pesalah Kehadiran Wajib, dan Pembebasan Banduan Secara Lesen (PBSL) yang merangkumi daerah Kuantan dan Maran.

Manakala Pejabat Pengarah Penjara Negeri Pahang ditadbir oleh Pengarah Parol dan Perkhidmatan Komuniti yang mempunyai pangkat Penguasa Penjara Gred KA44 dan ke atas yang bertujuan untuk mentadbir bahagian Parol yang mempunyai kekuatan pelbagai pangkat seramai 44 orang yang bertugas di Pejabat Parol & Perkhidmatan Komuniti Negeri Pahang dan empat buah Pejabat Parol & Perkhidmatan Komuniti Daerah.²⁴ Di seluruh negeri Pahang Darul Makmur yang mempunyai empat cawangan di daerah Kuantan, Pekan, Jerantut, Dan Temerloh. Pejabat Parol & Komuniti Negeri Pahang mula beroperasi sepenuhnya pada 27 Julai 2008.

Oleh demikian rasional pengkaji memilih lokasi ini sebagai lokasi kajian kerana Pejabat Parol dan Khidmat Komuniti serta Pejabat Pengarah Penjara Negeri Pahang adalah pusat utama bagi ODP untuk menjalani suatu perintah Parol ini. ODP akan dihantar dan didaftarkan di Pejabat Parol dan Khidmat Komuniti Daerah (PPD) setelah keluar daripada penjara. Segala maklumat dan pengurusan mula dan berakhirnya tempoh perintah Parol akan diuruskan serta diseliaikan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan pejabat ini. Oleh itu, pemilihan pengkaji di lokasi adalah sangat bertepatan bagi mendapatkan pemahaman yang tinggi tentang Parol melalui pengalaman yang berkaitan dengan Parol serta cara kerja para informan yang merupakan ahli pegawai dan kakitangan di pejabat ini. Jabatan Parol ini juga telah mendapat dan melaksanakan MS ISO 9001:2015, ini menjadi tambahan kepada pengkaji kerana Pejabat Parol dan Khidmat Komuniti daerah Kuantan (PPD) telah menjalankan sistem pentadbiran dan pengurusan yang sangat baik setelah mendapat pengiktirafan ini.

²³ Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya:2016) 410.

²⁴ Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti Negeri Pahang, dicapai pada 12 Mei 2018 Laman sesawang, <https://Parolpahang.wordpress.com/2012/02/14/index/>

1.9.2 Populasi Dan Sempel Kajian

Kajian ini dijalankan di Bahagian Parol dan Khidmat Masyarakat di Kuantan yang merupakan ibu pejabat di Pahang yang mempunyai kakitangan seramai sembilan orang. Oleh itu, dalam pemilihan sampel, pengkaji telah memilih tujuh orang kakitangan ibu pejabat di Jabatan Parol dan Khidmat Masyarakat bandar Kuantan dan seorang pegawai di Pejabat Pengarah Penjara Negeri Pahang untuk ditemu bual dan dijadikan informan dalam kajian ini.

Menurut Chua Yan Piaw, persampelan merupakan proses memilih sebilangan subjek daripada satu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian²⁵. Pemilihan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat berkenaan Parol, aktiviti-aktiviti, pentadbiran, urustadbir, serta sistem Parol yang dijalankan. Informan juga dipilih berdasarkan pengalaman mereka mengendalikan sistem Parol dan ODP. Ini bermakna pengkaji menggunakan kaedah kebarangkalian sampel, iaitu memberi kesempatan kepada informan untuk menjawab dalam populasi yang telah dihadkan. Perkara ini adalah untuk memenuhi objektif kajian dan menjawab setiap persoalan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji.

1.9.3 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data amat penting dalam sebuah kajian. Data adalah maklumat yang dikumpul oleh pengkaji untuk dijadikan bahan analisis dalam kajian ini. Data ini hanya tertumpu kepada data kualitatif sahaja. Data kualitatif boleh dikumpulkan melalui pelbagai cara antaranya ialah dengan merujuk buku, jurnal, dokumen, artifak, peta, carta, jadual, gambar, melalui temubual dan sebagainya. Kebiasaannya, dalam proses pengumpulan data, penulis diberi pilihan sama ada untuk menggunakan metode kajian perpustakaan dan kajian yang lain.

Data utama dalam kajian ini adalah kaedah temu bual. Temu bual merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk mendapat maklumat secara lisan. Pendekatan ini adalah lebih baik kerana orang ramai lebih gemar menggunakan lisan daripada penulisan. Metode temu bual merupakan kaedah yang sering digunakan untuk mendapat reaksi dan maklumat yang sebenar daripada informan. Dalam kaedah ini, pengkaji akan menyenaraikan beberapa soalan yang dapat menjawab objektif kajian yang telah dibuat. Pengkaji juga telah memilih lapan orang informan yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Parol dan Pejabat Pengarah Penjara Negeri Pahang yang

²⁵ Chua Yan Piaw, Kaedah Penyelidikan, Buku 1 (Malaysia: The McGraw-Hill Sdn.Bhd:Edis,2:2011) 203.

mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam tajuk kajian yang dipilih oleh pengkaji terutama yang berkaitan Parol.

Dalam kajian ini, temu bual telah dijalankan secara bersemuka antara pengkaji dan para informan. Temu bual besemuka ini adalah dengan seorang individu sahaja. Temu bual besemuka juga adalah menemu bual dengan setiap individu atau informan secara berasingan dengan masa yang berlainan juga.²⁶ Sebelum melakukan temu bual pengkaji telah meminta keizinan daripada informan sebelum memulakan kajian ini. Seterusnya, pengkaji akan mengajukan beberapa soalan kepada informan dan mendengar jawapan yang diberi oleh mereka. Pengkaji juga turut merekod segala perbualan sepanjang sesi temu bual berlangsung dengan menggunakan telefon bimbit sebagai alat perakam dan dirakam dalam format mp3. Semua temu bual akan dijadikan data untuk dianalisis dalam kajian ini.

Oleh demikian, temul bual ini berdurasi 40 minit ke atas. Pengkaji juga telah datang ke PPD Kuantan dengan membuat temu janji pada tarikh dan masa yang ditentukan oleh para informan. Kajian ini bermula pada 2 Disember 2020 dan berakhir pada 16 Disember 2020. Temu bual ini dijalankan dan dilaksanakan menggunakan Bahasa Melayu bagi memudahkan kelancaran informan untuk menjawab kesemua soalan daripada pengkaji

Jadual 1.2: Rekod Aktiviti Temubual Bersama Para Informan.

Informan (kod)	Bilangan temu bual	Lokasi temubual	Tempoh temubual
RA	1 kali	Bilik mesyuarat PPD Kuantan	47 minit 36 saat
RB	1 kali	Bilik mesyuarat PPD Kuantan	41 minit 16 saat
RC	1 kali	Bilik pekerja PPD Kuantan	46 minit 53 saat
RD	1 kali	Bilik mesyuarat PPD Kuantan	41 minit 40 saat
RE	1 kali	Bilik pekerja PPD Kuantan	44 minit 14saat
RF	1 kali	Bilik mesyuarat PPD Kuantan	40 minit 12 saat
RG	1 kali	Bilik mesyuarat PPD Kuantan	41 minit 03 saat
RH	1 kali	Bilik Pejabat Pengarah Penjara	50 minit 35 saat

Sumber: hasil temu bual pengkaji

²⁶ Ibid. 141

Di samping itu, proses pengumpulan data ini terbahagi kepada dua iaitu data primer dan sekunder. Data primer dalam kajian ini adalah temu bual bersemuka dan pemerhatian pengkaji bersama informan di PPD Kuantan dan Pejabat Pengarah Penjara Negeri Pahang. Temu bual ini dijalankan di pejabat ini setelah pengkaji membuat temu janji dengan informan bagi tujuan untuk memudahkan informan menjawab temu bual dengan baik dan lebih bersedia. Soalan temu bual telah dihantar melalui e mel kepada informan sebelum tarikh temu bual dijalankan.

Data sekunder kajian ini adalah daripada buku, jurnal, tesis, dokumen, dan projek ilmiah. Data ini adalah bertujuan untuk memberi maklumat tambahan tentang perundangan Islam dan sistem Parol.

Selain itu, menurut Ahmad Sunawari Long terdapat kaedah „Empat K“ dalam mengumpul data iaitu kewujudan data, kesahan data, kecukupan data, dan ketetapan data.²⁷ Oleh itu, pengkaji telah membuat berdasarkan kaedah ini;

1) Kewujudan data.

Pengkaji mestilah mengumpul dan menganalisis data. Data utama kajian ini adalah temu bual maka pengkaji perlu memastikan lapan orang informan cukup dan dapat bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Selain itu, pengkaji telah menganalisis temu bual yang telah dijalankan serta Laporan Mesyuarat Pengurusan Parol dan PBSL Peringkat Negeri Pahang yang telah didapati.

2) Kesahan data.

Kesahan data ini merupakan salah satu daripada kesahihan sesuatu data. Pengkaji perlu memastikan data-data yang digunakan adalah daripada bahan-bahan yang asli dan boleh dipercayai. Sebagai contoh, menggunakan buku-buku yang berautoriti artikel jurnal yang berwasit dalam kajian ini.

3) Kecukupan data

Bagi seorang pengkaji perlu memastikan data-data yang telah dikumpul mencukupi dan dapat menepati serta mencapai objektif kajian yang telah dibuat. Kajian ini hanya memerlukan lapan orang informan untuk menjawab kesemua persoalan kajian untuk mencapai objektifnya,

4) Ketetapan data

Ketetapan data perlu dibuat dengan teliti bagi mengelakkan kesalahan data. Sebagai contoh, data yang berbentuk angka perlu diteliti bagi mengelakkan kesalahan. Selain itu,

²⁷ Ahmad Sunawari Long, *Metodologi Kaedah Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022) 43-44.

transkrip temu bual juga perlu diteliti dengan baik bagi mengelakkan kesalahan infomarsi.

Oleh demikian, pengumpulan data amat penting dalam membentuk kajian ini. Justeru itu, fokus utama kajian ini adalah data daripada temu bual yang merupakan data primer. Data temu bual membentuk kajian ini dan data- data seperti pustakaan, jurnal, dan dokumen menjadi data sokongan terhadap data primer.

1.9.4 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat soalan temu bual semi-berstruktur bagi informan untuk menjawab soalan temu bual dengan mudah dan bebas. Temu bual semi-suktur ialah seorang penyelidik menentukan jumlah soalan-soalan temu bual semasa sesi temu bual berlangsung untuk memperolehi maklumat tambahan daripada aspek yang kurang jelas atau kurang menjawab soalan kajian bagi maksud mendalam.²⁸Ini bermakna pengkaji akan memulakan dengan soalan yang terdapat di borang temu bual dan melihat kepada jawapan informan jika tidak menepati pada jawapan yang dimahukan maka akan ada soalan tambahan bagi mejelaskan jawapan.

Selain itu, soalan temu bual dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah pendahuluan itu soalan berasaskan demografi informan seperti nama, umur, jantina, jawatan dan tempoh perkhidmatan. Manakala bahagian B pula adalah soalan yang berkaitan dengan Parol dan analisis Siyash Syar“iyah.

1.9.5 Kaedah Analisis Data

Pengkaji telah menggunakan kaedah secara manual untuk menganalisis data dalam kajian ini. Bermula dengan pengkaji merekod semula semua perbualan yang diadakan dan menyalin semula perbualan mereka dalam *Microsoft word* untuk dijadikan data sebelum dianalisis. Selepas itu, lebihan data dan maklumat yang telah dikumpul oleh pengkaji dalam temu bual telah dilakukan proses pembersihan data.

Proses pembersihan data yang diperolehi daripada catatan pemerhatian lapangan ditadbir secara manual. Setiap data dibersihkan dengan menaip semula catatan pemerhatian lapangan sebaik sahaja kembali daripada kerja lapangan. Tahap pembersihan data transkripsi rakaman audio temu bual diperincikan dengan teliti untuk meningkatkan kebolehpercayaan luaran. Pengkaji mentranskripsikan rakaman audio temubual menggunakan kaedah manual. Indeks kod data seperti berikut:

²⁸ Ghazali Darusalam Dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan, Amalan Dan Analisis* (Kuala Lumpur: Penerbit University Malaya,2016),450.

Jadual 1.3: Indeks Kod Data Temu Bual

Bil	Kod	Keterangan
1	RA(02122020/)	RA adalah informan pertama,02122020 adalah tarikh temu bual diadakan iaitu 2 Disember 2020, selepas (/) merujuk kepada bilangan baris mana petikan yang telah diambil.
2	RB(02122020/)	RB adalah informan kedua,02122020 adalah tarikh temu bual diadakan iaitu 2 Disember 2020, selepas (/) merujuk kepada bilangan baris mana petikan yang telah diambil
3	RC(08122020/)	RC adalah informan ketiga,08122020 adalah tarikh temu bual diadakan iaitu 8 Disember 2020, selepas (/) merujuk kepada bilangan baris mana petikan yang telah diambil.
4	RD(08122020/)	RD adalah informan keempat,08122020 adalah tarikh temu bual diadakan iaitu 8 Disember 2020, selepas (/) merujuk kepada bilangan baris mana petikan yang telah diambil.
5	RE(09122020/)	RE adalah informan kelima,09122020 adalah tarikh temu bual diadakan iaitu 9 Disember 2020, selepas (/) merujuk kepada bilangan baris mana petikan yang telah diambil.
6	RF(09122020/)	RF adalah informan keenam,09122020 adalah tarikh temu bual diadakan iaitu 9 Disember 2020, selepas (/) merujuk kepada bilangan baris mana petikan yang telah diambil.
7	RG(10122020/)	RC adalah informan ketujuh,10122020 adalah tarikh temu bual diadakan iaitu 10 Disember 2020, selepas (/) merujuk kepada bilangan baris mana petikan yang telah diambil.
8	RH(16122020/)	RC adalah informan kelapan,16122020 adalah tarikh temu bual diadakan iaitu 16 Disember 2020, selepas (/) merujuk kepada bilangan baris mana petikan yang telah diambil.

Sumber: hasil temu bual pengkaji

Selain itu, pengkaji akan membuat analisis data yang terkumpul dengan menggunakan kaedah induktif. Kaedah ini adalah satu proses untuk mencari maklumat yang tepat dan khusus daripada maklumat yang umum seperti mengenal pasti konsep falsafah hukum syariat Islam. Oleh itu, kaedah ini dapat menganalisis data yang tepat untuk dibuat panduan bagi pengkaji menganalisis hukuman Parol diaplikasikan mengikut perspektif Siyasa Syar'iyah untuk menjalankan kajian ini.

Oleh demikian, dapat disimpulkan bahawa dalam menganalisis data pengkaji perlu membuat tahap pembersihan data yang pertama. Selepas itu, pengkaji perlu mengasingkan data berdasarkan topik yang terwujud daripada kajian ini dan proses tersebut iaitu proses induktif.

1.9.6 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini bergantung kepada kejujuran informan terhadap maklumat yang telah diberikan. Oleh itu pengkaji amat bergantung kepada kejujuran informan dan memberi informasi untuk kajian ini dilakukan.

1.10 Kesimpulan

Bab satu ini, pengkaji telah membahaskan terlebih dahulu pengenalan kepada kajian, latar belakang masalah kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi kajian, kaedah pengumpulan kajian, instrumen kajian dan kaedah analisis data dan kesimpulan. Bab ini sangat penting dalam membentuk kajian ini bagi pengkaji. Seterusnya bab yang selanjutnya akan menerangkan tentang falsafah perundangan dan Siyasah Syar'iyah

BAB 2: KONSEP HUKUMAN JENAYAH DAN SIYASAH SYAR'IIYAH

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan menghuraikan kajian literatur secara lebih mendalam dan membahagikan kepada dua iaitu berkaitan fasafah perundangan, hukuman Islam dan hubungan hukuman jenayah dalam Siyasah Syar'iiyah .

2.2 Falsafah Dan Matlamat Perundangan Islam.

Islam mempunyai undang-undang yang tersendiri. Oleh itu, undang-undang ini terdapat falsafahnya. Menurut Harun Din mengatakan bahawa perundangan Islam adalah suatu perundangan yang rabbani dan tidak semestinya semua yang wujud di dalamnya dapat difahami dan diketahui falsafahnya oleh manusia.¹ Ini menunjukkan bahawa falsafah perundangan Islam sangat tinggi. Hal ini demikian kerana, Allah S.W.T menjadi manusia di muka bumi ini dengan kemampuan dan kebolehan yang terhad.

Selain itu, menurut Jafril Khalil, jika diteliti di dalam Al-Quran dan hadis kata-kata falsafah ini bermaksud kata-kata hikmah. Namun begitu, kata-kata hikmah ini lebih luas pengertiannya daripada falsafah. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa falsafah syariah Islam adalah pengetahuan tentang hakikat, rahsia dan tujuan syariat.²

Manakala Muhammad Fathi Yusuf³ menyatakan bahawa manusia ini merupakan makhluk yang bersosial dan memerlukan antara satu sama lain. Hubungan antara manusia tidak boleh berlaku dengan sempurna jika tidak ada peraturan atau undang-undang daripada Allah S.W.T. Walaupun terdapat segelintir manusia cuba mencipta undang-undang sendiri menggunakan akal mereka namun terdapat kelemahan dalam undang-undang tersebut. Hal ini kerana, manusia adalah terbatas dan pengaruh hawa nafsu mendorong kepada kelemahan undang-undang yang mereka cipta. Maka dengan itu, undang-undang yang digubal oleh manusia adalah terhad tidak seperti hukuman yang diperintahkan Allah S.W.T.

Setiap hukum yang disyariatkan dalam Islam mempunyai tujuan dan makna yang tersendiri. Oleh itu, Berkata Ruzian Markom, matlamat perundangan Islam terbahagi kepada tiga iaitu mendidik manusia, memelihara lima prinsip dalam Islam, dan

¹ Haron Din, *Falsafah Perundangan Islam* (Bangi:Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,1986),2.

² Jafri Khalil, *konsep dan Falsafah Perundangan Islam* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka,1999),11.

³ Mohammad Fathi Yusuf, *Kesesuain Perlaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia*, KUIZM publication (2014),1.

menegakkan keadilan.⁴Oleh demikian, matlamat syariat Islam boleh dibahagi kepada seperti berikut:

- 1) Mendidik manusia. Dalam kehidupan manusia di dunia ini terdapat pelbagai ujian dan cabaran. Hal ini kerana sifat dan kemampuan manusia adalah terhad dan bergantung kepada kekuasaan serta keesaan Allah S.W.T. Pekara ini jelas dinyatakan dalam firman Nya, surah Al Kahfi ayat 7:

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لَهَا لِنَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ﴿٧﴾

Maksudnya: Sesungguhnya kami telah menjadikan apa yang di bumi sebagai perhiasan baginya, agar kami menguji mereka siapakah di antara mereka yang terbaik perbuatannya.(Al Kahfi 18:7)

Ayat ini menjelaskan bahawa setiap kekayaan harta dan kekuasaan merupakan salah satu ujian bagi manusia di dunia ini. Maka Allah S.W.T telah mensyariatkan perundangan Islam bagi mendidik manusia supaya mampu menghadapi segala cabaran. Syariah juga menanamkan keimanan dan sifat amanah serta kebenaran dalam jiwa umat Islam.

- 2) Menjaga serta memelihara lima prinsip Islam.

Menjaga atau memelihara prinsip lima dalam Islam menjadi tunjang dalam Islam. Prinsip ini adalah menjaga agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Semua prinsip ini terkandung dalam perundangan Islam. Sebagai contoh memelihara agama iaitu isu berkaitan murtad. Orang Islam yang keluar dari agama Islam diminta bertaubat dan jika tidak melakukan taubat maka akan dikenakan hukuman bunuh padanya. Memelihara prinsip lima prinsip Islam ini juga tidak melanggar hak asasi manusia.

- 3) Menegakkan keadilan.

Keadilan merupakan salah satu matlamat perundangan Islam. Hal ini sangat jelas dengan firman Allah S.W.T dalam surah Mumtahanah ayat 8:

لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ تُخْرِجُوهُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ

أَنْ تَبْرُوهُمْ وَتَقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

⁴ Ruzian Markom, *Apa Itu Undang-Undang Islam* (Pahang: PTS Publication, 2003),16.

Maksudnya: Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.(Mumtahanah 60:8)

Selain daripada matlamat utama sebuah perundangan itu, pengkaji juga telah meneliti objektif undang-undang jenayah Islam. Menurut Shamrahayu objektif ini adalah penguatkuasaan (*enforcement*). Namun begitu, ini bukanlah tujuan utama akan tetapi keutamaan adalah melindungi agama. Ini kerana, sistem Islam itu menyeluruh kepada kehidupan individu, keluarga, komuniti, negara dan komuniti antarabangsa. Oleh itu, penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam adalah bertujuan untuk memelihara dan menegakkan hak sama rata serta melindungi setiap aspek kehidupan termasuk agama.⁵

Menurut Hashim Mehat pula mengatakan bahawa tujuan hukuman dalam Islam ada tiga iaitu, tujuan abstrak sebagai teori keadilan dan kemanusiaan. Kedua sebagai reformasi. Akhir sekali, penyamarataan sebagai teori kepada pencegahan.⁶ Manakala menurut Hashim Kamali menyatakan bahawa tiga komponen utama syariah adalah belas kasihan, bertujuan untuk mendidik individu, dan memperkukuhkan keadilan untuk memberi manfaat (*maslahah*) kepada manusia.⁷

Kesimpulannya tujuan utama perundangan Islam adalah mendidik seseorang muslim tersebut, memberi keadilan dan hak yang samarata sesama manusia, dan yang paling penting adalah menjaga agama Islam itu sendiri. Perkara ini juga bersamaan dengan Siyasa Syar'iyah yang menekankan *Maqasi Dhūruriyyah* iaitu menjaga agama, menjaga diri, menjaga akal, keluarga, dan harta.⁸

2.3 Kesalahan Dalam Jenayah Islam.

Kesalahan di dalam Islam disebut sebagai *jarimah* dan *jinayah* yang berasal daripada perkataan Arab. Kedua perkataan ini menggambarkan kesalahan dalam perundangan Islam. Dalam konteks di Malaysia kesalahan selalunya disebut dengan perkataan jenayah. Jenayah adalah suatu perbuatan atau keingkaran di sisi undang-undang yang merupakan kesalahan terhadap negara dan menjadikan orang yang

⁵ Shamrahayu A.Aziz, *Issues On Enforcement Of Islamic Criminal Law In Malaysia*, (Malik Publisher:Tt).10-11

⁶ Hashim Mehat, *Islamic Criminal Law And Criminal Behaviour*, (Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn.Bhd:1993) 65

⁷ Hashim Kamali, *Shari'a Law An Introduction*, (England: Oneworld Book:2008)27-28.

⁸ Abd Al-'Āl Aḥmad 'Aṭwah Madkhal Ila Siyasa Syar'iyah,(Arab Saudi:Universiti Imam Muhamad Bin Sa'ud:Tt) 72.

bersalah dan melakukan perbuatan atau keingkaran itu belah dikenakan hukuman di sisi undang-undang.⁹ Maksud jenayah memyerupai dengan istilah *jarimah* dan *jinayah*. Hal ini kerana, perkataan *jinyah* merupakan salah satu perkataan yang sinonim dengan perkataan *jarimah* walaupun penggunaan mereka adalah berbeza tetapi definisi kata ini adalah serupa.¹⁰

Manakala berkata Mahmood Zuhdi¹¹ menyatakan istilah *jarimah* dan *jinayah* adalah segala perbuatan yang jahat dan diharamkan oleh syarak dan diperuntukan olehnya hukuman terhadap pelakunya yang melibatkan nyawa, tubuh badan, harta maruah dan sebagainya.

Menurut Irwan Mohd Subri *jarimah*¹² ialah segala perkara yang diharamkan dan mempunyai hukuman atau balasan seperti yang telah ditetapkan oleh syarak manakala *jinayah* pula adalah perbuatan maksiat yang membenarkan hakim untuk menjatuhkan hukuman dan hukuman itu dijalankan di dunia. Oleh itu perbuatan jenayah ini boleh dibahagikan kepada dua ciri seperti berikut:

- 1) Perbuatan yang dilarang dan diharamkan oleh syarak.
- 2) Perbuatan yang akan dikenakan seksaan oleh syarak dengan hukuman hudud dan takzir.

Selain itu, istilah jenayah ini jarang digunakan oleh para fuqaha¹³, mereka lebih menggunakan istilah kesalahan yang lebih khusus seperti hudud, takzir, dan qisas secara terpisah dan konsep jenayah Islam boleh dibahagikan kepada tiga konsep yang utama iaitu kesalahan hudud, takzir, dan qisas.¹³ Maka ini dapat kita ketahui bahawa segala perkara yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan adalah merupakan sebahagian daripada konsep jenayah dalam Islam.

2.4 Islam Dan Perakuan Jenayah

Dalam agama Islam hukum adalah *uqubah*. *Uqubah* ini berasal daripada perkataan Bahasa Arab yang membawa maksud kepada pembalasan.¹⁴ Setiap kesalahan atau jenayah yang telah dilakukan oleh umat Islam mempunyai pembalasan di dunia ataupun di akhirat.

⁹ Teo Say Eng, *Hak Anda dan Undang-Undang*, (Malaysia: Malayan Law Journal Sdn Bhd:2007) 69.

¹⁰ Abdul qadir, , *al-Jinā'ī al-Islāmi* (Lubnan: Muassasah al Rislah:1992) 73

¹¹ Mahmood Zuhdi Abd Rahman, *Undang-Undang Jenayah Islam Konsep Dan Asas-Asas Pelaksanaannya* (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri:1992) 2-3.

¹² Irwan Mohd Subri, *Konsep Jarimah, Jinayah Dan Uqubah Dalam Perundangan Islam: Hudud Di Malaysia Dan Cabaran Pelaksanaan*, (Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia:2014)50-53.

¹³ Pазiah Ismail. (2007). Kedudukan Mazhab Syaffi'i dalam Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 4, 237.

¹⁴ Irwan Mohd Subri, *ibid* 55.

Menurut Irwan Mohd Subri¹⁵ mengatakan bahawa dalam perundangan Islam mempunyai *iqab* iaitu *azab* yang diturunkan oleh Allah S.W.T, manakala *uqubah* disyariatkan untuk mencegah manusia daripada melakukan jenayah bagi perlaku yang telah melakukannya. *Uqbah* ini adalah bertujuan bagi mencegah perbuatan jenayah dan menakutkan pesalah setelah dikenakan uqubah. Ulama menyatakan *uqubah* dan *iqab* adalah sama namun perbezaannya adalah *iqab* pembalasan di akhirat manakala *uqubah* adalah pembalasan di dunia. Secara asasnya, setiap hukuman perlulah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan seperti firman Allah S.W.T dalam surah al Baqārah:

...فَمَنْ أَعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ فَأَعْتَدُوا عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا أَعْتَدَىٰ عَلَيْكُمْ وَأَتَّقُوا

اللَّهُ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿١٩٤﴾

...Oleh itu barangsiapa yang menyerang kamu, maka seranglah ia, seimbang dengan serangannya terhadapmu. Bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah, bahawa Allah bersama orang-orang yang bertakwa.

(Al Baqārah s1:194)

Selain itu, Allah S.W.T berfirman dalam Surah as Syūra:

جَزَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا ۗ فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ ۗ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ

الظَّالِمِينَ ﴿٤٢﴾

Dan balasan suatu kejahatan adalah kejahatan yang serupa, Maka barang siapa memaafkan dan berbuat baik maka pahalanya atas (tanggungan) Allah. Sesungguhnya Dia tidak menyukai orang-orang yang zalim.(as Syūra 42:40)

Ayat di atas menjelaskan bahawa setiap hukuman adalah setimpal dengan setiap perbuatan. Jika di dunia akan dikenakan hukuman yang selayaknya, jika di akhirat pula perilakunya akan diseksa di dalam api neraka maka mereka tidak bertaubat.

¹⁵ Irwan Mohd Subri, *Konsep Jarimah, Jinayah Dan Uqubah Dalam Perundangan Islam: Hudud Di Malaysia Dan Cabaran Pelaksanaan*, (Selangor:Angkatan Belia Islam Malaysia:2014)55-57.

Selain itu, *uqubah* ini mempunyai *maqasid* yang tersendiri. Berkata Ahmad Syukran Baharudin dan etal¹⁶, prinsip-prinsip *maqasid uqubah* tidak disebutkan di kitab-kitab klasik namun prinsip ini bersandarkan kepada *maqasid* dalam perundangan Islam. Prinsip tersebut ialah:

- 1) Pengajaran kepada pesalah.
- 2) Memberikan motivasi kepada mangsa dan keluarga mangsa.
- 3) Memberi pengajaran kepada masyarakat supaya tidak melakukan kesalahan yang sama.
- 4) Bertujuan untuk menjaga *darūriyyat al khamsah*.
- 5) Meletakkan keadilan di tempat sepatutnya
- 6) Mestilah memberi kebaikan dan menyingkirkan keburukan terhadap masyarakat.

Berkata Shukeri Mohamad¹⁷ hukuman adalah bertujuan untuk menyekat dan menghalang segala kegiatan jenayah bagi menjamin keamanan dan keselamatan masyarakat. Hukuman ini terbahagi kepada enam kategori iaitu:

- 1) Menjamin keselamatan nyawa dan anggota dengan melalui hukuman qisas seperti firman Allah SWT dalam surah al Baqārah ayat 179:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيٰوةٌ يَاۤٓأُولِيَ الْاَلْبٰبِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُوْنَ ﴿١٧٩﴾

Dan dalam qisas itu ada (jaminan kelangsungan) hidup bagimu, Hai orang-orang yang berakal, supaya kamu bertakwa.(al Baqārah 1:179)

Dan Surah al Ma‘idah ayat 45:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا اَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْاَنْفَ بِالْاَنْفِ
وَالْاُذُنَ بِالْاُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوْحَ قِصَاصٌ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ

¹⁶ Ahmad Syukran Baharudin, Aminuddin Ruskam, dan Abdul Rahim Yacob (2015). *Makmal Kriminologi (Forensik) Terakreditasi Bagi Kegunaan Mahkamah Shari'ah: Suatu Tinjauan Awal*. Sains Humanika, 5(3).13-14.

¹⁷ Shukeri Mohamad, *Siyasah Syari'iyah dan Kedudukannya Sebagai Metod Penentuan Hukum, Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat yang Membangun*,(Kuala Lumpur:Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya:2001)109-110.

فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ^ج وَمَنْ لَّمْ يَتَّخِمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ



Dan kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (At Taurat) bahwa wasanya jiwa (dibalas) dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka luka (pun) ada qisasnya. Barangsiapa yang melepaskan (hak qisas) nya, Maka melepaskan hak itu (menjadi) penebus dosa baginya. Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim.(al Ma'idah 5:45)

- 2) Hukuman adalah menjaga keturunan dengan menguatkuasakan hudud. Firman Allah SWT dalam surah al nur ayat 2:

الرَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيَشْهَدَ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ

الْمُؤْمِنِينَ

2. Perempuan yang berzina dan lelaki-lelaki yang berzina, Maka sebat tiap-tiap seorang dari keduanya 100 kali sebat, dan janganlah belas kasihan kepada keduanya mencegah kamu untuk (menjalankan) agama Allah, jika kamu beriman kepada Allah, dan hari Akhirat, dan hendaklah (pelaksanaan) hukuman mereka disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman.(al Nur 24:2)

- 3) Tujuan ketiga adalah memelihara kehormatan atau maruah diri dengan had qazaf. Allah telah berfirman dalam suruh an Nur ayat 4:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ

جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٤﴾

Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, Maka deralah mereka (yang menuduh itu) 80 kali dera, dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya. Dan mereka Itulah orang-orang yang fasiq. (al Nur 24:4)

- 4) Selain itu, hukuman adalah bertujuan untuk menjaga keselamatan dan kemurnian harta dengan hudud *sariqah* dan had *haribah* seperti firman Allah dalam surah al Māidah ayat 33 dan 38:

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ

يُقْتَلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِّنْ خَلْفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِّنَ

الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٣٣﴾

33. Sesungguhnya pembalasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya dan membuat kerOsakan di muka bumi, hanyalah mereka dibunuh atau disalib, atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bertimbal balik, atau dibuang dari negeri (tempat kediamannya). yang demikian itu (sebagai) suatu penghinaan untuk mereka di dunia, dan di akhirat mereka beroleh siksaan yang besar. (al Māidah 5:33)

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ

عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٣٨﴾

Lelaki-lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai siksaan dari Allah. dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (al Mā'idah 5:38)

- 5) Bertujuan menjaga akal dengan melaksanakan had arak. Firman Allah dalam surah al Mā'idah ayat 90:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّن

عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Wahai orang-orang yang beriman, Sesungguhnya (meminum) arak, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan. (al Mā'idah 5:90)

- 6) Tujuan terakhir adalah mencegah dan menakutkan melalui takzir sebagaimana firman Allah SWT dalam surah an Nisa" ayat 34:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا

أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّالِحَاتُ قَنِينَتٌ حَفِظَتْ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ

وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ

وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا

كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

Kaum lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka. Sebab itu maka wanita yang saleh, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada, oleh kerana Allah telah memelihara (mereka). Wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusyuznya, Maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. kemudian jika mereka mentaatimu, Maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha besar.(An Nisa`4:34)

2.4.1 Jenis Hukuman Jenayah Islam.

Secara amnya terdapat tiga jenis hukuman dalam iaitu:

1) Qisas.

Hukuman qisas adalah hukuman untuk menghukum pembunuh. Menurut Awang Abdul Aziz, qisas bermakna pembalasan yang seimbang atau lebih tepat lagi jenayah yang dilakukan serupa atas jenayah yang telah dilakukan oleh penjenayah sebagai contoh jenayah bunuh dibalas dengan hukuman membunuh. Jenayah membutakan mata mesti dibalas dengan membutakan mata dan lain-lain.¹⁸

Berkata Abdul Halim El Muhammady¹⁹ hukuman ini adalah jenayah yang melibatkan darah secara keseluruhan sama ada hukuman bunuh kerana membunuh atau hukuman mencederakan kerana jenayah mencederakan seseorang atau yang melibatkan harta. Dalam perbincangan hukuman qisas ini selalunya di dalam bab al jinaya atau bab *diyat*. Qisas yang dimaksudkan ini bukan hanya terbatas kepada hukuman jenayah pembunuhan dan mencederakan anggota sahaja akan tetapi mencakupi *diyat* dan ganti rugi. Jenis qisas dan *diyat* terbahagi kepada enam jenis iaitu:

- a) Pembunuhan sengaja
- b) Pembunuhan separuh sengaja
- c) Pembunuhan tidak sengaja
- d) Jenayah mencercakan secara sengaja
- e) Jenayah mencederakan secara separuh sengaja

¹⁸ Awang Abdul Aziz Bin Juned, *Qanun Jenayah Syariah Satu Pegenalan*, (Brunei:Jabatan Mufti, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei:2014) 25.

¹⁹ Abdul Halim El Muhammady, *Undang-Undang Jenayah dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri*, (Selangor: Wadah Niaga:2008) 52-53

- f) Jenayah mencederakan secara tidak sengaja
2) Hudud.

Hukuman ini adalah hukuman yang telah ditetapkan Allah S.W.T (*huqūq Allah*) yang telah disebut dan ditetapkan hukumannya di dalam al Quran. Hukuman ini termasuk dalam jenayah mencuri, samun, zina, dan meminum arak.²⁰ Hukuman ini juga merupakan hukuman mandatori daripada Allah S.W.T untuk hambaNya bermaksud qadarhukuman ini telah ditentukan dan tidak boleh dikurangkan atau digubal oleh manusia..

Menurut Wahbah Az Zuhāyli²¹ hukum hudud ini berfungsi sebagai pencegahan orang ramai daripada melakukan kesalahan yang terkandung di dalam hukuman ini seperti dalil Allah surah Al Baqārah ayat 187:

تَلْكَ حُدُودَ اللَّهِ فَلَا تَقْرُبُوهَا ۗ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ
يَتَّقُونَ لَعَلَّهُمْ

Itulah larangan Allah, maka janganlah kamu mendekatinya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepada manusia, supaya mereka bertakwa.(Al Baqārah 1:187)

Istilah *hududullah* yang membawa maksud hukum-hukum yang telah ditentukan Allah dan tidak seharusnya seseorang itu mencabulinya seperti firmanNya dalam surah Al Baqārah ayat 229:

وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Barangsiapa yang melanggar hukum-hukum Allah mereka Itulah orang-orang yang zalim. .(Al Baqārah 1:229)

Oleh itu hukuman hudud ini disifatkan sebagai hak Allah kerana hukuman ini adalah bertujuan untuk melindungi maruah, keturunan harta akal dan nyawa daripada sebarang gangguan akan tetapi hukuman hudud seperti hukuman zina dan meminum arak merupakan hak Allah semata-mata dan juga memberi keabiakkan masyarakat.

²⁰ Rudolph Peters, *Crime And Punishment In Islamic Law, Theory And Practice From Sixteenth To The Twenty—First Century*, (United Kingdom: Cambridge University Press:2005)7

²¹ Wahbah Az Zuhāyli, *Mengenal Hukum Hudud dan Minum Arak*,(Kelantan:Dian Darulnaim: 1992)16-18.

Namun begitu, hukum hudud yang lain seperti hukuman qazaf merupakan hak Allah dan hak manusia, iaitu satu hukuman yang mana hak peribadi berkongsi dengan hak umum. Hukuman ini terbahagi kepada lima jenis iaitu:

- a) Hukuman zina
- b) Hukuman membuat tuduhan zina
- c) Hukuman meminum minuman yang memabukkan
- d) Mencuri
- e) Merompak
- f) Menderhaka atau memberontak
- g) Murtad

3) Takzir.

Takzir merupakan hukuman budi bicara daripada pemerintah, badan perundangan atau hakim kerana hukuman ini tidak dinyatakan di dalam al Quran dan as Sunnah. Skop takzir lebih meluas dan tidak meliputi kesalahan hukuman qisas dan hudud sahaja.²² Tujuan hukuman ini adalah untuk mendidik pesalah dan merupakan hukuman yang selain hudud.²³ Hukuman ini pelbagai dan bergantung kepada budi bicara pemerintah.

Abdul Halim El Muhammady²⁴ mengatakan bahawa kebanyakan ulama berpendapat bahawa hukuman takzir ini boleh dikenakan kepada setiap tindakan maksiat yang tidak mempunyai hukuman had padanya dan tidak ada hukuman *kaffarah* sama ada tindakan maksiat itu terhadap hak Allah S.W.T atau hak manusia. Hukuman takzir yang dikenakan adalah seperti:

- a) Hukuman sebat.

Hukuman sebat ini adalah salah satu bentuk hukuman yang dikenakan oleh penjenayah hudud, akan tetapi hukuman ini juga boleh diaplikasikan ke atas hukuman takzir. Hukuman sebat dalam takzir tidak dinyatakan berapa bilangannya sebagaimana hukuman hudud yang ditetapkan bilangannya. Namun begitu menurut Abu Hanifah dan Muhamad berpendapat bilangan rotan bagi kesalahan takzir mestilah 39 kali. Abu Yusuf pula berpendapat bahawa bilangan sebat ialah sebanyak 75 kali. Sebagaimana Rasulullah S.A.W bersabda:

²² Awang Abdul Aziz Bin Juned, *Qanun Jenayah Syariah Satu Pegenalan*, (Brunei:Jabatan Mufti, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei:2014),203

²³ Mawardi Abi Hussein Bin Muhammad Habib Al Başri, *Ahkam As Sultaniyyah* (Mesir:Darelhadith:Tt)

²⁴ Abdul Halim El Muhammady, *Undang-Undang Jenayah dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri*, (Selangor: Wadah Niaga:2008) 90-94.

Tidak boleh disebat seseorang itu lebih daripada 10 kali kecuali terhadap jenayah had yang ditetapkan oleh Allah.²⁵

Oleh itu, terdapat juga pendapat di kalangan Mazhab Shafi'e yang mengatakan bahawa dibolehkan sebat adalah 75 kali tetapi tidak melebihi 100 kali. Hal ini kerana, kadar ini diambil daripada asas had hukuman zina dan qazaf. Pelaksanaan sebat ini adalah sama seperti pelaksanaan hukuman di dalam jenayah hudūd.

b) Hukuman tahanan

Hukuman ini juga terkandung di dalam hukuman takzir. Tempoh masa bagi tahanan adalah berbagai-bagai tempoh, terdapat hukuman yang ringan iaitu tempoh tahanannya adalah sehari. Hal ini kerana, tidak terdapat kesepakatan ulama dalam penentuan hukuman tahan dalam penjara. Terdapat pendapat mengatakan hukuman tahanan mestilah tidak melebihi enam bulan, tidak melebihi setahun dan juga tempoh tahanan ini diserahkan kepada pihak berkuasa. Mazhab Shafi'e mengatakan masa tahanan mestilah tidak melebihi setahun kerana diqiyaskan kepada masa dibuang kawasan terhadap penjenayah zina. Selain itu, terdapat juga kesalahan ini tidak ditentukan tempoh had masa, kerana kebebasannya bergantung kepada perubahan diri penjenayah, jika dia bertaubat atau menunjukkan perybahan dirinya menjadi baik, maka akan dibebaskan

c) Hukuman buang kawasan.

Hukuman asal adalah daripada jenayah zina. Hukuman ini di dalam takzir apabila kesalahan itu menjadi amalan kebiasaan dalam kehidupan penjenayah. Menurut Imam Shafi'e dan Hanbal, berpendapat kadar masa hukuman buang kawasan mestilah tidak melebihi satu tahun. Ini ditentukan kepada had masa hukuman adalah selama setahun, maka hukuman takzir perlulah lebih ringan daripada itu. Iman Hanifah dan Malik pula mengatakan hukuman ini boleh melebihi setahun kerana hukuman ini bukannya hukuman had tetapi hukuman takzir. Terdapat juga pendapat yang mengatakan hukuman ini tiada tempohnya kerana bergantung kepada baik dirinya, maka dia akan dibebaskan. Buang kawasan tidak semestinya mempunyai had kawasan tertentu akan tetapi mencukupi dengan pemerhatian pihak berkuasa. Sebagai contoh, Rasulullah S.A.W pernah menghukum buang kawasan kepada orang yang menyerupai perempuan supaya keluar dari Madinah.

²⁵ Hadith sahih Bukhari (6848)

d) Hukuman nasihat.

Nasihat juga merupakan salah satu hukuman yang mana seorang qadi boleh mengenakan hukuman nasihat bagi memperbaiki sifat dan tabiat yang buruk terhadap pesalah, seperti firman Allah S.W.T:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا

أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّالِحَاتُ قَنِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ

وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ

وَأَضْرِبُوهُنَّ فَإِنِ اطَّعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا

كَبِيرًا ﴿٤٣٤﴾

Kaum lelaki-lelaki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh karena Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki-lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan karena mereka (lelaki-lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka. Sebab itu maka wanita yang soleh, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada, oleh karena Allah telah memelihara (mereka) wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusyuznya, Maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. kemudian jika mereka mentaatimu, Maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha besar. (an Nisa"4:34)

e) Hukuman mengasingkan pesalah

Hukuman ini adalah satu bentuk hukuman yang mengasingkan pesalah daripada bercampur dengan masyarakat, hukuman ini juga pernah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W kepada tiga orang yang tidak menyertai peperangan Tabuk. Mereka ini ialah Ka'ab bin Malik, Mararah bin Rabi'ah Al Amri dan Hilal Ibn Umayyah. Mereka ini dikenakan pengasingan selama 50 hari.

f) Hukuman cercaan

Hukuman ini merupakan hukuman yang menggunakan kata-kata yang memburukan *taubikh*. Hukuman ini perlu kepada Qadi yang menghukum dengan kata-kata buruk yang boleh menyedarkan pesalah terhadap perbuatannya.

e) Hukuman ancaman.

Hukuman ini adalah dalam bentuk kata-kata dan tindakan yang menunjukkan ancaman. Akan tetapi ancaman itu mestilah tidak berunsurkan penipuan. Sebagai contoh hukuman ini boleh dilakukan oleh hakim dengan memberi amaran kepada pesalah jika mengulangi perbuatan jenayah tersebut, maka hukuman lebih berat akan dikenakan.

g) Hukuman pengisytiharan

Pengisytiharan secara terbuka juga dikira sebagai salah satu bentuk hukuman jenayah takzir. Hukuman ini mestilah disytiharkan kepada khalayak umum terhadap kesalahan yang telah dilakukan bagi tujuan untuk mengelakkan kepercayaan umum terhadap penjenayah. Hukuman ini selalunya dihukum kepada pesalah yang melibatkan penyaksian palsu dan penipuan.

h) Hukum pembayaran ganti rugi.

Hukuman ini dijadikan hukuman yang umum bagi kesalahan-kesalahan yang ringan. Contohnya, kesalahan seperti mencuri buah di pokok yang mengenakan ganti rugi dua kali ganda harga barang tersebut.

i) Hukuman bunuh.

Hukuman bunuh ini selalu dikenakan kepada penjenayah di atas kesalahan yang besar seperti jenayah hudud dan qisas. Mengikut Mazhab Hanafi hukuman bunuh dikenakan kepada kesalahan liwat yang berterusan dan pembunuhan yang tidak boleh dikenakan hukuman qisas. Bagi Maliki dan Shafi'e pula hukuman ini dikenakan kepada kesalahan tertentu seperti pengintip pihak musuh, mengajar ilmu yang membawa kekufuran, dan tindak tanduk yang membawa kepada pecahan kesatuan dan perpaduan ummah.

Selain itu, hukuman takzir ini juga bertujuan sebagai pengajaran dan pemulihan kepada pesalah. Menurut Abd. Jalil bahrom²⁶ mengatakan takzir merupakan salah satu bentuk hukuman yang dikenakan selain kesalahan hudud, qisas, diyat, dan kaffarah yang bertujuan sebagai pengajaran serta pemulihan. Hakim atau qadi, mempunyai kuasa yang dikenali sebagai kuasa budi bicara yang luas. Seseorang pemerintah atau qadi mempunyai hak untuk menentukan jenis kesalahan dan bentuk hukumannya kepada pesalah. Antara hukuman takzir yang lazim adalah:

²⁶ Abd. Jalil Bahrom, *Pengantar Perundangan Islam*, (Johor: Universiti Teknologi Malaysia:2002)135-137.

1) *Al Wāz*

Al wāz adalah memberi amaran dan peringatan kepada seseorang yang telah melakukan kesalahan undang-undang. Tujuannya adalah memberi peringatan kepada pesalah dan memaklumkan kepada mereka jika mereka tidak tahu bahawa telah berlakunya pelanggaran undang-undang. Sebagai contoh peringatan awal dalam kes nusyuz iaitu seorang isteri yang menderhakai suaminya.

2) *Al Tawābkh*

Hukuman ini merupakan dalam bentuk celaan secara rasmi, dengan kata-kata dan perbuatan yang dilakukan oleh hakim sekadar mencukupi untuk mencapai matlamat takzir.

3) *Al Tahdīd*

Al Tahdīd merupakan hukuman yang berbentuk ancaman. Hukuman ini adalah menyuruh pesalah supaya membetulkan perilakunya dengan mengancam bahawa dia akan dihukum lagi sekiranya melakukan kesalahan yang sama. Selain itu, hukuman ini juga dilakukan dengan menjatuhkan hukuman akan tetapi pelaksanaannya ditangguhkan sehingga pesalah melakukan lagi kesalahan yang lain.

4) *Al Hajr*

Hukuman ini adalah pemulauan. Rasulullah S.A.W pernah melakukan hukuman ini yang melibatkan seseorang yang tidak mahu menyertai Perang Tabuk. Manakala Sayyidina Umar juga pernah melaksanakan hukuman ini ketika individu yang suka membahaskan ayat mutsyabihah dalam Al-Quran dengan tujuan untuk mengelirukan orang awam.

5) *Al Tashhīr*

Hukuman ini merupakan pengishtiharan umum terhadap hukuman yang dikenakan. Pada zaman awal Islam, hukuman ini amat penting dengan membawa semua pesalah ke bahagian dalam mahkamah, pegawai yang bertugas di Jabatan Kehakiman akan membawa pesalah dan memberitahu orang ramai bahawa pesalah ini telah melakukan kesalahan dan dihukum dengan hukuman takzir. Tujuan hukuman ini adalah ini untuk memberitahu orang awam bahawa pesalah ini tidak boleh dipercayai.

6) *Al Qhāramah wa al musadarah.*

Bentuk hukuman ini adalah hukuman denda dan merampas harta. Namun begitu terdapat beberapa perbincangan tentang hukuman ini. Terdapat golongan yang menyokong dan menentang hukuman ini namun bentuk hukuman terus diamalkan dan berubah mengikut peredaran zaman.

7) *Al Habs*

Al habs adalah hukuman penjara. Hukuman ini mempunyai had tertentu (definite) ataupun tidak ada had (indefinite) sama seperti undang-undang yang lain. Mazhab Maliki, Hanafi, dan Hambali tidak menyatakan had penjara takzir kepada para pesalah, hal ini kerana, had dan kadar pesalah dikenakan hukuman adalah berbeza kerana bergantung kepada kesalahan mereka. Namun begitu menurut Mazhab Shafi'e, had maksimum adalah satu bulan dengan tujuan soal siasat dan enam bulan untuk tujuan penghukuman dan had maksimum adalah tidak melebihi satu tahun.

8) *Al Jald*

Al jald merupakan hukuman sebat. Hukuman ini mempunyai perbincangan tentang had sebatan. Sesetengah ulama menyatakan had sebat mestilah tidak melebihi had hukuman hudud. Namun begitu, perbezaan had minimum dan maksimum jumlah sebatan bergantung kepada kesalahan pesalah.

9) *Al Takzir bil qatl*

Hukuman ini adalah satu bentuk hukuman takzir dengan dibunuh ataupun hukuman mati. Hukuman ini selalu diperuntukkan untuk kes-kes yang serius seperti kesalahan hudud iaitu *hirabah* dan murtad serta hukuman qisas bagi bunuh dengan sengaja. Oleh itu, terdapat perdebatan para fuqaha tentang takzir dengan cara hukuman bunuh. Antara kes yang membenarkan hukuman ini ialah perhubungan sejenis yang sudah membiasakan tabiat ini serta pengintip kepada musuh.

2.4.2 Perbezaan Hukuman Islam

Secara amnya terdapat beberapa perbezaan antara hukuman hudud, qisas dan takzir. Namun begitu, jenayah Islam juga mempunyai ciri-ciri utama, seperti berasaskan sumber utama iaitu nas al Quran dan as Sunah sama ada secara langsung atau tidak langsung.²⁷ Menurut Wahbah Az Zuhayli²⁸ perbezaan antara hudud, qisas dan takzir terbahagi kepada tiga:

- a) Hukuman hudud dan qisas adalah satu hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T dari awal di dalam jenayah-jenayah yang tertentu, yang mana tidak boleh kuasa hakim untuk menggunakan budi bicaranya dalam menilai hukuman ini. Hukuman takzir pula terserah kepada budi bicara hakim untuk menilai dan memilih hukuman yang sesuai mengikut keadaan, penjenayah, keperibadian, kesalahan-kesalahan yang lepas, dan mengikut keadaan suasana perlakuan jenayah itu dan kesannya kepada masyarakat.

²⁷ Abdul Qadir Audah, *al tasyri al jina'i al Islami*, juz 1 (Qahirah: Dar al ta'sil: 1993) 164

²⁸ Wahbah Az Zuhayli, *Mengenal Hukum Hudud dan Minum Arak*, (Kelantan: Dian Darulnaim: 1992) 25-27.

- b) Hukum hudud dan qisas wajib dilaksanakan oleh pemerintah. Hukuman qisas perlu dilakukan jika tidak mendapat kemaafan daripada wali manakala hukuman hudud pula tidak boleh dimaafkan oleh wali, dibebaskan, disyafaatkan, dan digugurkan dengan sebarang alasan dan sebab. Hukuman takzir, berpendapat Imam Malik, Imam Abu Hanifah dan Ahmad bahawa hukuman ini perlu dilaksanakan oleh pemerintah sama seperti hukuman hudud dan takzir akan tetapi hukuman ini boleh dimaafkan jika pemerintah berpendapat jika kemaafan itu mendatangkan kebaikan atau melihat perilaku penjenayah boleh berubah menjadi baik dengan cara lain daripada mengenakan hukuman keseksaan seperti kecewaan atau sebagainya. Manakala Iman Syafi'e berpendapat bahawa hukuman takzir ini tidak wajib ke atas pemerintah untuk melaksanakannya kerana hukuman ini adalah satu hukuman yang tidak ditentukan oleh syara". Sebagai contoh hukuman rotan yang dilakukan oleh seorang bapa, guru, dan suami.
- c) Hukuman takzir juga sesuai dengan prinsip umum yang menetapkan perbezaan hukuman kerana perbezaan jenayah. Hukuman hudud sama sahaja dan tidak berbeza dengan sebab kecil dan besar perilaku jenayahnya. Contohnya kesalahan mencuri, mencuri seribu dan satu, dan meminum arak yang sedikit dan peminum arak yang banyak hukumannya tetap sama.

Selain itu, Lukman Abdul Hakim Multalib dan etal menyatakan terdapat perbandingan antara hukuman takzir, hudud, qisas antaranya adalah:²⁹

Jadual 2.1 Perbandingan Antara Hukuman Hudud, Qisas Dan Takzir

Ciri-ciri	Hudud	Qisas	Takzir
Bentuk hukuman	Bentuk hukuman dan kadarnya telah ditentukan .	Bentuk hukuman dan kadarnya telah ditentukan .	Telah ditentukan secara umum dan terpulang kepada budi bicara pemerintah.
Kuasa pengampunan	Tidak boleh di ampun dan bersifat mandatori	Mangsa/waris mangsa berhak beri pengampunan	Hak awam, hakim/pemerintah boleh meberi pengampunan. Hak individu, mangsa waris boleh juga.
Menyentuh hak	Hak Allah sahaja dan	Hak individu	Sebahagian hak Allah dan

²⁹ Lukman Abdul Hakim Multalib Et Al, *Tafsir Maudh'iy, Hud, Qisas Dan Tazir*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka:2014)149-150

Allah/individu	bukan hak manusia		manusia
Baligh	Perlukan syarat baligh	Perlukan syarat baligh	Kanak-kanak juga boleh dihukum
Bentuk kesalahan	Pada perkara maksiat	Pada perkara maksiat	Pada perkara maksiat dan bukan maksiat
Gugur hukuman	Tidak boleh digugurkan	Tidak boleh gugur melainkan keizinan wali qisas	Boleh gugur
Kaedah sabitan	Amat ketat mengatasi sebarang keraguan	Ketat mengatasi keraguan munasabah	Tidak terlalu ketat pertimbangkan kemungkinan.
Kuasa hakim	Sempit dan mengikut kesalahan yang telah ditentukan	Sempit dan mengikut kesalahan yang telah ditentukan	Luas dan hakim bebas memilih bentuk hukuman berdasarkan maslahat.

Sumber: buku Tafsir Maudhūiy, Hud, Qisas Dan Takzir³⁰

2.4.3 Sistem Hukuman Di Malaysia

Di Malaysia hukuman akan dijatuhkan di mahkamah dan setiap pesalah digelar sebagai Orang Kena Tuduh (OKT). Setiap kesalahan akan dibicarakan di mahkamah dan jika disabitkan kesalahan, OKT akan dikenakan hukuman serta mahkamah akan mempertimbangkan rayuan OKT untuk mengurangkan kadar hukuman. Antara faktor yang diambil kira di mahkamah ialah umur, pekerjaan OKT dan tanggungannya. Selepas itu hukuman akan dijatuhkan kepada OKT.

Secara amnya, Rosalan Mat Nor dan Zamani Sulaiman³¹ mengatakan bahawa hukuman yang boleh dijatuhkan di Mahkamah-Mahkamah Rendah seperti berikut:

1) Hukuman penjara.

Mahkamah akan memutuskan untuk menjatuhkan hukuman ini kepada pesalah sekiranya ianya wajar dikenakan. Tempoh sesebuah pemenjaraan adalah bergantung kepada budi bicara mahkamah berdasar prinsip penghukuman dalam undang-undang. Namun begitu, terdapat hukuman penjara mandatori dalam sesuatu tempoh yang tertentu. Justeru itu, sekiranya OKT membuat rayuan terhadap hukuman yang telah dijatuhkan, satu permohonan boleh dibuat dan pelaksanaan hukuman tersebut akan

³⁰ Ibid 151.

³¹ Rosalan Mat Nor dan Zamani Sulaiman, *Pentadbiran Keadilan Jenayah di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka:1998)43-47.

ditanggung sehingga mahkamah yang lebih tinggi mendengar dan membuat keputusan terhadap rayuan tersebut.

2) Hukuman denda.

Mahkamah juga mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman denda yang telah diperuntukkan dalam undang-undang. Mahkamah juga akan menjatuhkan jumlah denda kepada OKT dan sekiranya gagal menjelaskannya maka OKT akan dikenakan penjara bagi tempoh tertentu. Mahkamah juga mempunyai kuasa dalam menentukan bayaran denda secara ansuran dan mahkamah juga boleh mengarahkan penjualan barang-barang milik OKT untuk tujuan bayaran denda.

3) Hukuman sebatan.

Mahkamah di Malaysia juga boleh menjatuhkan hukuman sebat kepada OKT. Terdapat kes-kes tertentu yang mana hukuman ini bersifat mandatori seperti kesalahan merogol di bawah seksyen 376 kanun keseksaan dan pemilikan dadah di bawah seksyen 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952. Hukuman ini akan dijalankan dengan kehadiran seorang Pegawai Perubatan untuk mengesahkan kesihatan sebelum disebat. Namun begitu hukuman sebat ini tertakluk kepada peraturan seperti berikut:

- a) Seorang perempuan tidak boleh disebat
 - b) Lelaki yang dijatuhi hukuman mati
 - c) Seorang lelaki yang berumur lebih kepada 50 tahun.
- 4) Gabungan antara hukuman penjara dan denda atau gabungan antara hukuman penjara, denda dan sebat
- 5) Jaminan bon kelakuan baik.

Satu bon berkelakuan baik dalam satu tempoh yang ditetapkan akan dikeluarkan oleh mahkamah setelah menimbang jenis kesalahan, kelakuan, umur, kesihatan, mental, dan rekod kesalahan OKT. Selalunya mahkamah mengeluarkan bon ini jika pesalah melakukan kesalahan yang pertama kali. Bidang kuasa mahkamah mengeluarkan perintah ini berdasarkan seksyen 294 Kanun Acara Jenayah

6) Melepaskan OKT dengan syarat atau tanpa syarat.

Mahkamah mempunyai kuasa untuk melepaskan OKT dengan syarat atau tanpa syarat iaitu tanpa merekod sabitan kesalahan. Hukuman ini di bawah seksyen 173A Kanun Acara Jenayah yang memberi kuasa kepada mahkamah untuk mejalankannya. Selalunya mahkamah akan mempertimbangkan kesalahan yang tidak serius untuk melepaskan OKT bersyarat ataupun tanpa syarat. Mahkamah akan memberikan teguran atau meminta OKT untuk menandatangani satu bon.

Manakala dalam kajian yang telah dibuat oleh Siti Zubaidah Ismail³² telah membahagikan hukuman Islam dan kesalahan yang terdapat di Malaysia berdasarkan akta-akta dan enekmen. Berdasarkan kajian ini, di Malaysia tidak melakukan hukuman Islam seperti hukuman hudud, qisas, dan takzir secara langsung namun konsepnya terkandung di dalam akta undang-undang di negara ini. Kajian ini juga menunjukkan elemen-elemen hukuman Islam sudah terdapat di akta atau undang-undang Malaysia. Oleh itu, kesalahan Islam itu berdasar tiga bentuk jenis kesalahan seperti hudud, qisas dan takzir. Kesalahan itu seperti berikut:

Jadual 2.2: Kategori Kesalahan Megikut Akta Dan Hukuman Islam

Kategori fikh	kesalahan	Persamaan kanun dan keseksaan	Undang-undang lain	hukuman
Hudud	Mencuri	Seksyen 378-382A	-	Penjara dan denda
	Merompak	Seksyen 390-402	-	Penjara dan denda
	Memberontak	Seksyen 141-160	-	Penjara dan denda
	Zina	-	Sekyen 19 Akta kesalahan Jenayah Syariah (WP) 1997	3 tahun penjara RM 5000 denda atau 6 kali sebatan
	Qazaf	-	Sekyen 41 Akta kesalahan Jenayah Syariah (WP) 1997	3 tahun penjara/ RM 5000 denda/ atau 6 kali sebatan
	Fitnah (termasuk yang meyerupai qazaf)	Seksyen 499-502	Seksyen 4 Akta Fitnah 1960	Remedi kewangan dan injuksi
	Minum arak	-	Seksyen 19 Akta kesalahan Jenayah Syariah (WP) 1997	3 tahun penjara/ RM 5000 denda/ atau 6 kali sebatan
Percubaan Murtad	-	Enakmen kesalahan syariah	Penjara/pemulihan akidah	

³² Siti Zubaidah Ismail *Hudud Dan Undang-Undang Jenaya Syariah Dalam Kerangka Perlembagaan Dan Sistem Perundangan "Dualisme" Komitmen Pelaksanaan Kea Rah Membendung Jenayah Di Malaysia*, Jurnal Syariah, Vol 22, no 2 (2014). 206 -207.

Qisas	Membunuh	Seksyen 299-318		Hukuman bunuh/penjara seumur hidup
	Mencederakan	Seksyen 310-338		Penjara maksimum
Takzir	Pelbagai	Pelbagai	Akta Jenayah (WP) 1997 Akta Senjata Api Akata Dadah Membarhaya 1962 Akta Penculikan 1981 Akta Anti Pererdagan dan Anti Penyuludupan Migran 2007 Akta SPRM 2009	Denda, penjara, atau sebat. Penjara dan sebat Penjara dan sebat Penjara dan sebat Penjara dan sebat Penjara dan sebat Denda atau Penjara

Sumber: Jurnal Syariah³³

2.5 Objektif Hukuman Keseksaan dalam Islam

Hukuman keseksaan dalam undang-undang jenayah Islam mempunyai ciri-ciri tertentu. Antara ciri yang tertonjol adalah berasaskan agama dan merupakan sebahagian daripada akidah Islamiah dalam konsepnya yang syumul. Ini kerana wujud hukuman tertentu khusus berbentuk hudud dan qisas dalam al-Quran dan as-Sunnah yang menuntut pelaksanaannya oleh pemerintah. Tambahan pula ia turut diperkukuhkan dengan janji-janji azab pada akhirat. Kedudukan ini menjadikan keseksaan-keseksaan tersebut sebagai penghalang besar bagi seseorang itu dari melakukan sebarang jenayah. Hal ini dibantu oleh takutkan keseksaan itu sendiri dan lebih dari itu takut melanggar perintah agama yang diketahui azab pada hari akhirat.³⁴

³³ Siti Zubaidah Ismail, *Hudud Dan Undang-Undang Jenayah Syariah Dalam Kerangka Perlembagaan Dan Sistem Perundangan "Dualisme" Komitmen Pelaksanaan Ke arah Membendung Jenayah Di Malaysia*, Jurnal Syariah, Vol 22, no 2 (2014), 206 -207.

³⁴ Mahmood Zuhdi Abd.Majid, *Undang-undang Jenayah Islam: Konsep dan Asas Pelaksanaannya* (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwat Islam JPM, 1992), 39.

Peruntukan hukuman keseksaan ini secara umumnya mempunyai tujuan tertentu yang memberi manfaat kepada masyarakat juga. Antara menekankan aspek pembalasan, pencegahan, pemulihan dan lain-lain. Bagi tujuan kajian ini tiga aspek utama ini akan dibincangkan di bawah.

2.5.1 Pembalasan

Istilah pembalasan dalam bahasa Arabnya *al-Jaza* "banyak digunakan dalam al-Quran khususnya bagi perbuatan jenayah hudud. Dalam perbuatan mencuri pada surah al-Maidah: 38 misalnya;

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ

وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

38. Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (al-Maidah 5 : 38)

Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Konsep ini umumnya bererti penjenayah perlu dikenakan pembalasan yang setimpal dengan apa yang dilakukannya tanpa memandang sama ada hukuman itu berfaedah untuk dirinya atau masyarakat. Pembalasan ini sesuai dengan konsep keadilan yang memerlukan seseorang itu menerima pembalasan setimpal dengan apa yang dilakukannya sebagaimana yang cadangkan dalam al-Quran sendiri.

وَجَزَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا ۗ فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ ۗ إِنَّهُ لَا

يُحِبُّ الظَّالِمِينَ

40. Dan (jika kamu hendak membalas maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah (dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berlaku zalim. (as-Syura 42:40).

Ini kerana pesalah dilihat telah mengganggu keadilan masyarakat serta menimbulkan kemarahan mereka serta melahirkan rasa simpati terhadap mangsa. Lantaran itu, hukuman pembalasan dianggap sebagai satu reaksi masyarakat terhadap pesalah demi menjamin keamanan dalam masyarakat. Bagi individu yang menjadi mangsa pula ia dapat melegakan mereka dan keluarganya serta dapat memuaskan hati. Hal ini boleh mengurangkan rasa marah dan benci terhadap pesalah.³⁵

Walau bagaimanapun objektif pembalasan bukanlah menjadi satu-satunya sandaran kepada semua jenis keseksaan yang diperuntukkan dalam undang-undang jenayah Islam. Ia ada peranan dan pengaruh tersendiri tetapi agak kecil berbanding dengan objektif lain.³⁶

2.5.2. Pencegahan

Pencegahan dianggap sebagai justifikasi utama hukuman dalam Islam. Hukuman yang dijatuhkan ke atas pesalah boleh menghalangnya daripada mengulangi perbuatan salah. Ia juga turut berupaya mencegah orang ramai daripada melakukan kesalahan apabila mereka menyedari bahawa hukuman tersebut boleh juga terkena ke atas mereka jika melakukan kesalahan sama.³⁷

Objektif ini dapat dikesan dalam penulisan Fuqaha mengenai hudud. Misalnya al-Mawardi membayangkan hudud sebagai “hukuman-hukuman pencegahan yang ditentukan oleh Allah untuk mencegah manusia daripada melakukan perkara yang diharamkan-Nya dan daripada abaikan apa yang diperintahkan-Nya”.³⁸ Bentuk hukuman yang berat dan keras dalam hudud boleh dikaitkan dengan objektif pencegahan kerana ia boleh menimbulkan psikologi „takut“. Justeru ia diandaikan mampu untuk menghalang pesalah serta anggota masyarakat yang lain melakukan

³⁵ Nasimah Hussin, "Takzir Sebagai Satu Hukuman Alternatif dalam Kes-kes Jenayah di Malaysia," in *Konsep Restoratif dan Retributif di Mahkamah Syariah dan Sivil di Malaysia*, ed. Ramizah Wan Muhammad, Muhammad Naim Omar, and Zaini Sulaiman (Bangi: Darul Syakir, 2017).

³⁶ Abd.Majid, *Undang-undang Jenayah Islam*, 38-9.

³⁷ Hussin, "Takzir," 20.

³⁸ Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad al-Mawardi, *al-Ahkām al-Sultāniyyah* (Beirut: Dar al-Kutub al-'ilmiyyah, 1985).

kesalahan seterusnya. Keberkesanan ini dapat dikesan melalui pelaksanaan kembali hukuman hudud di Arab Saudi yang menunjukkan trend penurunan ketara.³⁹

2.5.3. Pemulihan dan Pendidikan

Pemulihan dan pendidikan adalah terangkum dalam objektif hukuman dalam undang-undang jenayah Islam. Objektif ini disesuaikan dengan aktiviti berbentuk disiplin dan pemulihan yang dilaksanakan ke atas pesalah untuk menyedarkannya tentang kelakuan yang telah dilakukannya itu adalah satu maksiat dan dosa. Keinsafan pesalah dan menimbulkan rasa benci di hatinya kepada perlakuan salah merupakan kunci kepada kejayaan bentuk hukuman ini.⁴⁰

Al-Mawardi misalnya menyatakan bahawa hukuman takzir untuk mendidik (*ta'dib*), memulih (*istislah*) dan mencegah (*zajr*) seseorang daripada melakukan jenayah dengan memilih bentuk hukuman yang sesuai. Namun pemilihan jenis hukuman ini hanya dalam perkara takzir dan tidak berlaku pada kesalahan hudud. Beliau memberi contoh status seseorang yang terhormat boleh dikenakan hukuman lebih ringan sebagai pengajaran seperti mengherdiknya tetapi tidak sampai mencaci dan memakinya. Berbanding orang yang buruk perangainya, mereka boleh ditahan dalam tempoh tertentu mengikut kadar dosa dan kesalahannya.⁴¹

Bagi Mahmood Zuhdi, objektif ini merupakan paling asas dalam sistem penghukuman Islam. Beliau memberi contoh pandangan sarjana Muslim Abdul Aziz „Amir yang menegaskan:

Tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawa pendidikan, pemulihan, bimbingan dan taubat penjenayah itu telah diletakkan pada tempat yang pertama sekalai sehingga keengganan orang ramai untuk melakukan jenayah akan berasaskan kesedaran beragama dan dorongan diri sendiri dan bukannya kerana takutkan hukuman.⁴²

2.6 *Siyasah Syar'iyah* dan Penentuan Hukuman Keseksaan

Dalam penulisan mengenai konsep *Siyasah Syar'iyah*, sarjana fiqh turut mengambil berat tentang aspek hukuman dalam mengurus rakyat. Malahan hal ini tercermin dari definisi yang dikemukakan mereka. Antaranya Ala' al-Din al-Tarabulsi menyatakan *Siyasah* itu adalah suatu syariat yang berat. Begitu juga Ibn Abidin

³⁹ Mohamed S. El-Awa, *Punishment in Islamic Law: A Comparative Study* (Plainfiel: American Trust Publications, 2000), 29-32.

⁴⁰ Hussin, "Takzir."

⁴¹ al-Mawardi, *al-Ahkām*, 310-1.

⁴² Abd.Majid, *Undang-undang Jenayah Islam*, 45-6.

menyatakan “memberatkan hukuman terhadap jenayah yang ada baginya hukum syarak untuk memutuskan perkara-perkara merosakkan (*fasid*). Lebih umum dari dua takrif di atas yang menyamakan siyasah itu adalah *ta'zir*.⁴³

Elemen hukuman berat menjadi salah satu pendekatan yang diberikan kuasa pemerintah untuk mengatur masyarakat. Inilah yang pertimbangkan oleh Ala' al-Din al-Tarabulsi dalam memberikan fungsi siyasah dengan memperuntukkan hukuman yang keras (*al-`uqubat al-Qasiah*) bertujuan untuk pencegahan (*al-Rada` wa al-Zarj*) bagi menutup pintu-pintu fitnah dan keburukan dan mendatangkan kemaslahatan ummah dan memelihara masyarakat. Sehubungan dengan itu, kuasa pemerintah dalam hal hukuman dapat dikesan melalui menambah hukuman baru yang tiada hukuman tertentu dari Syarak. Ia boleh juga berlaku pada menggandakan hukuman pada kesalahan yang ditentukan Syarak.⁴⁴

Sehubungan dengan itu, Ahmad Fathi Bahnasi menyatakan pemerintah memang diberikan ruang luas oleh Syariat untuk membentuk polisi pelaksanaan undang-undang Jenayah Islam. Ia sebagai langkah perlu diambil berat oleh pemerintah berdasarkan kepada kepentingan semasa selagi ianya tidak bertentangan dengan prinsip Islam walaupun tidak ada dalil khusus yang membolehkan ianya dilakukan.⁴⁵ Berasaskan kepada kedudukan ini juga, ramai kalangan sarjana Fiqh yang menyamakan istilah Siyasah Syar'iyah dalam undang-undang jenayah dengan istilah *takzir* kerana ruang budi bicara pemerintah yang luas untuk mengendalikan kelakuan bertentangan dengan norma masyarakat umum.⁴⁶

Lanjutan dari itu, dalam tulisan-tulisan Ulama menyenaraikan bentuk kesalahan dan hukuman yang dikategorikan sebagai siyasah syar'iyah. Antaranya tindakan membakar pesalah jenayah liwat dalam kes-kes berulang, tindakan membakar kedai arak oleh pengusaha muslim, membakar istana Saad Ibn Abi Waqas, pembuangan daerah terhadap Nasr bin Hajjaj dan membakar orang *zindiq*.⁴⁷ Contoh senarai tersebut tidak mempunyai nas tertentu dan kendalikan selepas kewafatan Rasulullah oleh Khulafa ar-Rashidin. Keputusan mereka melambangkan tentang kuasa budi bicara pemerintah untuk mengawal masyarakat dari masalah yang timbul pada masa tersebut.

⁴³ Abd al-`Al Ahmad Utwah, *al-Madkhal ila al-Siyasah al-Syar'iyah* (Riyadh: Kementerian Pendidikan Tinggi, Universiti Imam Muhammad ibn Sa'ud al-Islamiyyah, 1993).

⁴⁴ Utwah, *al-Madkhal*.

⁴⁵ Ahmad Fathi Bahnasi, *al-Siyasah al-Jini'iyah Fi al-Syar'iah al-Islamiyah* (Kaherah: Dar al-Syuruq, 1983).

⁴⁶ Mahmood Zuhdi Abd Majid, "Siyasah Syar'iyah dalam Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam," *Jurnal Syariah* 12, no. 1 (2004).

⁴⁷ Abd Majid, "Siyasah Syar'iyah."

Dalam penentuan hukuman bagi kesalahan pula, ulama mempunyai dua pilihan asas iaitu:

- 1) Menggunakan bentuk hukuman yang telah ditentukan oleh nas seperti *taghrib* (buang daerah) dan sebatan.
- 2) Menggunakan sumber *masalih mursalah* berasaskan kepentingan semasa.

Selain itu, Siyasah Syar'iyah dilihat sebagai salah satu bentuk polisi yang membentuk pentadbiran sesuatu negara, ini termasuklah dalam penggubalan perlembagaan dan undang-undang negara. Pekara utama dalam siyasah syar'iyah adalah memastikan kemasalahatan masyarakat terjaga di samping pengurusan pentadbiran yang lancar. Maka sebagai peranan kerajaan perlulah memastikan keselamatan rakyat terjaga.

Perkara utama dalam Siyasah Syar'iyah adalah menepati tujuan syariah atau disebut sebagai Maqasid Syariah. Abdul a'al⁴⁸ meletakkan syarat pertama Siyasah Syar'iyah iaitu perlu dengan meletakkan maqasid *al dhururiyyah* iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan, dan menjaga harta. Jika kita melihat pada objektif perundangan Islam juga perlu menepati *dhururiyyah al khams*, ini juga tidak mempunyai percanggahan antara objektif Siyasah Syar'iyah dan perundangan Islam yang perlu mempunyai Maqasid Syariah.

Menurut Mohamad Zaidi⁴⁹ menyatakan penggunaan Maqasid al-Syariah dalam pentadbiran negara dapat mewarnai polisi-polisi dan program-program negara ke arah kebaikan. Hal ini kerana, jika melihat Maqasid al-Syariah itu sendiri adalah ingin mencapai kemasalahatan kehidupan manusia sejagat. Oleh itu, setiap perancangan dan polisi yang berkaitan undang-undang boleh diselaraskan dengan maqasid ini bagi menjamin kemasalahatan rakyat. Sebagai contoh, kajian daripada Mohamed Azam dan et⁵⁰ telah membuat satu garis panduan takzir dalam maqasid al Syari'ah. Kajian ini menggunakan hukuman takzir yang dilihat bersifat fleksibel dan juga tiada penggunaan dalil yang khusus. Maka itu, satu garis panduan yang berasaskan Maqasid al-Syariah yang telah dibuat untuk disesuaikan dalam hukuman takzir. Hukuman adalah seperti berikut:

- 1) Keperluan untuk kesahihan hukum takzir.

⁴⁸ Abdul „Al Ahmad Au'uwah, *Madkhāl Ila Al Siyasah Al Syar'iyah*, (Saudi: Universiti Imam Muhammad Bin Sa'ud, Tt)72.

⁴⁹ Mohamad Zaidi Abdul Rahman *Aplikasi Maqasid al-Syariah dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam*. Jurnal Fiqh, no.12 (2015), 54.

⁵⁰ Mohamed Adil, Mohamed Azam, dan Ahmad Badri Abdullah. "The Application of Shari'ah Principles of Ta'zir in Malaysian Common Law: A Maqasid-Based Proposal". *ICR Journal* 7 vol 1 (2016):55-56

- 2) Hukuman untuk dikekalkan atau mengimbangnya.
- 3) Hukuman yang telah ditetapkan tidak memudaratkan fizikal
- 4) Penetapan perkadaran
- 5) Keperluan untuk mendapatkan hukuman yang setimpal bagi pesalah atau penjenayah.
- 6) Pendekatan tambahan untuk hukuman.

Melalui kajian ini, kita dapat melihat satu jalinan antara Maqasid al-Syariah untuk membuntuk salah satu polisi dalam perundangan jenayah Islam yang membawa kebaikan kepada masyarakat, negara dan pesalah ataupun penjenayah. Hal ini kerana hukuman Islam bukanlah satu bentuk hukuman semata-mata akan tetapi terdapat inti pati yang tersendiri. Perkara ini juga sama dengan konsep Siyasaḥ Syarʿiyyah yang menyatakan bahawa langkah pemerintah yang berasaskan kepentingan yang dirasakan walaupun perkara ini tidak mempunyai dalil secara tertentu.⁵¹ Selain itu, perkara ini juga menurut Ahmad Fathī Bahnasī⁵² adalah Siyasaḥ Syarʿiyyah sebagai kelonggaran kepada para pemerintah untuk melakukan perkara yang membawa kebaikan yang tidak bertentangan dengan prinsip agama walaupun tiada dalil yang khusus untuk membolehkan ia melakukannya.

Di samping itu, Siyasaḥ Syarʿiyyah juga merupakan salah satu kaedah ijtihad dalam bidang kehakiman dan undang-undang jenayah. Berkata Mohd Hapiz⁵³ dalam kajiannya, meletakkan kuasa khalifah atau *qadi* untuk berijtihad dalam isu-isu yang berkaitan undang-undang jenayah dan kehakiman Islam bagi menyelesaikan masalah-masalah yang berhubung-kait dengan perkara ini bagi menjaga nyawa serta harta masyarakat daripada penjenayah, ia juga merupakan salah satu kelonggaran untuk hakim atau pemerintah untuk menjatuhkan hukuman yang dapat menghalang jenayah dan mencegah kezaliman bagi mencapai tujuan Maqsid syariah, dan akhir sekali, kaedah ijtihad pemerintah ini dibuat untuk mengawal masyarakat melalui undang-undang yang telah digubal walaupun tidak terdapat dalam syarak. Kaedah ini dalam Siyasaḥ Syarʿiyyah adalah mencegah dan mendidik masyarakat (*al zajr wa al ta'did*).

Menurut Mahmood Zuhdi⁵⁴ mengatakan Siyasaḥ Syarʿiyyah ini sebagai metode penentuan hukum. Hal ini kerana, perintah perlu berijtihad tentang perkara yang tidak

⁵¹ Abd Wahāb Bin Khallaf, *Al Siyasaḥ Al Syarʿiyyah*, (Beirut: Muʿassasah Al Risālah, 1984) 6.


⁵² Ahmad Fathī Bahnasī, *Al Fikr Al Qanuni Al Islami Baina Al Syariah Al Islamiyah Wa Turāth Al Fiqh*, (Qahirah: Dār Alsyurūq, 1983) 25.

⁵³ Mohd Hapiz Mahaiyadin, *Hubungan Maqasid Syariah Dan Siasah Syarʿiyyah Dalam Urus Tadbir Negara*. ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities, Vol1,(2017). 28-29.

⁵⁴ Mahmood Zuhdi Abd Majid. "Siyasaḥ Syarʿiyyah Dalam Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam." *Jurnal Syariah* 12.1 (2004): 93.

terdapat nas-nas dalam al Quran dan Hadis. Maka sebagai pemerintah perlulah melaksanakan undang-undang jenayah Islam berdasarkan kepentingan semasa selagi undang-undang ini tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip agama Islam. Sebagai contoh hukuman bunuh terhadap jenayah liwat dan mencuri secara berulang kerana Siyasah Syar'iyah ini menghukum dengan hukuman yang membawa kepada kebaikan walaupun tidak bersasakan kepada nas syarak.⁵⁵

Seterusnya, terdapat kalangan fuqaha menyamakan istilah Siyasah Syar'iyah dalam undang-undang jenayah dengan menggunakan istilah takzir.⁵⁶ Seperti yang telah kita ketahui takzir merupakan salah satu tidakan yang diberikan kepada pemerintah untuk menjatuhkan sesuatu hukuman tersebut. Di sini dapat melihat takzir itu mempunyai kaitan serta hubungan dengan Siyasah Syar'iyah. Hal ini kerana, jika melihat pada peranan kerajaan sebagai penggubah dasar dan polisi untuk membentuk satu perundangan untuk digunakan pada rakyat mereka.



Rajah 2.1: Pengertian Siyasah Syar'iyah Dari Pendapat Ulama⁵⁷

⁵⁵ Ibn ābidīm, Hāsīyah, (Qahirah: al Halabī, 1996) 63.

⁵⁶ Ahmad Fathī Bahmasī, *Al Siyāsī Al Jinā'iyah Fī Al Syar'iah Al Islamiyyah*, (Qahirah:Dār Alsyurūq, 1983)25.

⁵⁷ Shahidra Abdul Khalil, "Pendekatan Siyāsah Syar'iyah Dalam Menangani Isu Perundangan Jenayah Semasa Di Malaysia: Siyāsah Syar'iyah, . Jurnal Fiqh vol 19, No.2 (2022) :165.

Berdasarkan gambar rajah yang telah dibuat Shahidra Abdul Khali⁵⁸ dalam kajiannya mendapati para ulama telah memberikan makna yang umum yang sangat luas dan ada sebagian mengkhususkannya. Penulis juga menyatakan kesemua takrifan ini boleh diterima dan jika dilihat dalam pentadbiran undang-undang jenayah (*siyasah jinā'iyah syar'iyah*) seolah-olah membantaskan Siyasah Syar'iyah hanya untuk hukuman takzir. Namun begitu, penulis juga berpendapat kerajaan mempunyai hak kuasa perundangan bagi menjalankan sesuatu undang-undang di negaranya. Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan kuasa kerajaan merupakan salah satu bahagian daripada kategori jenayah takzir.

Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian ini, dapat dilihat Siyasah Syar'iyah boleh mempengaruhi terhadap penggubalan satu dasar undang-undang itu. Hal ini kerana, terdapat sebahagian Siyasah Syar'iyah yang membentuk satu polisi hukuman terhadap penjenayah atau pesalah walaupun tidak mempunyai dalil-dalil yang tertentu ataupun secara khusus. Ini telah membuka ruang untuk pemerintah bagi menjalankan hukuman yang setimpal dan mampu memberi ipmak yang positif kepada para pesalah.

2.7 Kesimpulan

Dalam bab dua pengkaji mendapati bahawa matlamat utama perundangan Islam adalah menjaga lima prinsip iaitu agama, nyawa, akal, keterunan, dan harta. Kelima prinsip ini akan membentuk kajian ini dalam memasukkan kelima-lima prinsip ini di dalam Parol untuk memenuhi objektif kedua dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji juga menggunakan bab ini untuk melihat hukuman Jenayah Islam dalam konsep Siyasah Syar'iyah. Selepas itu, bab seterusnya akan menerangkan hal yang berkaitan Sistem Parol dan konsepnya.

⁵⁸ Shahidra Abdul Khalil, "Pendekatan Siyāsah Syar,īyyah Dalam Menangani Isu Perundangan Jenayah Semasa Di Malaysia: Siyāsah Syar,īyyah, . Jurnal Fiqh vol 19, No.2 (2022) :166

BAB 3: KONSEP DAN SISTEM PAROL

3.1 Pengenalan.

Bab ini adalah berkaitan dengan Sistem Parol. Sistem ini akan dihuraikan secara mendalam melalui makna Parol, sejarah Parol, bahagian Parol di Jabatan Penjara Malaysia, dan kelayakan untuk mendapatkan Parol serta kesalahan yang tidak mendapat Parol.

3.2 Makna Parol.

Parol merupakan hukuman pelepasan awal bagi seorang banduan yang menjalani hukuman penjara. Pelepasan yang dibatalkan dan bersyarat bagi seorang banduan yang menjalani hukumannya. Banduan yang menjalani hukuman tetap adalah layak dipertimbangkan untuk menjalani satu pertiga dari tempoh hukuman (tertakluk sehingga setahun minimum).¹ Manakala menurut Frank J.Schmallegger², Parol adalah pelepasan awal bagi seorang banduan yang mempunyai penyeliaan dan syarat untuk dibebaskan.

Selain itu, menurut Persatuan Pembaikan Amerika (*American Correctional Association*)³ mengatakan bahawa hukuman Parol ini adalah satu prosedur yang mana seorang banduan yang dipilih untuk dilepaskan untuk melakukan khidmat masyarakat. Banduan ini memerlukan kawalan, nasihat dan panduan sebelum mereka dibebaskan kepada masyarakat awam.

Manakala Pauline Moris dan Farida Beverly⁴ menyatakan hukuman ini adalah satu prosedur yang biasa diamalkan di United Kingdom yang mana seorang banduan dilepaskan ke dalam komuniti tanpa penyeliaan yang wajib selepas mereka menjalani hukuman ini. Para banduan ini dibebaskan jika mereka menunjukkan perilaku yang baik serta tidak melanggar peraturan penjara.

Richard W.Snarr⁵ menyatakan bahawa Parol ini berlaku selepas tempoh dipenjarakan dan hukuman ini merupakan pembetulan melalui penyeliaan dikalangan masyarakat. Parol juga merupakan hukuman kepada banduan melalui penyertaannya masyarakat dibawah kawalan pegawai Parol (*Parole officer*).

¹ Lembaga Penyelidikan Undang-undang, *Kamus Undang-Undang* (Selangor:International Law Book Services:2013) 318.

² Frank J. Schmallegger, *Criminal Justice Today Introduction Text For The 21st Centeruy*, (British: Person Education limited: 2014)397

³ American Correctional Association, *Parole and Other Release Procedures*, (Washington D.C: Library of Congress: 1966) 180.

⁴ Pauline Moris dan Farida Beverly, *On Licence, A study of Parole*, (Great Britain: Library of Congress)2.

⁵ Richard W.Snarr, *Introducton To Corrections*, (America: Brown and Benchmark Publisher) 271.

Menurut Jabatan Penjara Malaysia⁶, Parol adalah pembebasan bersyarat bagi seorang banduan untuk menjalani mana-mana bahagian hukuman pemenjaraan di luar penjara mengikut Perintah Parol. Parol juga tertakluk kepada Undang-Undang Malaysia Akta 537, Akta Penjara 1995 mengandungi segala pindaan hingga 1 Oktober 2009. Oleh itu segala hukuman Parol perlulah merujuk kepada Akta 537.

Kesimpulannya, Parol adalah salah satu hukuman kepada banduan setelah menjalani hukuman penjara. Hukuman ini dijalankan di kalangan komuniti atau masyarakat dibawah penyeliaan pegawai Parol. Para banduan juga mestilah berkelakuan baik untuk melepasi hukuman ini.

3.3 Sejarah Parol.

3.3.1. Sejarah Parol Di Barat.

Di Barat hukum Parol bermula pada zaman kolonial dan terus berkembang sehingga waktu sekarang. Hukuman ini dilaksanakan dan digubal serta dipelopori oleh masyarakat di Barat. Menurut Richard W. Snarr⁷ terdapat lima perkembangan Parol di Barat:

1) Pengalaman Inggeris

Sistem Inggeris yang dikenali sebagai penalti pengangkutan merupakan satu sistem yang sistematik dan kekal dilakukan. Seperti kebiasaannya sistem ini merupakan perubahan pembetulan yang mana matlamat awal penalti ini tidak menumpukan keuntungan kepada salah satu pihak akan tetapi memberi faedah kepada kerajaan atau pemerintah serta kehendak masyarakat. Para kolonial barat menyuruh kawasan yang dijajahnya melakukan penalti ini, sebanyak 13 negara jajahan, Kanada, dan Australia menggunakan penalti ini. Para pesalah yang dikenakan di bawah hukuman penalti ini akan dikenakan „kem penal“ dan dijual sebagai hamba dilindungi. Walaupun hukuman ini kejam namun para pesalah diberikan peluang mendapat keampunan melalui syarat yang tertentu selepas tempoh berkhidmat.

2) Alexander Moconochie

Ini merupakan penalti kolonial di Norfolk Island yang jauh daripada pantai Australia. Bermula pada tahun 1840, Alexander Moconochie merupakan salah satu pelopor dan membangunkan sistem Parol moden (*Parole modern*). Beliau adalah seorang Tentera Laut yang ditugaskan oleh kerajaan Inggeris untuk mentadbir di *Norfolk Penal Colony*. Beliau banyak mengkritik tentang hukuman yang tidak memberi ganjaran (reward) kepada banduan yang berubah dan menerima tanggungjawab mereka.

⁶ Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 8 Jun 2019, <http://jpmportal.prison.gov.my/Parol/index.php/pamplet-Parol>

⁷ Richard W. Snarr, *Introduction To Corrections*, (America: Brown and Benchmark Publisher) 275-277.

Sehubungan itu, beliau membuat lima garis panduan yang digelar sebagai Sistem Mark (*Mark System*). Para banduan akan berubah jika terdapat:

- a) Penjagaan yang ketat.
- b) Sebagai buruh di kerajaan yang bekerja dalam kumpulan.
- c) Kebebasan kawasan yang terhad.
- d) Tiket keluar (*Tickets of leave*) dengan bersyarat. Tiket ini bermula pada tahun 1970, yang merupakan salah satu komponen sistem Mark yang mengandungi Parol. Tiket ini merupakan jaminan keampunan kepada para banduan.
- e) Kebebasan yang mutlak.

3) Sir Walter Crofton

Bermula di negara Ireland, Sir Walter Crofton memperhalusi idea daripada Maconochie, beliau menambahbaikkan tiket pelepasan (*ticket of leave*) kepada tiga tahap:

- a) Pemencaraan yang ketat.
- b) Ketidaktentuan hukuman.
- c) Tiket perlepasan.

Untuk dilepaskan daripada penjara, Sistem Crofton's Irish ini digelar sebagai pemantauan komuniti. Kawasan bandar di Dublin, Inspektor pelepasan banduan dipertanggungjawabkan untuk mengalas pemantauan ini. James P. Oragan merupakan inspektor yang pertama menjadi penyelia dan pekara ini berkembang sehingga menjadi pegawai Parol pada era moden ini.

Manakala di kawasan pendalaman tugas penyeliaan ini dibahagikan kepada polis tempatan untuk menjalankannya. Oleh itu, pekara ini telah mewujudkan pengawasan dan bantuan daripada penyeliaan dalam sistem Parol untuk di luar bandar. Pada tahun 1853. Parlimen Inggeris telah menguatkuasakan tiket pelepasan ini dalam *Penal Servitude Act* sekaligus memberikan status yang sah di sisi perundangan.

4) Pengalaman di Amerika Syarikat.

Howard Abadinsky menyatakan pelepasan Parol ini bermula di Amerika Syarikat. Terdapat tiga faktor utama yang membawa pelaksanaan ini mengikut keadaan perlepasan:

- a) Penurunan industri penjara.
- b) Perbelanjaan pembinaan kubu penjara.
- c) Perlepasan penjara dan kepadatan banduan.

5) Zebulon R. Brockway.

Di Amerika Syarikat, Zebulon R. Brockway merupakan salah satu individu yang menekankan populasi pelepasan bergantung kepada kondisi. Beliau bekerja di *Detriot House of Detention*. Beliau telah menjalankan kajian di sana. Pada tahun 1876 usaha beliau dapat perhatian dan diperluaskan kerana pada ketika itu di New York telah membuka pusat pembetulan (*correctional facility*) di Elmira di bawah arahan Brockway. Pembaharuan Elmira (*Elmira Reformatory*) menjadi model untuk Penjara Amerika Syarikat, pada tahun 1901 dua puluh negeri telah menubuhkan fasilitis yang sama dan menjalankan program Parol. Program di Elmira mempunyai struktur sistem bergred yang menekankan kepada pendidikan, latihan tentera, dan latihan fizikal. Individu yang dihantar ke Elmira diberi masa tidak melebihi lima tahun untuk menjalankannya. Pelepasan individu ini akan ditentukan oleh pegawai penjara. Setelah bebas daripada insitansi ini, pemantauan komuniti (*community supervision*) akan diperuntukan oleh sekarelawan yang digelar sebagai penjaga (*guardians*). Pelepasan ini akan dinilai melalui laporan oleh penjaga (*guardians*).

Melihat kepada pengembangan Parol di barat, pengkaji menyimpulkan bahawa hukuman ini adalah memberi pengampunan dan peluang kedua kepada pesalah. Hukuman ini telah berevolusi mengikut zaman akan tetapi tujuan utama adalah memberi peluang kedua kepada pesalah. Hukuman ini ditambah baik dengan memberi pendidikan dan penyertaan komuniti. Hal ini kerana, terdapat beberapa kekangan yang berlaku di sistem pemenjaraan serta impak negatif kepada banduan yang di dalam penjara. Oleh itu, hukuman ini terhasil dan mendidik banduan bersama penyertaan komuniti.

3.3.2. Sejarah Parol di Malaysia⁸.

Sejarah Sistem Parol dimulakan dengan perancangan awal daripada Jabatan Penjara Malaysia dan membuat lawatan ke luar negara yang telah mengamalkan sistem ini seperti di United Kingdom, Kanada, dan Australia.

1) Perancangan Awal

Perancangan Sistem Parol di Malaysia bermula semasa pentadbiran Dato⁸ Ibrahim bin haji Mohamed sebagai Ketua Pengarah Penjara yang ke 5 (25 Julai 1977 - 30 April 1988). Ketika itu Sistem Ibrahim diperkenalkan bertujuan memberi bimbingan dan dorongan kepada banduan bagi mengubah corak hidup serta sedar akan

⁸ Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 9 Jun 2019. <http://jpmportal.prison.gov.my/Parol/index.php/sejarah-Parol>

tanggungjawab mereka sebagai rakyat yang berguna kepada masyarakat dan negara setelah dibebaskan kelak.

Di bawah Sistem Ibrahim, banduan yang menunggu hari pembebasan (pra-bebas) akan dipilih oleh sebuah lembaga pemulihan untuk menyertai kegiatan-kegiatan dan kerja-kerja yang bermanfaat serta untuk kepentingan masyarakat diluar tembok penjara. Menerusi Sistem Ibrahim ini juga akan dapat membimbing dan menyediakan diri banduan untuk kembali ke pangkuan masyarakat sebagai rakyat yang bertanggungjawab.

Seterusnya idea ini diperluaskan untuk pelaksanaan Sistem Parol di mana perbincangan awal telah dimulakan sejak tahun 1994 yang melibatkan semua pegawai kanan di Ibu Pejabat Penjara Malaysia. Bagi memastikan pelaksanaan Sistem Parol dapat dijalankan di Malaysia, satu pasukan ditubuhkan di peringkat Ibu Pejabat Penjara Malaysia bagi melihat dan membincangkan prosedur pelaksanaannya.

2) Lawatan luar negara

Pembentangan hasil dari lawatan-lawatan ke United Kingdom, Kanada dan Australia telah diadakan pada 17 Julai 2007. Oleh itu, Jabatan Penjara Malaysia telah memilih sebahagian dari model pelaksanaan Parol dari United Kingdom dan sepenuhnya dari Australia. Faktor pemilihan model sepenuhnya daripada Australia adalah kerana:

- a) Kerajaan Australia mempunyai kepakaran teknikal berkaitan dengan Parol.
- b) Lebih komited (pegawai dari Australia akan datang untuk menyelia pelaksanaan Sistem Parol di Malaysia).
- c) Kerjasama yang erat antara kedua-dua negara
- d) Sokongan Kerajaan Australia pada masa tersebut (Perkara ini telah dimaklumkan dalam Parlimen Australia).
- e) Pengendalian Sistem Parol di United Kingdom diletakkan di bawah National Parole Agency, berbanding dengan pelaksanaan Parol di Australia yang dikendalikan oleh Jabatan Penjara Australia.

3) Pembentangan Rang Undang-Undang

Rang Undang-Undang Akta Penjara (Pindaan) 2007 telah dibentangkan di Persidangan Parlimen - Mesyuarat Ketiga, Penggal keempat, Parlimen Kesebelas (2007), melibatkan:

a) Dewan Rakyat

Bacaan kali pertama Akta Penjara 1995 (Pindaan 2007) telah dibentangkan pada 17 Disember 2007 oleh YB Dato^o Fu Ah Kiow, Timbalan Menteri Dalam Negeri. Bacaan kali kedua dan ketiga serta dibahaskan dan diluluskan pada 19 Disember 2007.

b) Dewan Negara

Telah dibahas dan diluluskan pada 24 Disember 2007. Akta diluluskan dalam Dewan Rakyat pada 19 Disember 2007 dan Dewan Negara pada 24 Disember 2007.

4) Siri Mesyuarat Pelaksanaan Sistem Parol di Malaysia

Beberapa mesyuarat dan perbincangan telah diadakan dalam melaksanakan sistem Parol ini seperti berikut:

3.1 Jadual Pelaksanaan Sistem Parol Di Malaysia

Tarikh	Perkara
16 Mei 2001	Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri menyuruh supaya mengkaji Sistem Parol di Malaysia dan lawatan dibuat ke Amerika Syarikat dan Australia yang telah diketuai oleh YB. Timbalan Menteri, Kementerian Dalam Negeri.
23 Mei 2002	Mesyuarat Jawatankuasa telah mengkaji pelaksanaan Sistem Parol Jabatan Penjara Malaysia diadakan di Ibu Pejabat Penjara Malaysia.
6 Mei 2003	Mesyuarat serta taklimat cadangan pelaksanaan sistem ini di Malaysia bersama turut sertai Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan di Kementerian Dalam Negeri dan telah dipengerusikan oleh YB. Dato ^o Chor Chee Heung, Timbalan Menteri, Kementerian Dalam Negeri.
28 Julai 2005	Sutu mesyuarat yang membincangkan berkaitan dengan Undang-undang dan Peraturan-peraturan dengan Bahagian Gubalan di Jabatan Peguam Negara.
29 Mei 2006	Selepas itu, satu mesyuarat telah dijalankan penyelarasan infrastruktur sistem Parol bersama pihak Kementerian Dalam Negeri di Pulau Pinang yang melibatkan agensi-agensi seperti Jabatan Penjara, Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia.

	mesyuarat ini bertujuan untuk memberi satu taklimat mengenai pelaksanaan Sistem Parol.
29 Mei 2006	Mesyuarat mengenai penyelarasan infrastruktur sistem Parol bersama pihak KDN di Pulau Pinang yang melibatkan pelbagai agensi-agensi seperti Jabatan Penjara, Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Manusia. Mesyuarat ini adalah bertujuan sebagai satu taklimat mengenai pelaksanaan Sistem Parol telah diselenggarakan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia. Selain itu, mesyuarat turut membincangkan pelbagai aspek mengenai pelaksanaan Sistem Parol seperti modus operandi dan keperluan sumber manusia.
4 Ogos 2006	Mesyuarat membincangkan pendirian Jabatan Penjara Malaysia mengenai isu-isu berkaitan infrastruktur pelaksanaan Sistem Parol.
24 Januari 2007	Selepas itu, mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Sistem Parol Bil. 1/2007 di Putrajaya yang dipengerusikan YBhg. Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof, Ketua Setiausaha, KDN.
22 Februari 2007	Mesyuarat penyelarasan pelaksanaan Sistem Parol yang melibatkan Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam (BPO, JPA). Turut menyertai dalam mesyuarat tersebut adalah Timbalan Pengarah, Ketua Penolong Pengarah dan Penolong Pengarah BPO, JPA yang bertujuan untuk membentangkan Kertas Cadangan Permohonan Perjawatan Pelaksanaan Sistem Parol (Baru) Jabatan Penjara Malaysia.
17 Julai 2007	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Sistem Parol Bil. 3/2007 di Putrajaya yang dipengerusikan KSU KKDN, YBhg. Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof
3-7 September 2007	Perbincangan dan perbahasan modul latihan pegawai Parol Jabatan Penjara Malaysia dengan Pengurus Latihan Brush Farm, New South Wales, Australia telah diadakan di Hotel Palm Garden, Putrajaya.

3 Oktober 2007	YBhg. Datuk Mustafa bin Osman, Komisioner Jeneral Penjara Malaysia bersama Mr. Duncan Sutherland telah mendatangi Kontrak Perjanjian Latihan (TOA)
9 Oktober 2007	Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Sistem Parol Bil. 4/2007 di Putrajaya yang dipengerusikan KSU KKDN, YBhg. Tan Sri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof.
28 Julai 2008	Pelepasan secara Perintah Parol yang pertama oleh YB Dato ⁹ Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, Menteri Dalam Negeri dan disaksikan oleh YBhg. Dato ⁹ Mustafa bin Osman, Ketua Pengarah Penjara di penjara Keluang, Johor. Seramai 64 banduan telah diberikan pelepasan secara Perintah Parol.

Sumber:Portal Jabatan Penjara Malaysia.⁹

Pada pandangan pengkaji mendapati bahawa sistem Parol ini dibuat dengan teliti bagi memudahkan pelaksanaannya. Hal ini kerana Parol merupakan satu bentuk hukuman yang baharu di negara ini. Oleh itu, sebagai kerajaan mereka telah mengadakan lawatan ke negara yang lain yang lebih berpengalaman kepada Parol ini. Selepas itu, mereka membuat perbahasan di parlimen maka terwujud Parol di bawah Akta Penjara 537. Beberapa kali mesyuarat telah diadakan yang melibatkan KDN, Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kebajikan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, dan Jabatan Penjara Malaysia untuk membincangkan pelaksanaan Parol di Malaysia. Banyak perkara yang perlu kerajaan perhalusi kerana ini melibatkan risiko antara komuniti dan banduan dan perlu mencari keadilan yang sewajarnya bagi kesejahteraan masyarakat, negara dan banduan itu sendiri. Sebagai kerajaan atau pemerintah mestilah bertindak adil dalam menyelesaikan setiap perselisihan dan masalah dalam kalangan rakyat mahupun musuh.¹⁰ Elemen keadilan adalah tugas utama bagi pemimpin. Sifat adil ini dapat mencegah perbuatan khianat dan cuai.¹¹

⁹ Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 9 Jun 2019. <http://jpmportal.prison.gov.my/Parol/index.php/sejarah-Parol>

¹⁰ Sharifah Hayaati Syed Ismail Al-Qudsy, *Memahami Konsep Tadbir Urus Efektif Dan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam Dan Kotemporori, Tadbir Urus Efektif Politik Dan Kualiti Perspektif Islam Dan Kontemporari*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya:2020).17

¹¹ Izz Ad Din Abdul Aziz Abdul Salam Qawaid Al Ahkam (Beirut:Muasasah Ar Rayayan:1998) 65.

3.4 Elemen yang utama untuk sistem Parol.

Menurut Persatuan Pembaikan Amerika¹² mengatakan bahawa Parol merupakan pembebasan yang terbaik, akan tetapi ia akan menjadi terbaik jika mengandungi elemen seperti berikut:

- 1) Fleksibiliti dalam hukuman dan undang-undang Parol.

Perkara ini mencakupi fleksibiliti dalam hukuman undang-undang kerajaan dan permit Parol untuk para pesalah pada masa mereka di bawah penyeliaan. Hal ini dapat menarik minat masyarakat untuk menyertainya.

- 2) Lembaga Parol yang berkelayakan.

Lembaga Parol mestilah terdiri daripada kawanan yang berkelayakan daripada segi perwatakan, kebijaksanaan, latihan, dan pengalaman mengandalkan sifat manusia termasuk keputusan Parol. Selain itu, ilmu pengetahuan, kesabaran dan kebijaksanaan dikehendaki dalam membuat keputusan.

- 3) Kakitangan Parol yang berkelayakan.

Bagi melaksanakan perkhidmatan Parol ini seseorang itu dipilih melalui piawai yang tinggi dari segi kebolehan, perwatakan, latihan, pengalaman, dan dilantik melalui perkhidmatan kerjaya. Bahagian pentadbiran Parol perlu menyediakan pegawai Parol yang mencukupi untuk memenuhi insitisi Parol bagi menjalankan pekerjaan, latihan, kajian, dan kepakaran yang lain bagi memantapkan sistem Parol.

- 4) Kebebasan daripada politik serta pengaruh yang tidak betul.

Sistem ini perlulah bebas daripada kuasa asing dan pengaruh daripada politik serta juga daripada pihak yang lain.

- 5) Tugas Parol kepada kebolehan bekerja dalam posisi struktur pentadbiran kerajaan.

Struktur pentadbiran ini menjadi kerangka (*framework*) untuk kerajaan membuat sistem Parol. Kerangka ini amat penting dalam membentuk servis percubaan, Insitisi pemulihan, bahagian kesihatan, kesejahteraan mental, kebajikan, serta keselamatan orang awam.

- 6) Prosedur Parol yang betul.

Prosedur Parol ini perlu memperutukkan dan berorientasikan kepada para banduan ke arah Parol. Lembaga Parol juga perlu membuat segala persiapan berkaitan dengan data orang diparol, meneliti kajian kes orang diparol dan mengumpulkan data, membuat formulasi, menyiasat kepuasan plan Parol, memadai untuk pelepasan di bawah

¹² American Correctional Association, *Parole and Other Release Procedures*, (Washington D.C: Library of Congress: 1966)181-182.

penyeliaan, dan kembali kepada institusi Parol yang mana ianya memberi kepuasan di bawah penyeliaan Parol.

7) Persediaan pra-pembebasan dengan program institusi.

Operasi program institusi ini adalah bertujuan untuk memanfaatkan tempoh kekemasan dengan menyediakan penjara secara fizikal, vokasional, mental dan rohani untuk orang diparol kembali kepada masyarakat, dan membuat inisiatif terhadap usaha mereka.

8) Kajian Parol.

Kajian ini seperti pengumpulan data, pembentangan, dan mentaksir data secara praktikalnya tentang sistem operasi Parol yang memberi kesan kepada sistem ini. Sebagai contoh, sistem ini perlu diperbaharui selalu dan digunakan sebagai kerangka utama untuk dievolusikan kepada operasi dan keputusan untuk lembaga Parol.

9) Sikap baik masyarakat (*proper public attitude*) terhadap Parol.

Sikap yang baik masyarakat terhadap orang yang diparol seperti berlakuan adil dan membantu dalam rawatan untuk menjadikan mereka lebih baik, terutama dalam urusan pekerjaan serta integrasi sosial.

3.5 Bahagian Parol Jabatan Penjara Malaysia

Jabatan Penjara Malaysia terbahagi kepada beberapa jabatan¹³ iaitu bahagian:

- 1) Bahagian Pembangunan dan inteligen.
- 2) Pengurusan banduan.
- 3) Parol dan perkhidmatan komuniti.
- 4) Pembangunan dan perolehan
- 5) Kewangan.
- 6) Sumber manusia.
- 7) Teknologi maklumat.
- 8) Integriti.

Oleh itu, berdasarkan portal ini terdapat beberapa pembahagian di penjara Malaysia. Pembahagian ini adalah memudahkan urus tadbir bagi Jabatan Malaysia. Parol dan perkhidmatan komuniti diletakkan di satu bahagian oleh Jabatan Penjara Malaysia.

3.5.1 Objektif Bahagian Parol Dan Khidmat Komuniti

Jabatan ini mempunyai objektif. Objektifnya adalah memastikan kesinambungan program pemulihan dan penyeliaan yang lebih berkesan dengan harapan dapat memberikan peluang kedua kepada banduan untuk meneruskan kehidupan melalui

¹³ Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 3 Januari 2018, <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal>

proses reintegrasi dalam komuniti¹⁴. Jika kita melihat pada objektif bahagian ini, Jabatan Penjara Malaysia mengfokuskan kepada kesinambungan pemulihan kepada banduan untuk berubah ke arah yang lebih baik melalui penyeliaan di bawah jabatan ini supaya dapat memberi sinar harapan yang lebih baik kepada para banduan pada masa hadapan. Bahagian ini mementingkan hubungan banduan dan masyarakat. Hal ini kerana, peluang kedua akan terwujud jika banduan berubah dan masyarakat sekeliling menerima mereka. Oleh itu, Jabatan Penjara Malaysia merupakan satu wadah untuk banduan dan masyarakat berintergrasi.

3.5.2 Fungsi Bahagian Parol Dan Khidmat Komuniti

Fungsi bahagian¹⁵ ini adalah seperti berikut:

- 1) Membantu penghuni menyesuaikan diri dalam masyarakat.
- 2) Memberi peluang kedua kepada penghuni dalam menjalani hidup yang lebih baik dari sebelumnya.
- 3) Dapat menjalani Program Parol dengan pemantauan Pegawai Parol yang terlatih.

Berdasarkan Portal Jabatan Penjara Malaysia mengetahui bahawa tujuan utama adalah memulihkan para banduan untuk berubah ke arah kebaikan. Namun begitu, terdapat sedikit perbezaan Parol yang mementingkan pemulihan dalam komuniti. Parol memerlukan sokongan daripada masyarakat untuk para banduan berubah. Di samping itu, bimbingan daripada pegawai pelatih juga diperlukan oleh banduan sebagai penyelia mereka. Maka bahagian ini ditubuhkan untuk memantau dan membimbing serta membantu para banduan untuk berubah.

3.5.3 Sistem Bahagian Jabatan Parol Dan Khidmat Komuniti

Bahagian Parol dan Perkhidmatan Komuniti menggunakan satu sistem yang telah dibuat iaitu Sistem Maklumat Pengurusan Parol (SMPPRL). Segala urusan tadbir Parol akan menggunakan sistem ini. Oleh demikian, pegawai penjara perlu membuat pekara di bawah yang terdiri dari:

- 1) Menguruskan dan mengawalselia pembangunan Sistem Maklumat Pengurusan Parol (SMPPRL).
- 2) Bertanggungjawab menyelenggara, menambahbaik dan memantau Sistem Maklumat Pengurusan Parol (SMPPRL) bagi memastikan SMPPRL beroperasi dengan lancar.

¹⁴Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 3 Januari, <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/Parol>

¹⁵Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 4 Januari 2018, <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/Parol#Fungsi>

- 3) Memastikan setiap pejabat Parol di seluruh Jabatan Penjara Malaysia dapat membuat capaian ke Sistem Maklumat Pengurusan Parol (SMPPRL).
- 4) Mengintergrasikan Sistem Maklumat Pengurusan Parol (SMPPRL) dengan Sistem Maklumat Pengurusan Pesalah (SMPP) yang lain bagi tujuan perkongsian maklumat dan mengurangkan aktiviti-aktiviti manual.
- 5) Memberi khidmat sokongan kepada pengguna Sistem Maklumat Pengurusan Parol (SMPPRL).
- 6) Mengenalpasti keperluan ICT yang sedia ada dan baru untuk pejabat Parol.
- 7) Mengendalikan latihan kepada pegawai-pegawai Parol bagi penggunaan Sistem Maklumat Pengurusan Parol (SMPPRL)¹⁶

3.5.4 Kelebihan Program Parol

Jika merujuk kepada Portal Jabatan Penjara Malaysia, kelebihan program ini adalah¹⁷:

- 1) Mengurangkan kadar residivis (Penghuni Berulangkali Masuk Penjara).
- 2) Mendorong penghuni untuk berkelakuan baik.
- 3) Memberi peluang bagi mendapatkan pekerjaan yang sesuai.
- 4) Mewujudkan penglibatan yang tinggi daripada masyarakat.
- 5) Mengurangkan kos operasi penghuni dalam penjara.
- 6) Membantu mengurangkan kesesakan dalam penjara.

Kelebihan ini dibuat berdasarkan pengalaman jabatan ini terhadap sistem Parol di Malaysia. Jika melihat pada Parol ini banyak memberi impak yang positif kepada para ODP melalui pelaksanaan Parol ini di Jabatan Penjara Malaysia. Namun begitu, keistimewaan hukuman ini adalah penglibatan komuniti yang memberi sokongan kepada ODP untuk berubah ke arah kebaikan. Menurut Frank J. Schmallegger¹⁸ mengatakan tujuh kebaikan Parol antaranya adalah:

- 1) Merendahkan kos

Jika melihat pada perbelanjaan di penjara adalah sangat mahal. Sebagai contoh perbelanjaan di Georgia yang memperuntukan \$39,501 untuk setahun. Akan tetapi jika melihat perbelanjaan Parol di bawah intensif tempoh larangan (*intensive probation*) hanya \$1,321 sahaja per tahun. Jika melihat perbelanjaan ini dapat dilihat perbezaan antara penjara dan Parol. Perbelanjaan ini hanyalah kawasan Georgia sahaja kemungkinan negeri yang lain adalah lebih dari tiga kali ganda dari Georgia.

¹⁶ Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 3 Januari 2018, <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/Parol#Unit>

¹⁷ Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 3 Januari 2018, <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/Parol#Program>

¹⁸ Frank J. Schmallegger, *Criminal Justice Today Introduction Text For The 21st centeruy*, (British: Person Education limited: 2014)400.

2) Peningkatan pekerjaan.

Hanya beberapa sahaja banduan yang di penjara mendapat peluang pekerjaan. Kebanyakan para banduan ini bekerja di sektor kemahiran yang rendah serta dibayar gaji dengan rendah. Namun begitu, Parol ini adalah melatih banduan untuk bekerja di sektor kemahiran yang lebih baik. Hal ini kerana, ODP mendapat latihan secara khusus semasa mereka dalam perintah Parol. Kebanyakan ODP ini diterima kerja selepas mereka tamat tempoh Parol.

3) Resitusi (*Restitution*)

Penyertaan atau pengambilan komuniti dalam insituti mahkamah ini dapat dilihat dalam sistem Parol ini yang mengalakkan pemulihan ODP bersama komuniti. Perkara ini akan dan mengajar para ODP untuk bersifat tanggungjawab.

4) Sokongan komuniti.

Hukuman ini adalah penglibatan antara komuniti dan pegawai Parol. Hal ini kerana mereka akan membuat keputusan untuk membebaskan para ODP. Persetujuan ini juga memerlukan keluarga dan seluruh komuniti yang terlibat. Selain itu, sebagai nilai tambah hubungan antara pegawai Parol, ahli keluarga, dan komuniti dapat diteruskan selepas perintah ini dijalankan. Jika melihat pada hukuman penjara, banyak memisahkan para banduan daripada mendapat sokongan daripada masyarakat terutama ahli keluarga mereka sendiri.

5) Mengurangkan risiko jenayah

Penjara merupakan satu tempat para penjenayah berkumpul dan di gelar sebagai „*school in crime*“ yang kebanyakan mereka akan melakukan jenayah di dalam tersebut atau mengulanginya selepas keluar. Oleh itu, hukuman Parol ini dapat mencegah mereka kerana mereka mendapat sokongan daripada komuniti dan dan mempelajari nilai-nilai murni dalam perintah Parol.

6) Meningkatkan khidmat masyarakat.

Sistem Parol ini dapat memberikan peningkatan kualiti kepada khidmat masyarakat seperti terapi psikologi, kaunseling komuniti, khidmat kewangan, sokongan berkumpulan, program keagamaan, dan khidmat sosial. Penglibatan komuniti ini mengurangkan stigma mereka kepada ODP dan mereka juga terlibat dalam memulihkan ODP.

7) Peningkatan peluang kepada pemulihan.

Sistem Parol ini memupuk kepada pengurusan sikap. Pengurusan sikap ini menjadi satu indikator untuk para ODP berubah ke arah kebaikan atau sebaliknya.

Kesimpulannya, Parol ini banyak mendatangkan kebaikan kepada banduan, masyarakat, dan negara. Kebaikan yang utama adalah untuk memberi peluang kedua dan mengubah banduan ke arah kebaikan untuk menjadi insan yang lebih baik. Di samping itu, Parol juga dapat memperkukuhkan dan mengeratkan hubungan antara kaum keluarga dan komuniti setempat. Mereka juga akan memberi sokongan tambahan kepada para ODP untuk berubah.

3.5.5 Lembaga Parol.

Lembaga Parol ini ditubuhkan untuk menjalankan segala kuasa, menunaikan semua kuasa, dan melaksanakan segala fungsi Parol seperti dalam Akta Penjara 537.¹⁹ Lembaga Parol ini dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA)²⁰. Setiap ahli lembaga Parol ini menyandang jawatannya selama tiga tahun²¹ namun pelantikan ini akan terbatal dengan kuasa YDPA²² Lembaga ini terdiri daripada²³:

- 1) Seorang pengerusi daripada kalangan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.
- 2) Seorang pegawai kanan Parol penjara.
- 3) Seorang pegawai kanan polis.
- 4) Seorang pegawai kanan kebajikan
- 5) Tiga orang awam.

3.5.6 Fungsi Lembaga Parol.

Fungsi utama bagi lembaga ini adalah untuk menggalakan kelakuan baik dan kerajinan serta memudahkan kerja pemulihan seseorang baduan.²⁴ Lembaga Parol juga boleh menubuhkan urus setia bagi membantunya dalam melaksanakan fungsi dan tugas serta menjalankan kuasa di bawah Akta Penjara 537.²⁵ Oleh itu, lembaga ini perlulah mempunyai kuasa seperti berikut:²⁶

- 1) Perlulah membuat keputusan untuk melepaskan secara Parol kepada seseorang banduan yang telah memohon Parol.
- 2) Lembaga ini juga mempunyai kuasa untuk mengantung atau membatalkan Perintah Parol.
- 3) Menambah syarat serta boleh mengubah syarat sesuatu Perintah Parol.

¹⁹ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46B(1).

²⁰ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46B(2).

²¹ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46B(3).

²² Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46B(4).

²³ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46B(2).

²⁴ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46C(1).

²⁵ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46C(2).

²⁶ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46C(1).

- 4) Diberikan untuk mengadakan suatu siasatan berkenaan pekaru yang berkaitan dengan Parol.
- 5) Lembaga Parol juga boleh memeriksa banduan untuk mendapatkan maklumat tambahan yang berkaitan dengan permohonan Parol dan sebab lain yang difikirkan patut dan munasabah bagi Perintah Parol.
- 6) Menjalankan dan melaksanakan tugas serta fungsi yang telah ditetapkan oleh Menteri.

3.5.7 Kelayakan Untuk Diparol.

Beberapa kelayakan yang telah ditentukan oleh Jabatan Penjara Malaysia seperti berikut²⁷:

- 1) Banduan mestilah dihukum minimum satu tahun pemenjaraan bagi semua kesalahan kecuali yang ditetapkan di Jadual Keempat.²⁸
- 2) Tertakluk kepada subseksyen (7), banduan telah menjalani sekurang-kurangnya seperdua dari tempoh pemenjaraan tanpa mengambil kira remitan hukum yang diberikan di bawah seksyen 44.²⁹
- 3) Selepas banduan menjalani program pemulihan yang diluluskan oleh Komisioner Jenaral semasa menjalani hukumannya.³⁰

3.5.8 Kategori Kesalahan Yang Tidak Layak Untuk Pelepasan Hukuman Parol

Seperti yang kita ketahui di bawah seksyen 46E(1)³¹ semua banduan boleh menjalani hukuman Parol ini kecuali kesalahan di dalam Jadual Keempat yang tidak boleh memohon hukuman ini adalah seperti berikut:

- 1) Keseluruhan BabVI iaitu kesalahan-kesalahan yang melibatkan negara yang di bawah seksyen 121-130.
- 2) Kesalahan Bab VIA yang berkaitan penganasan di bawah seksyen 130C-130T.
- 3) Seksyen 194 iaitu memberi atau mereka keterangan palsu dengan niat hendak mendapatkan sabitan atas kesalahan hukuman bunuh.
- 4) Perenggan 225 (e) tentang atau golongan terhadap penangkapan yang sah di sisi undang-undang atas seseorang lain. (e) Jika orang yang ditangkap atau yang dicuba dilepaskan itu, telah di jatuhkan hukum bunuh, hendaklah diseksa dengan penjara yang boleh sampai 20 tahun dan bolehlah dikenakan denda.

²⁷ Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 10 Jun 2019, <http://jpmportal.prison.gov.my/Parol/index.php/pamplet-Parol>.

²⁸ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46E(3)(a).

²⁹ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46E(3)(b).

³⁰ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46E(3)(c).

³¹ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46E (1).

- 5) Perenggan 304(a) yang menyatakan seksaan kesalahan mematikan orang dengan salah yang tidak terjumlah kepada kesalahan membunuh orang. (a) pula adalah dengan penjara yang boleh sampai 20 tahun dan boleh juga dikenakan denda, jika perbuatan yang menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian.

3.6 Kesimpulan

Bab ini sangat penting untuk pengkaji mengetahui Parol sebelum membuat kajian di lapangan. Bab ini juga, merupakan data sekunder kepada pengkaji sebagai persediaan kepada pengkaji untuk membuat kajian. Keseluruhan bab ini juga, sangat penting untuk membentuk objektif pertama dan ketiga dalam kajian ini.

Universiti Malaysia

BAB 4: ANALISIS PAROL DARI PERSPEKTIF SIYASAH SYAR'IIYAH

4.1 Pengenalan.

Bab ini adalah bertujuan untuk menerangkan demografi informan yang telah melibatkan diri mereka dalam kajian ini berdasarkan kaedah temu bual bersemuka bersama mereka pada masa yang telah ditetapkan. Selain itu, bab ini juga akan menjawab dan menghuraikan objektif kajian yang telah digarisakkan dan dinyatakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

4.1 Jadual Demografi Informan.

Informan(kod)	Umur	Jantina	Tempoh perkhidmatan
RA	33 Tahun	Lelaki	7 Tahun
RB	44 Tahun	Lelaki	26 Tahun
RC	38 Tahun	Lelaki	16 Tahun
RD	36 Tahun	Lelaki	17 Tahun
RE	47 Tahun	Lelaki	24 Tahun
RF	54 Tahun	Lelaki	30 Tahun
RG	39 Tahun	Lelaki	16 Tahun
RH	44 Tahun	Lelaki	13 Tahun

Sumber: Hasil temu bual pengkaji.

Merujuk pada jadual 4.1, informan kajian ini terdiri daripada enam orang pegawai penjara, seorang penolong penguasa penjara, dan seorang penguasa penjara. Daripada jumlah ini, seorang informan bekerja di Pejabat Pengarah Penjara Negeri Pahang, dan yang lain berkerja di PPD Kuantan. Kesemua informan ini jantainya adalah lelaki. Manakala dari segi pengalaman dan tempoh perkhidmatan di Jabatan Penjara, seramai lima orang mempunyai pengalaman yang lebih daripada lima hingga sepuluh tahun. Tiga orang sahaja yang mempunyai pengalaman dan tempoh perkhidmatan melebihi 20 tahun ke atas.

Informan RA

Informan RA adalah seorang lelaki. Berumur 33. Beliau adalah seorang Penolong Penguasa Penjara yang bergred KA 29 dan bertugas di PPD Kuantan. Berpengalaman bertugas di Jabatan Penjara Malaysia selama tujuh tahun.

Informan RB

Informan RB adalah seorang lelaki . Berumur 44. Beliau adalah seorang Pegawai Penjara yang bergred KA 22 dan bertugas di PPD Kuantan di bawah unit pengumpulan data. Berpengalaman bertugas di Jabatan Penjara Malaysia selama 26 tahun.

Informan RC

Informan RC adalah seorang lelaki. Berumur38. Beliau adalah seorang Pegawai Penjara yang bergred KA 22 dan bertugas di PPD Kuantan di bawah unit penyeliaan dan kerjaya Parol. Berpengalaman bertugas di Jabatan Penjara Malaysia selama 16 tahun.

Informan RD

Informan RD adalah seorang lelaki. Berumur 36 tahun. Beliau adalah seorang Pegawai Penjara yang bergred KA 22 dan bertugas di PPD Kuantan di bawah unit pengumpulan data dan maklumat Parol. Berpengalaman bertugas di Jabatan Penjara Malaysia selama 17 tahun tiga bulan.

Informan RE

Informan RE adalah seorang lelaki. Berumur 47 tahun. Beliau adalah seorang Pegawai Penjara yang bergred KA 22 dan bertugas di PPD Kuantan di bawah unit penyeliaan dan kerjaya Parol. Berpengalaman bertugas di Jabatan Penjara Malaysia selama 24 tahun.

Informan RF

Informan RF adalah seorang lelaki. Berumur 54tahun. Beliau adalah seorang Pegawai Penjara yang bergred KA 22 dan bertugas di PPD Kuantan di bawah unit pengumpulan data dan maklumat Parol. Berpengalaman bertugas di Jabatan Penjara Malaysia selama 30 tahun.

Informan RG

Informan RG adalah seorang lelaki. Berumur 39 tahun. Beliau adalah seorang Pegawai Penjara yang bergred KA 22 dan bertugas di PPD Kuantan di bawah unit penyeliaan dan kerjaya Parol. Berpengalaman bertugas di Jabatan Penjara Malaysia selama 16 tahun.

Informan RH

Informan RH adalah seorang lelaki. Berumur 44 tahun. Beliau adalah seorang Penguasa Penjara yang bergred KA 44 dan bertugas di Pejabat Pengarah Penjara Negeri Pahang. Beliau juga merupakan ketua bahagian Parol Dan Perkhidmatan Komuniti Penjara Negeri Pahang Darul Makmur. Berpengalaman bertugas di Jabatan Penjara Malaysia selama 13 tahun.

4.2 Pelaksanaan Sistem Parol di Malaysia.

4.2.1 Parol

Parol adalah salah hukuman pelepasan awal kepada banduan untuk berkhidmat kepada masyarakat. Di Malaysia hukuman ini adalah tertakluk kepada Jabatan Penjara Malaysia di bawah unit Parol Dan Perkhidmatan Komuniti. Menurut kesemua informan menyatakan bahawa Parol ini mesti dijalankan dan dilaksanakan di luar tembok penjara bagi menghabiskan baki hukuman di penjara. Hukuman ini akan melibatkan orang awam terutama ahli keluarga serta masyarakat.

“Hukuman yang dibuat di luar tembok luar kawasan penjara”

(RB(02122020)/11).

“Menjalani hukuman baki di luar, untuk dia (ODP) bersesialan dengan masyarakat di luar.”

(RD (08122020)/15).

“Parol ialah seseorang ODP itu menghabiskan separuh baki hukuman di luar penjara.”

(RF (09122020)/14-14).

“Adalah banduan yang menjalani baki hukuman di luar penjara untuk bersama keluarga dan masyarakat”.

(RE(09122020)/13-15).

Selain itu, Parol ini memerlukan kelulusan daripada Lembaga Parol untuk menjalankannya. Lembaga ini akan mengeluarkan perintah kepada pihak penjara sama ada banduan layak untuk diparol dan seterusnya menghabiskan baki hukuman dengan Parol ini. Oleh itu, seorang banduan yang telah mendapat Parol perlu menghabiskan baki hukuman penjara di luar penjara melalui Parol.

“Pembebasan banduan yang diluluskan oleh lembaga Parol untuk menjalani hukuman di luar tembok.”

(RA (02122020)/41-42).

“Dalam maksud lain dia (ODP) menghabiskan hukuman separuh di luar penjara dia bukan hukuman lebih kepada pemulihan.”

(RC (08122020/51-53).

Parol juga diberikan kepada banduan yang telah menjalani fasa kedua dalam Program Pemulihan Insan (PPI) di dalam penjara. Seperti yang kita ketahui PPI di penjara Malaysia mempunyai empat fasa iaitu fasa pertama ialah fasa orientasi, fasa kedua adalah pengukuhan sahsiah, ketiga ialah fasa kemahiran dan terakhir adalah fasa reintegrasi. Maka dengan itu, jika seseorang banduan ingin mendapatkan Parol, dia perlu melepasi fasa pertama dan fasa kedua di dalam penjara.

“Sistem pemulihan. setiap banduan ini dia akan melalui beberapa fasa dalam penjara seperti iendi bawah PPI dalam penjara dan Parol program last (terakhir) sekali.”

(RG (10122020/16-17).

“Satu program pemulihan di luar tembok, setelah banduan menjalani program, setelah tamat fasa dua di penjara sekurang-kurangnya mengikut tempoh hukuman kalau hukuman di bawah dua tahun dia kena tamatkan sekurang kurangnya fasa dua di penjara. Sebab di penjara kita ada 4 fasa yang kena penjara lebih 4 tahun kena habiskanlah , fasa orientasi 3 bulan, fasa pembentukan sahsiah 6 bulan”

(RH (16122020)/28-33).

Parol juga mestilah seseorang ODP itu bekerja. Jika kita melihat sistem Parol di Jabatan Penjara Malaysia seseorang ODP itu perlu bekerja di luar tembok penjara untuk memenuhi syarat Parol. Sebagaiman informan menyatakan:

“Kena bekerja dan berada di luar tembok penjara dan menjalani baki hukuman bersama keluarga. Lebih kepada bekerja sebelum tarikh bebas keluar.”

(RE (09122020)/13-15)

“Dia lebih kepada banduan (ODP) itu bekerja kerana ia satu proses pemulihan yang kita lebih kepada memulihkan dia. Bekerja itu satu pemulihan supaya apabila nanti dia habis (Parol) kalau majikan tengok bagus, majikan akan tawarkan bekerja tapi banyaklah yang ditawarkan bekerja”.

(RA (02122020)/70-71)

Maka di sini dapat disimpulkan oleh pengkaji, Parol di Jabatan Penjara Malaysia mestilah mempunyai lima aspek utama iaitu Parol ini mestilah dijalankan di luar tembok penjara, melibatkan orang awam, memerlukan kelulusan daripada Lembaga Parol, banduan juga perlu menghabiskan sekurang kurangnya dua fasa iaitu fasa pertama dan kedua di dalam penjara bagi mendapatkan Parol, dan terakhir ODP mestilah bekerja.

4.2.2 Tempat Parol

Parol merupakan hukuman yang dijalankan di luar tembok penjara. Di Malaysia di bawah Jabatan Penjara Malaysia, Seseorang ODP yang telah mendapat Perintah Parol perlu menghabiskan baki hukuman di luar penjara sama ada di kediaman, Rumah Perantaraan (RP), dan Program Corporate Smart Internship (CSI). Kesemua ini merupakan tempat ODP untuk menjalankan hukuman Parol. Penempatan ODP ini ditentukan oleh Lembaga Parol melalui mesyuarat antara Lembaga Parol berdasarkan maklumat yang telah disediakan oleh Institusi Parol (Penjara). Lembaga ini akan mengeluarkan Perintah Parol kepada Institusi Penjara dan akan disalurkan segala maklumat ODP, penempatan Parol, serta tarikh mula dan berakhir Parol berserta syarat dan arahan lain Lembaga Parol kepada PPD dan pihak penjara akan mengeluarkan banduan daripada penjara untuk menjalani Parol. Menurut informan mengatakan:

“Semua atas lembaga. Tujuh orang lembaga akan bersidang dan tengok ulasan dia punya kelayakan layak untuk Parol atau tidak layak di Parol. Insitusi (Institusi Penjara) bagi nama ,nombor SPP, nombor IC, tarikh mula Parol, tarikh tamat Parol, alamat. Sebab itu di satu perintah dipanggil sebagai perintah syarat dan arahan lain lembaga Parol dia ada tiga keping. Perintah halaman depan syarat halaman kedua, dan arahan lain halaman ketiga.

(RB (02122020)/27-31)

“Lepastu (selepas itu) akan keluaran satu perintah hantar balik ke penjara layak mendapat Perintah Parol sama ada kediaman, CSI, dan RP, sehingga tarikh dibebaskan dan hukuman di luar penjara. Dan tarikh telah ditetapkan oleh Lembaga Parol. Pihak Lembaga Parol akan salurkan maklumat kepada pihak penjara dan akan maklumkan kepada PPD Kuantan dan Penjara Penor dan akan keluaran dia (banduan). Kita akan maklumkan jika dapat kat (di) rumah, rumahlah. RP tiada masalah kita dapat jek (sahaja) kita akan uruskan. Pihak CSI akan hantar pada masa tarikh jatuh hukum.”

(RD (08122020)/31-37)

“Apabila kita buat proses penerimaan itu, kita akan hantar ke kediaman bergantung kepada perintah (Perintah Parol) tadi kalau di rumah, rumah lah, kalau CSI, CSI lah. RP, RP lah.”

(RC (081220220)/90-92)

Oleh itu, Lembaga Parol mempunyai kuasa untuk menentukan penempatan seseorang ODP itu. Berdasarkan temu bual bersama informan, pengkaji dapat mengetahui terdapat tiga tempat Parol yang wujud di Malaysia ini. Penempatannya adalah seperti berikut:

1) Kediaman

Kediaman ini adalah rumah asal dan kediaman keluarga bagi ODP yang didaftarkan semasa ODP menjadi banduan di penjara. Pihak penjara akan pergi ke rumah mereka untuk mendapat kebenaran ahli keluarga supaya ODP dapat menjalankan Parol di kediaman. Selalunya ODP akan bekerja dengan keluarga mereka. Terdapat statistik pekerjaan ODP di PPD Kuantan, dalam jadual 4.2 di bawah menyatakan seramai 31 orang ODP yang berada di kediaman. Pekerjaan bahagian perladangan paling ramai ODP sebanyak 15 orang dan diikuti sektor peruncitan yang bekerja sebagai pembantu kedai sebanyak sembilan orang. Manakala pekerjaan am seramai empat orang. Terakhir sekali adalah pekerjaan mekanik atau teknikal seramai dua dan pekerjaan pembuatan adalah satu orang sahaja.

Jadual 4.2: Statistik Pekerjaan ODP Kediaman di PPD Kuantan.

Jenis pekerjaan	Bilangan ODP
Pekerja am	4
Berniaga	0
Perladangan	15
Pembuatan	1
Perkilangan	0
Pembantu kedai	9
Pemandu	0
Ternakan	0
Mekanik/Teknikal	2
Lain-lain	0
Tiada kerja	0
Jumlah	31

Sumber: Laporan Mesyuarat Pengurusan Parol Dan PBSL Peringkat Negeri Pahang¹

2) Rumah Perantaraan (RP).

Rumah Perantaraan (RP) ini mula diperkenalkan di bawah NKRA itu mengurangkan jenayah pada tahun 2010 yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri pada masa itu, Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)². RP ini merupakan tempat tinggal, tempat riadah dan kelas-kelas pembelajaran oleh Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama NGO dan rumah yang disediakan ini lengkap dengan kemudahan asas termasuk makanan dan minuman.³Objektif penubuhan RP adalah:

- a) Membantu bekas banduan bagi mendapatkan pekerjaan dan kaunseling.
- b) Mengurangkan kes-kes banduan bebas melakukan jenayah berulang.
- c) Bertujuan bagi mengelakkan bekas banduan daripada terlibat dengan tabiat lama apabila dia kembali kepada rakan-rakan dan melakukan jenayah.

¹ Laporan Mesyuarat Pengurusan Parol Dan PBSL Peringkat Negeri Pahang Yang Bertarikh 14 Disember 2020. Laporan ini dapat semasa temu bual informan H.

² Portal Kementerian Dalam NegEri (KDN) dicapai pada 1 Jun 2021: <https://www.moha.gov.my/index.php/ms/pengenalan>

³ Pamflet NBOS dan NKRA, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.

- d) Membantu bekas banduan menangani masalah “sosial stigma” apabila keluarga dan masyarakat tidak mahu menerima mereka kembali.⁴

Terdapat satu RP di Pahang Darul Makmur yang terletak di daerah Kuantan yang penghuninya adalah majoriti kaum lelaki. Segala keperluan asas ada di sana seperti tempat tidur, tempat beriadah, dan tempat beribadah bagi penghuni beragama Islam disediakan. Pihak penjara di RP juga menyediakan makan pagi dan tengah hari. Selain itu, RP juga tidak terhad kepada ODP, banduan atau ODP yang tidak mempunyai tempat tinggal selepas dibebaskan dibenarkan menginap di situ selama tiga bulan. Jika untuk banduan yang dibebaskan tinggal di RP maka RP dipanggil sebagai Residensi. Terdapat tiga orang penyelia daripada Jabatan Penjara Malaysia ditempatkan di RP untuk menyelia penghuni di situ secara bergilir-gilir (*shift*). Menurut informan:

“RP adalah satu rumah yang mana Jabatan Penjara wujudkan untuk ODP dan residensi untuk banduan yang teringin hendak berubah dan tiada tempat tinggal. Dipanggil sebagai rumah perantaraan. RP boleh maksudnya kita fokus pada banduan dah bebas tetapi hendak duduk di situ dipanggil Residensi yang mempunyai tempoh tiga bulan. Selalunya tamat ODP pun ada. Banduan yang bebas dari penjara dia nak(hendak) transit kat situ.”

(RC(081220220)/41-46)

“ODP RP, kalau Resedensi untuk lepasan penjara. Tempat yang sama nama yang lain. Lepas bebas ODP boleh duduk di RP selama tiga bulan, lepas tu (selepas itu) cari rumah sewa. Makan di RP pihak Parol menyediakan makan pagi dan tengah hari. Di Kuantan penghuni 20 orang campur Residensi, semua laki (lelaki).

(RE (09122020)/58-61)

“RP ada penyelia dari Jabatan Penjara Malaysia. Tiga penyelia kerja ada shift (kerja berjadual), apa-apa penyelia akan diberitahu.”

(RB (02122020)/56-57).

⁴ Pamflet Program Pemulihan Pemasarakatan yang diperolehi oleh pengkaji semasa membuat temu bual pada tarikh 02 Disember 2022.

“Macam dekat rumah kita ada satu Rumah Perantaraan (RP) di Negeri Pahang situ (di situ) adanya ODP yang bukannya keluarga tidak terima tetapi arahan daripada lembaga (Lembaga Parol) untuk dia orang duduk situ. Kat situ(di situ) penyelia akan ada tiga orang.”

(RB (02122020)/61-63).

Jadual 4.3: Penerimaan Penghuni RP Negeri Pahang

Bulan	Bilangan Penghuni RP (orang)
Januari	15
Februari	2
Mac	4
April	10
Mei	4
Jun	11
Julai	12
Ogos	7
September	11
Oktober	4
November	6
Disember	4
Jumlah	90

Sumber: Laporan Mesyuarat Pengurusan Parol Dan PBSL Peringkat Negeri Pahang⁵

3) Program Coporate Smart Internship (CSI)

Program CSI bermula pada tahun 2016 yang bertujuan melibatkan penyertaan pihak syarikat swasta terutama syarikat *Government-Linked Companies* (GLC) di Malaysia menyertai program Parol. Majikan iaitu pihak syarikat perlu menyediakan tempat tinggal, kemudahan asas dan gaji kepada ODP. ODP akan mendapat gaji sama seperti pekerja biasa di syarikat itu. Mempunyai seorang penyelia untuk menjaga para ODP di CSI. Menurut informan mengatakan di seluruh Negeri Pahang bidang pekerjaan adalah bidang pertanian khusus dalam perladangan terutamanya penanaman pokok kelapa sawit. Setiap negeri di Malaysia ini mempunyai majikan yang berbeza bidang seperti industri makanan, pengilangan dan sebagainya. Antara syarikat yang terlibat di Negeri Pahang khususnya di daerah Kuantan dan meliputi daerah Maran juga adalah Syarikat

⁵ Laporan Mesyuarat Pengurusan Parol Dan PBSL Peringkat Negeri Pahang Yang Bertarikh 14 Disember 2020. Laporan ini dapat semasa temu bual informan RH.

Sime Darby, Perbadanan Kemajuan Perladangan Negeri Pahang (PKPP), Yayasan Pahang (YP), dan FELCRA Berhad. ODP akan bekerja sebagai pembantu ladang dan dibayar gaji penuh RM1100 ke atas berdasarkan gaji minimum yang telah ditetapkan Jabatan Tenaga Kerja. Oleh demikian informan menyatakan kepada pengkaji seperti berikut:

“Yang CSI kita letak Parol bersama majikan, yang beroperasi dan bekerjasama dengan jabatan(Jabatan Penjara Malaysia). Program CSI baru wujud di negeri Pahang bermula pada 2016, sekarang ni kita ada 22 lokasi di seluruh Pahang 9 majikan. Sekarang ni 2019 baru diperluaskan di seluruh negeri. Semua negeri ada program CSI dan ada pelbagai bidang di Pahang perladangan ladang sawit tapi macam di Selangor ada pengilangan di Penang (Pulau Pinang) ada kilang dan letakkan ODP dengan majikan, yang penting majikan sediakan tempat tinggal, kemudahan asas dan gaji diterima sama seperti pekerja yang lain. Tiada diskriminasi walaupun banduan(ODP) gaji masih diberi sama.”

(RH (16122020/19-26)

“Kebanyakan majikan adalah di ladang lah dekat PKPP, FELCRA,YP, dan Sime Darby di Maran kebanyakan ladang tetapi di tempat macam lain di Melaka di kilang Mamee di Kedah dan Penang kilang dan Pahang fokus kepada ladang.”

(RA (02122020)/85-88)

Berdasarkan jadual 4.4 tempat yang ramai ODP adalah di bawah majikan FELCRA Sungai Batu dan Sime Darby Chenor. Jika melihat kapasiti majikan untuk ODP ini sangat banyak akan tetapi pengisian ODP di bawah CSI sangat terhad. Hal ini kerana perlu diketahui mereka ini menjalankan Perintah Parol dan bukannya untuk memenuhi pasaran pekerjaan. Kekosongan ini berlaku kerana kelulusan pelepasan Parol bergantung kepada Lembaga Parol. ODP juga telah Ditetapkan tempat untuk bekerja berdasarkan keputusan lembaga parol. Pekara ini telah menyebabkan para ODP tidak boleh memilih tempat untuk diparol dan perlu mematuhi keputusan yang telah diputuskan oleh Lembaga Parol.

Jadual 4.4: Majikan Sedia Ada di PPD Kuantan.

Syarikat (Majikan)	CSI PAROL		
	Kapasiti	Pengisian	Kekosongan
FELCRA Sg Batu	15	6	9
PKPP Plantation Sg Charu	10	0	10
Yayasan Pahang	15	0	15
Sime Darby Chenor	10	9	1

Sumber: Laporan Mesyuarat Pengurusan Parol Dan PBSL Peringkat Negeri Pahang⁶

4.3 Menganalisis Sudut Pandangan Siyasah Syar'iyah Dalam Sistem Parol Di Malaysia Pencapaian Siyasah Syar'iyah Untuk Keberhasilan Kuliah Al-Khamsah

Pengkaji membahaskan tentang sudut padangan Islam dalam pelaksanaan Parol di Malaysia. Perkara utama adalah mestilah mencapai matlamat perundangan Islam iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kelima-lima ini merupakan prinsip utama dalam objektif syariah. Menurut Ruzian Markom, memelihara lima prinsip ini menjadi tunjang utama objektif syariah dan membawa kepada kesejahteraan dan keamanan seluruh umat manusia di dunia ini.⁷ Begitu juga, konsep Siyasah Syar'iyah juga berteraskan kepada Maqasid Syariah juga. Oleh demikian, pengkaji menganalisa sistem Parol ini berdasarkan lima matlamat syariah.

4.3.1 Pencapaian Siyasah Syar'iyah Untuk keberhasilan Kuliah al-Khamsah

4.3.1.1 Menjaga Agama

Menjaga agama Islam adalah sangat penting bagi sesebuah hukuman itu. Menjaga agama merupakan perkara asas dalam sesebuah hukuman. Oleh itu, Parol ini juga mempunyai aspek yang menjaga agama iaitu dengan memperkukuhkan agama bagi ODP. Jika kita melihat kepada Parol di Malaysia, seseorang banduan itu mestilah melepasi fasa kedua iaitu memperkukuh sahsiah. Fasa ini mempunyai modul halaqah bagi yang beragama Islam yang mengandungi pengajian akidah, fiqh, tilawah al-Quran, tafsir, hadis, sirah akhlak dan kesejahteraan insan.⁸ Dalam Parol ini pihak PPD Kuantan akan menggalakkan mereka beribadah kepada Allah S.W.T terutamanya dalam bab solat. Informan mengatakan bahawa:

⁶ Laporan Mesyuarat Pengurusan Parol Dan PBSL Peringkat Negeri Pahang Yang Bertarikh 14 Disember 2020. Laporan ini dapat semasa temu bual informan RH.

⁷ Ruzian Markom, *Apa Itu Undang-Undang Islam* (Pahang: PTS Publication, 2003), 17.

⁸ Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy, Chow Jen-T'Chang, Ramlinggam Rajamnckam. *Program Pemulihan di dalam Penjara bagi Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia*. Jurnal Undang-undang dan Masyarakat, 2018(S).78.

“Memang pokok (tujuan) yang penting untuk bersihkan hati mereka dan menjadi tunjang. kebanyakan muslim...95% muslim (ODP di PPD Kuantan). Yang penting solat.”

(RE (09122020)/34-35)

“Agama memang dititik beratkan sebab dalam penjara ada satu fasa program halaqah, tengah Parol (masa diparol) kita tekankan aktiviti keagamaan bersama masyarakat sebagai contoh sembayang (solat) jemaah di surau-surau di komuniti tempat tinggal”

(RG (10122020/39-14)

Di RP pihak penyelia seramai tiga orang akan memainkan peranan dengan mewajibkan solat Maghrib, Isyak, dan Subuh berjemaah dan di sana juga menyediakan tempat beribadah seperti surau. Selain itu, majikan di RP juga memainkan peranan yang penting. Ada majikan mewajibkan apabila waktu solat dikehendaki berhenti dalam masa lima sehingga sepuluh minit untuk melakukan solat berjemaah.

“Kat (dekat) situ penyelia akan ada tiga orang dan kita wajibkan untuk Maghrib Isyak dan Subuh untuk berjemaah”

(RB (02122020)/63-64)

“Dan peranan majikan mewajibkan sembahyang (solat), masuk waktu kena berhenti dalam 5 minit atau 10 minit kena solat berjemaah kat Sg Soi kalau kat sana bengkel...”

(RB (02122020)/104-106)

“Majikan ada, tapi tidak menyeluruh seperti bengkel di K Speed Sg Soi, majikan mementingkan pekerja solat jemaah Zohor dan Asar makna kata majikan juga memainkan peranan.”

(RG (10122020/45-46)

Jika di kediaman selalunya keluarga akan memantau dan pihak di PPD Kuantan akan bertanya kepada kaum keluarga. Di sini menunjukkan peranan dan informasi daripada pihak keluarga di kediaman amat penting. Namun begitu, pegawai penjara juga menggalakan ODP ke masjid berhampiran. Menurut informan:

“Kediaman, agama (adalah) keluarga sebab kita dapat maklumat daripada keluarga. Keluarga main peranan yang penting. Kita akan bertanya gi(pergi) ke masjid dan jemaah sekali.”

(RE (09122020)/35-37).

“Yang rumah, sendiri. Tapi (tetapi) kita galakkan ke masjid tempat tinggal dia.”

(RF (09122020)/28-29)

Di CSI berlainan dengan ODP di kediaman dan RP kerana CSI melibatkan majikan. Jika melihat kepada program ini ODP perlu bekerja dan terikat dengan majikan. Namun begitu pihak PPD Kuantan pergi ke tempat CSI dan merancang aktiviti di sana. Pihak majikan di CSI menyediakan tempat untuk beribadah dan melakukan aktiviti agama yang lain seperti membina masjid. Contohnya:

“CSI lain terikat dengan majikan. Kita bawa program ke sana yang lepas di Sg Charu kita buat BBQ , sembahyang (solat) bersama macam intevensi keagamaan di CSI. RP kita asing, CSI ni (ini) kita tidak mampu buat semua kadang-kadang kita gabungkan hantar wakil.”

(RD (08122020)/57-60)

“CSI di YP ada masjid kita selalu buat majlis di situlah. Seperti Terawih. Kadang kita pon join(sertai) macam bacaan (surah) Yassin.”

(RE (09122020)/38-39)

Selain itu, pihak PPD Kuantan juga menyediakan program-program agama sama ada dengan ODP ataupun melibatkan komuniti. Peranan PPD Kuantan dalam merangka dan menjalankan aktiviti agama sangatlah penting. Pihak PPD ini akan menyediakan program seperti ceramah agama, kelas fardhu ain dan sebagainya kepada ODP. Jika di RP akan diadakan kuliah selepas Maghrib. Manakala setiap hari Jumaat, pihak penjara mengambil pesara daripada kakitangan mereka untuk mengajarkan agama di RP. Ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penjara Malaysia di Pahang untuk membantu ODP.

“Dua kali seminggu ada ustaz dari luar mengajar selepas Maghrib sehingga Isyak”

(RB (02122020)/64-65)

“Seminggu dua kali kita jemput ustaz untuk mengajar ilmu agama, RP laki (lelaki) sahaja. Ustaz yang mengajarkan. Kalau di RP memang penerapan agama ditetapkan dan fokuskan pada sana. Dia orang start (mula) ngaji dari awal ada yang belajar sirah wajib seminggu dua kali. Ini merupakan inisiatif kita. Kita panggil ustaz, bekas anggota penjara yang pencen yang berminat nak(hendak) mengajar mereka secara sukarela. Kita juga mintak pandangan daripada Jabatan Agama Islam sebab takut salah tafsir.”

(RC (08122020/118-124).

“Di RP setiap malam Jumaat panggil staff(kakitangan) yang pencen untuk mengajar Al Quran dan bacaan Yassin. Dua minggu sekali kita panggil.dan kita bayar melalui peruntukan, banyak feedback(maklum balas) yang bagus dalam penjara tidak sempat belajar dan di sini belajar sampai muqadam, yang dah pandai boleh lancar lagi dengan tajwid yang betul. Staff (kakitangan) juga membetulkan bacaan wajib dalam sembahyang (solat). Itulah program untuk memantapkan agama.”

(RH (16122020)/109-113)

Manakala jika ODP di kediaman pihak PPD Kuantan mewajibkan penyertaan mereka dan setiap seminggu sekali mereka akan melaporkan diri di PPD dan pihak PPD akan menyediakan program intervensi kepada mereka. Menurut informan:

“Duduk di rumah dia (ODP) kena datang di sini seminggu sekali untuk melapor diri. Dalam melapor diri ada aktiviti yang disediakan bila dia (ODP) datang sini akan ada program intervensi”

(RB (02122020)/69-70)

“Rumah sendiri seminggu sekali intervensi dipanggil di sini memang kena datang hari Selasa untuk ODP intervensi. Di samping itu, jika terdapat event (majlis) besar kita akan panggil yang kediaman.”

(RD (08122020)/55-56)

Namun begitu, program agama yang melibatkan para ODP yang berada di CSI ada program bersama yang melibatkan semua ODP sama ada di kediaman ataupun di RP. Selalunya pihak PPD menjemput penceramah daripada kalangan kakitangan penjara atau yang dijemput daripada JAKIM dan JAIP. Kesemua ODP wajib menyertai program ini.

“Agama pun sama, sama ada ustaz dari penjara atau pejabat agama JAKIM atau JAIP, sama ada di kediaman di CSI atau di RP. Yang last (terakhir) kita panggil Dai“edi Kuantan untuk beri ceramah. Kita bawa semua dari CSI, kediaman dan RP ke PPD sebab kita hendak pelbagaikan, maknanya program agama tidak tertinggal”

(RH (16122020)/104-108)

4.3.1.2 Menjaga Nyawa

Menjaga nyawa merupakan satu asas yang penting dan syariat Islam. Setiap nyawa manusia di dunia ini adalah hak milik Allah S.W.T. Sebagai hamba Allah S.W.T kita perlulah menjaga nyawa kita sendiri. Di Parol, pihak Unit Parol Dan Perkhidmatan Komuniti sangat menjaga keselamatan serta kebajikan ODP. Setiap ODP yang mendapat Perintah Parol akan ditapis dengan melihat kemampuan fizikal mereka. Contohnya, kebanyakan ODP yang sakit tidak akan dihantar ke CSI. Selain itu, banduan yang mempunyai penyakit berjangkit juga tidak mendapatkan Parol. Berkata informan dalam temubual:

“Kita banduan kena tapis juga dan tengok juga fizikal sihat atau sakit. Kita tidak keluar kalau banduan yang sakit. “

(RB (02122020)/126-127)

“Kita boleh terima tapi ODP kita bukan HIV dan bila bercampur, takut ada masalah kemudian hari.”

(RH (16122020)/18-19)

Di samping itu, bagi menjaga keselamatan dan kebajikan ODP, pihak Unit Parol Dan Perkhidmatan Komuniti mewajibkan ODP di negeri Pahang mengambil insurans berkelompok sebanyak RM21.30 untuk kemalangan di tempat kerja. Insurans ini diwajibkan ke atas semua ODP di RP, kediaman, dan CSI. Ini juga merupakan serendah rendah insurans supaya ODP tidak terbeban. Insurans ini adalah untuk ODP yang menjalankan baki hukuman seminggu ke atas. Oleh demikian, kesemua ODP yang menjalankan perintah Parol akan dimasukkan insurans baginya untuk perlindungan jika terdapat kemalangan di tempat kerja. Menurut informan:

“Insurans kita berterima kasih kepada pengarah kita, sebab benda ni daripada beliau mewajibkan setiap ODP keluar Parol submit (serahkan) insurans tidak kira CSI, RP., kediaman ke wajib ambik insurans. Sebab baguslah jika mereka ambil insurans berkelompok dia setahun. Kalau ada ape yang berlaku di luar kalau dia nak (hendak) claim(tuntut), claim(tuntut) la. Tapi (tetapi) insurans memang wajib.”

(RC (08122020/132-135))

“Insurans berkelompok untuk cover (melindungi) jika ODP tercedera dalam waktu bekerja RM21.30 untuk setahun.”

(RG (10122020/48-49))

“Kita mewajibkan insurans dalam tempoh setahun. Bawah setahun pun kita wajibkan insurans jika keluar Parol dalam setengah tahun maka sah lagi insurans tersebut.”

(RF (09122020)/31-33)

“Di negeri Pahang ni (ini) kita mewajibkan setiap ODP negeri Pahang ini yang mempunyai baki hukuman dua minggu dan ke atas dan seminggu ke atas bagi kerja di CSI atau kediaman dan rumah perantaraan dua minggu ke atas kita wajibkan dia ambil insurans walaupun serendah rendah insurans. Sekarang ni kita ambil insurans berkelompok untuk kemalangan tempat kerja tak (tidak) mahal pon serendah RM21.30 untuk setahun dan lepas tu boleh digunakan sekiranya dia keluar, boleh guna lagi untuk kemalangan tempat kerja dia adalah benefit (kelebihan) lagi polisi-polisi lagi. Kita wajibkan di

negeri Pahang dan negeri lain mengikut. Kita akan masukkan kepada dia orang. Mereka dapat gaji, akan ditolak nanti. Insurans ditanggung oleh ODP itu sendiri. Cuma kita uruskan insurans dia orang. Insurans yang bersesuaian yang tidak membebankan, polisi yang kita rasa sesuai dengan dia orang (ODP).”

(RH (16122020)/118-127)

Selain itu, pihak penjara juga menjaga kebijakan ODP terutama dalam aspek kesihatan. Jika berlaku kemalangan atau ODP tidak sihat pihak pegawai di PPD akan membawa mereka ke hospital untuk rawatan. Segala perbelanjaan ODP semasa rawatan akan ditanggung oleh kerajaan kerana ODP masih tertakluk kepada Akta Penjara.

“Kebajikan sangat dititik beratkan, seperti sakit demam masalah kerja kita akan ambik tahu. Kebajikan sakit demam pihak kami akan menghantar ke hospital. Contoh CSI majikan akan hantar dia pergi sebab jauh. Rawatan semua jika kritikal kita akan forward (majukan) ke hospital berdekatan macam kita di HTAA. Kita akan pantau setiap hari dan staff (kaki tangan) akan pergi. Kalau ODP bawah kerajaan tanggung perbelanjaan.”

(RC (08122020/157-160)

4.3.1.3 Menjaga Akal

Setiap manusia di dunia ini dikurniakan oleh Allah S.W.T akal dan fikiran. Akal juga membuatkan manusia berfikir untuk melakukan kebaikan ataupun kemungkar. Oleh itu, untuk mengelakkan kemungkar kita perlu mempunyai akal yang kuat. Oleh demikian, kesihatan mental amat perlu dijaga. Dalam memelihara kekuatan mental ODP pihak di PPD Kuantan telah banyak merancang aktiviti kaunseling serta ceramah motivasi diri untuk ODP. Hal ini kerana, pihak penjara Malaysia menggalakkan psiko pendidikan yang menggalakkan program kaunseling, keagamaan serta kemasyarakatan. Pihak PPD Kuantan akan memanggil pihak luar untuk memberi kaunseling seperti penyertaan LPPKN dan AADK. Sekurang-kurangnya setiap sebulan sekali akan diadakan kaunseling secara berkelompok atau individu. Pihak PPD juga membuat kaunseling sendiri bersama dengan ODP pada setiap bulan. Berkata informan:

“Jabatan ini akan membuat sesi kaunseling sesi intervensi dan program keagamaan. ODP akan diberilan kaunseling yang diaturkan oleh Pegawai Parol.”

(RF (09122020)/23-24)

“Kita buat kaunseling, dan program intvensi. Kaunseling, pihak Parol buat. Kadang-kadang kita panggil kaunseling luar, penceramah pihak- pihak agama Pahang sebulan sekali tengok sesuai masa. Dan kita kan buat program. Tiap-tiap bulan ada.”

(RE (09122020)/28-31).

“Kaunseling yang pihak kami buat sendiri. Satu lagi pemantauan. Menyusunkan program bersama agensi lain seperti bersama LPPKN, contoh aktiviti adalah menangani sters contohnya, ditembok bercelaru mental yang berbeza sebab bukan PSY tapi bercelaru pandangan dan sebagainya.”

(RD (08122020)/51-54)

“Lepastu setiap minggu ada kaunseling. Pihak Parol akan bagi kaunseling. Dan dua minggu sekali kita panggil orang luar untuk kauselinng berkelompok dan individu, bergantung pada kes. Biasanya kita akan buat dengan LPPKN. LPPKN, kita akan panggil dia punya kaunselor. Biasanya sebulan sekali mesti ada. Minimum sebulan sekali lah. Kita akan kumpulkan setempat dan dia akan bagi kaunseling. Selepas proses pemantauan. Setiap kali pemantaun ada kaunseling yang dipanggil ER1,ER2,ER3,ER 4 dan rotate (pusing).”

(RC (08122020/106-111)

Selain daripada memelihara kesihatan mental ODP, Parol juga dapat menambahkan ilmu kemahiran sesuatu bidang. Sebagai contoh ODP di CSI mereka akan belajar kemahiran dalam sektor perladangan seperti pengurusan ladang, cara memotong buah, membawa traktor dan sebagainya. Maka dengan itu ODP dapat menambahkan ilmu serta kemahiran mereka semasa menjalani perintah Parol ini. Menurut temu bual dengan informan mengatakan bahawa:

“Kalau di CSI mereka belajar untuk kerja-kerja perladangan seperti membaja, meracun, memetik buah sawit merupakan satu pelajaran untuknya supaya jika tamat nanti, dia boleh teruskan kerja dia mahir tu . Kiranya macam latihan jugak la.”

(RF (09122020)/35-37)

“Cuma belajar dekat ladang dia akan beri contoh bawa(memandu) traktor, potong buah, majikan akan ajar. Sebab PPI pon fasa pertama kawat ,fasa dua belajar agama,ketiga kemahiran, dan empat Parol.”

(RB (02122020)/131-133)

“Pertama sekali kita kena pastikan apa kemahiran yang ada semasa dalam penjara contohnya dia pernah jadi mekanik kita akan bagi di bengkel kalau tiada kemahiran kita akan bagi ke CSI sebab salah satu program untuk ODP belajar dalam sektor perladangan.”

(RG (10122020/51-53).

4.3.1.4 Menjaga Keterunan (Hubungan Keluarga)

Dalam menjaga keturunan ini sangat penting. Hal ini dapat dilihat di Parol yang sangat memerlukan dan melibatkan komuniti terutama penglibatan ahli keluarga. Parol juga sangat menggalakkan hubungan dengan ahli keluarga. Pihak pegawai menasihati supaya ahli keluarga untuk menerima ODP. Selain itu, ahli keluarga juga berperanan sebagai pemberi maklumat untuk ODP berubah terutama ODP yang di kediaman. Jika di RP dan CSI pihak Parol juga mengharapkan kerjasama ahli keluarga menerima dan menyokong ODP untuk berubah ke arah yang lebih baik. Para ahli keluarga juga perlu memastikan ODP supaya tidak melanggar Syarat-Syarat Kecil Parol dan perlu mengambil tahu segala hal yang berkaitan ODP. Melalui penglibatan ahli keluarga ia akan mempengaruhi ODP untuk berubah.

“Cuma kami berharap ahli keluarga tidak buang dia (ODP). Cuma dekat dengan dia. Jadi ok lah. Selepas nasihat tidak ada masalah. Jadi kadang-kadang kita ade spy(mata-mata) dari sebelah rumah kita akan tengok perubahan. Sebab kadang-kadang kita buang dia ini (ODP) sebab tu kembali ke port(tempat) lama. Jika family(keluarga) buang maka ancaman sekitar akan attack dia. Sebab itu pengaruh family(keluarga) lebih kuat. Pendekatan family(keluarga) didikan memang berbeza.

(RD (08122020)/74-79)

“Yang tinggal dengan keluarga adalah mata dan telinga kita, jika dia (ODP) buat salah akan dimaklumkan kepada pegawai Parol jika terlibat dengan dadah ke. Mereka akan beri kerjasama dengan Pegawai Parol.”

(RF (09122020)/68-70)

“Sebab Parol ini kita mengharapkan kepercayaan keluarga dan diri. Contoh kita call (telefon) dia (ODP) sebab 7 malam kena ada rumah, pastu (selepas itu) pukul 9 malam keluar kita tidak tahu. Sebab di luar mata kita kan. Kalau kita nampak liar sikit, kita buat tindakan pindah ke RP ke sini lah. Boleh ketat kan pemantauan kita.”

(RE (09122020)/43-46)

Manakala di RP dan CSI pula, pihak Parol akan membenarkan ahli keluarga termasuk isteri untuk melawat ODP bagi mengeratkan hubungan bersama ahli keluarga. Pihak keluarga perlu mendapatkan kebenaran dan keizinan daripada pegawai Parol daerah. Kelonggaran ini diberikan tetapi perlu memenuhi syarat-syarat Parol yang utama ODP mestilah berada di kawasan Parol. Informan mengatakan bahawa:

“Kita benarkan keluarga datang untuk melawat kita benarkan bercuti dengan isteri dengan keizinan pegawai Parol daerah Kuantan. Sama jek (sahaja) dengan CSI. Jika nak(hendak) bercuti dia akan maklumkan kepada kita contohnya mak atau isteri dia datang dari Kelantan, mereka membuat surat dan kita membenarkan dia bermalam di hotel di sekitar Kuantan untuk satu malam atau dua malam kita akan benarkanlah. Dan surat itu akan dimaklumkan kepada majikan, maka majikan akan beri cutilah. Kita tidak mahu hubungan keluarga ini jadi tidak baik, kita mahu lebih akrab.”

(RE (09122020)/63-69)

4.3.1.5 Menjaga Harta

Menjaga harta sangat penting dalam Islam. Hal ini kerana salah satu elemen Parol adalah bekerja. Selepas bekerja mereka akan diberikan gaji sama seperti pekerja yang lain. Gaji merupakan perbezaan antara Parol dan khidmat masyarakat. Parol juga berbeza dengan banduan di penjara, ODP yang berkerja akan diberikan gaji yang penuh tidak seperti banduan di penjara hanya mendapat 40% daripada pendapatannya di dalam penjara. Manakala ODP akan mendapatkan sepenuhnya hasil pendapatan apabila menghabiskan atau tamat perintah ini. Selalunya ODP di CSI mempunyai pendapatan

yang lumayan kerana dibayar oleh syarikat GLC sama seperti pekerja lain. Berkata informan:

“Mereka pekerja dan dibayar sama dan standard jika gaji minimum RM1100 maka dibayar RM1100.”

(RA (02122020)/119-120)

“Mereka mempunyai kerja dan gaji untuk dia berbeza dengan khidmat masyarakat. Kalau ikut syarat dia wajib berkerja sebab untuk dia nak tanggung misal kata kalau dia duduk di kediaman nak tanggung keluarga lepastu .Masa berkerja di bawah pengawasan Parol Kuantan cuma kawalan mando ladang. kita akan pergi sana untuk melapor diri sebab kalau dia nak datang sini sekaligus, ladang itu tidak ada pekerja pulak. Jadi kita akan pergi ke sana dan cari waktu rehat dia orang bisanya pukul 12-1 dia akan rehat. Macam di RP kita akan mencari pekerjaan yang layak untuk mereka. Maknanya kerja itu gaji dia akan dapat macam kat penjara kita bagi 40% banduan 60% kerajaan tapi Parol semua hak dia. Cuma kita cari kerja untuk mereka.”

(RB(02122020)/43-49.

Selepas ODP mendapat gaji pihak pegawai akan memantau dan mengawal pengeluaran gaji mereka untuk mengelakkan penyalahan penggunaan duit gaji mereka. Berdasarkan pengalaman pegawai di PPD Kuantan, duit gaji ODP perlu dikawal untuk mengelakkan mereka daripada perkara yang negatif seperti membeli dadah dan minuman keras serta bejudi. Duit gaji mereka akan dimasukkan ke dalam akaun bank ODP. Buku dan kad debit akan dipegang oleh pegawai penjara di PPD Kuantan sehingga mereka tamat Parol. Jika mereka ingin mengeluarkan wang maka perlu meminta pihak PPD Kuantan untuk mengeluarkannya. Para pegawai akan membuat borang dan satu lejar tentang perbelanjaan ODP. Apabila selesai Parol maka kesemua wang serta kad bank dan buku bank akan diserahkan kepada ODP. Dengan wang yang terkumpul itu ada ODP menjadikannya modal untuk mereka berniaga dan membina masa hadapan yang lebih bagus.

“Kita tengok persekitaran macam mana, kalau dalam hutan tak (tidak) apa kita bagi saja tapi kita tengok berdekatan di pekan kadang-kadang kita control(kawal). Dia (majikan) masuk bank

semua kad bank kita pegang kalau nak duit kita bagi RM 50 seminggu tapi benda ini kita controllah(kawal) sebab masa dia balik nanti kita mahu jadi satu hasil kejayaan kepada dia supaya dapat bantu family(keluarga) dia.”

(RD (08122020)/105-109)

“Kita pegang bukan wang ringgit tapi setiap kad tu, duit belanja kita akan beri dia(ODP) pay slip(resit pembayaran) akan diberikan sekali sebagai pembuktian. Kita akan wujudkan buku lejar untuk pembuktian perbelanjaan dia tarikh dan berapa keluar akan ditulis”.

(RF (09122020)/43-46)

“Kita sediakan borang untuk control(kawal) duit pendapatan dia orang atas persetujuan dia (ODP), kita tak nak (tidak mahu) bila (apabila) dia dapat duit dia melanggar perintah Parol jadi sekarang ini ODP yang bekerja kita wajibkan dia buka buku akaun gaji masuk dalam akaun dia. Tapi buku akaun dan kad bank kita pegang jadi semua gaji dia terkumpul dalam bank tersebut sekiranya dia perlukan duit kita yang akan bawa dia, sebagai contoh untuk perbelanjaan mingguan kita akan ambil siap-siap hantar pada dia, jika nak bagi pada keluarga atau nak lebih sebab seminggu kita bagi RM50 untuk tiga hari untuk perbelanjaan dia orang. Untuk lebih pada tu(itu) dia akan bagi tahu pegawai kita akan aturkan dan bawa ke bank. Dia akan cucuk sendiri ataupun untuk transfer(pemindah) duit pada keluarga. Jadi kita control(kawal) gaji akaun dia orang bukan contro(kawal) duit cash(tunai) akaun gaji, duit akan masuk dalam akaun gaji atas tujuan untuk mengelakkan daripada salah guna sebab kita tak nak (tidak mahu) macam pengalaman lepas, bila(apabila) dia ada duit sendiri di tangan, dia(ODP) gunakan untuk berjudi, meminum dan cari dadah. Jadi sebab itu kita control(kawal) dan bagi untuk kegunaan dia sahaja.

(RH (16122020)/131-143)

4.4 Menganalisis Sudut Pandangan Siyasa Syar'iyah Dalam Sistem Parol Di Malaysia

4.4.1 Bentuk Hukuman

Hukuman di dalam Islam secara amnya ialah qisas, hudud, dan takzir. Pengkaji telah berpandangan bahawa hukuman Parol ini adalah dibawah hukuman takzir kerana berkaitan secara lansung dengan unsur pemulihan. Jika melihat objektif pemulihan adalah sama seperti bidang takzir⁹, Hal ini kerana, jika melihat kepada kesalahan Parol bukannya melibatkan kepada jenayah nyawa iaitu membunuh. Bagi pesalah yang dijatuhkan hukuman mati mandatori tidak akan mendapat Parol. Selain itu, juga hukuman banduan yang di bawah jenayah seksual juga tidak dibenarkan untuk mendapatkan Parol. Banduan yang merupakan pengganas kepada negara tidak akan mendapat Parol. Di sini, kita dapat melihat Parol hanyalah untuk kesalahan yang kecil serta setimpal dengan hukumannya dan yang tidak layak diparol adalah berdasarkan Jadual Keempat.¹⁰ Maka dengan itu Parol ini lebih bersesuaian di bawah hukuman takzir. Hukuman takzir ini boleh dikenakan kepada setiap tindakan maksiat yang tidak mempunyai hukuman *had* padanya dan tidak ada hukuman *kaffarah* sama ada tindakan maksiat itu terhadap hak Allah S.W.T atau hak manusia.¹¹ Berkata informan:

“Banduan yang melayakkan dia dapat Parol bergantung pada hukuman yang ringan sahaja maksudnya hukuman yang tidak berat contohnya macam kes bunuh ,rogol, dadah yang membawa hukuman mandatori tidak layak. Biasanya kes urin kes curi dan sebagainya. Kes bunuh 302 tidak layak untuk dapat Parol. Hukuman dadah 39 AB yang membawa hukuman mandatori kes berat tidak layak juga.”

(RC (08122020/53-57)

“Banduan semua layak kecuali dalam Jadual 4, banduan yang tidak layak Parol, banduan yang terlibat kes mati, kes seksual rogol, liwat dan semua itu, hukuman minimum satu tahun sekurang-kurangnya ½ tempoh pemenjaraan yang telah dia jalani proses pemulihan sekurang kurang fasa dua, tiada tatatertib semasa menjalani hukuman (penjara).

⁹ Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Undang-Undang Jenayah Islam: Konsep Dan Asas-Asas Pelaksanaan*, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri,1992) 46.

¹⁰ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46E (1).

¹¹ Abdul Halim El Muhammady, *Undang-Undang Jenayah dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri*, (Selangor: Wadah Niaga:2008) 90.

4.4.2 Kuasa Hukuman

Kuasa hukuman takzir adalah bergantung kepada pemerintah atau bidang kuasa hakim yang menentukan sesuatu hukuman tersebut. Takzir merupakan hukuman budi bicara daripada pemerintah, badan perundangan atau hakim kerana hukuman ini tidak dinyatakan di dalam Al Quran dan As Sunnah.¹² Berbanding dengan hukuman qisas dan hudud lebih kepada hukuman mandatori daripada Allah S.W.T. Oleh itu, dalam Sistem Parol kita ketahui kuasa Parol diberikan kepada Lembaga Parol. Lembaga yang dilantik oleh YDPA¹³ terdiri daripada:

- 1) Seorang pengerusi daripada kalangan Perkhidmatan kehakiman dan perundangan.
- 2) Seorang pegawai kanan Parol penjara.
- 3) Seorang pegawai kanan polis.
- 4) Seorang pegawai kanan kebajikan
- 5) Tiga orang awam.

Lembaga ini akan membuat temu duga bersama banduan untuk Parol. Selepas itu mereka akan bermesyuarat di Putrajaya di bawah Ibu Pejabat KDN. Lembaga ini berperanan untuk bersidang secara berjadual untuk mengkaji, meneliti dan membuat keputusan bagi pembebasan penghuni secara Perintah Parol.¹⁴ Lembaga juga akan memberikan Perintah Parol berserta keputusan layak atau tidak layak untuk diparol, tarikh mula dan tamat Parol, serta tempat Parol.

“Lembaga Parol keputusan dapat atau tidak bergantung pada Lembaga Parol yang dianggotakan oleh tujuh orang. Maksudnya Hakim, Polis, Pegawai Penjara, JKM dan sebagainya. Lembaga bersidang bergantung kepada dia orang, dia akan pergi ke satu insitisi yang paling banyak permohonan dan lembaga ini berpusat di Putrajaya. Daripada dia(Lembaga Parol) kita dapat kelulusan ini bergantung kepada dia. Tapisan dari awal melalui interview(temu duga) tadi. Layak kita akan ke keluarga kalau tidak terima kita bawa CSI . CSI maksudnya yang kita kerjasama dengan GLC la. Tahu pun majikan. Lembaga dah lulus baru keluar satu perintah yang dipanggil Perintah Parol.”

¹² Awang Abdul Aziz Bin Juned, *Qanun Jenayah Syariah Satu Pegenalan*, (Brunei:Jabatan Mufti, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei:2014),203

¹³ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46B(4).

¹⁴ Portal Kementerian Dalam Negeri yang dicapai 1 Julai 2021:

<https://www.moha.gov.my/index.php/ms/maklumat-perkhidmatan-ulp>

(RC (08122020/27-33)

“Lembaga Parol yang memutuskan, dan dia orang bersidang. Dah(sudah) ada tarikh jatuh hukuman dan tarikh dibebaskan”

(RG (10122020/31-32)

“Bergantung kepada lembaga dan hukuman. Contohnya jika berkerja di ladang setahun maka setahun kena kerja di situ.”

(RA (02122020)/48-49)

“Selepas Mesyuarat Lembaga Parol, segala keputusan di bawah Lembaga Parol yang terdiri daripada hakim, pegawai polis, penjara, tiga orang awam satu dari kebajikan.”

(RF (09122020)/72-74)

“Lembaga Parol memutuskan seseorang banduan layak atau tidak layak untuk diparolkan sebab masa kita buat PRR, kita akan tengok dengan teliti bukan semua dapat. Ada yang tidak dapat Parol semua atas lembaga. Tujuh orang lembaga akan bersidang dan tengok ulasan dia punya kelayakan layak untuk Parol atau tidak layak diparol”

(RB (02122020)/25-28)

4.4.3 Hukuman Takzir Dalam Parol

Parol dari segi asasnya mempunyai beberapa kaitan dengan dengan elemen takzir kerana terdapat unsur pemulihan. Oleh itu, bidang kuasa hukuman yang diberikan kepada kuasa hakim jika diparol adalah di bawah kuasa Lembaga Parol dalam menentukan segala yang berkaitan Parol berdasarkan penilaian dan mesyuarat bersama ahli lembaga. Antara elemen takzir yang terdapat di Parol adalah:

10) Hukuman penjara (*Al habs*)

Seperti yang kita ketahui hukuman penjara ini adalah salah satu bentuk hukuman yang terkandung dalam hukuman takzir. Hukuman penjara ini mempunyai had tertentu (*definite*) ataupun tidak ada had (*indefinite*) sama seperti undang-undang yang lain.¹⁵ Oleh itu, Parol memerlukan seseorang banduan itu dikenakan hukuman penjara sebelum mendapat Parol. Banduan perlu berada dalam penjara sekurang-kurangnya seperdua dari

¹⁵ Abd. Jalil Bahrom, Pengantar Perundangan Islam, (Johor: Universiti Teknologi Malaysia:2002)137.

tempoh pemenjaraan tanpa mengambil kira remitan hukum.¹⁶ Selain itu, banduan juga perlu menghabiskan empat fasa atau sekurang-kurangnya dua fasa di dalam penjara. Maka dengan itu, hukuman Parol ini akan diberikan untuk banduan yang menjalani hukuman penjara sahaja.¹⁷

11) Hukuman Ancaman (*Al Tahdīd*)

Hukuman ini adalah menyuruh pesalah supaya membetulkan perilakunya dengan mengancam bahawa dia akan dihukum lagi sekiranya melakukan kesalahan yang sama.¹⁸ Dalam Parol, pegawai penjara sentiasa mengingatkan dan memotivasikan para ODP untuk tidak melakukan jenayah semasa perintah Parol ataupun selepas Parol. Jika mereka langgar Perintah Parol seseorang ODP akan dibatalkan Perintah Parol dan dimasukkan ke dalam penjara dan ditambah dua tahun hukuman penjara. Pihak pegawai Parol sentiasa memastikan dan mengingatkan ODP mematuhi segala Perintah Parol supaya mereka tidak melanggar dan untuk menyebabkan mereka akan di penjara kembali. Ancaman ini telah memberi kesedaran kepada ODP untuk berubah di samping program-program yang telah diaturkan di PPD Kuantan untuk mereka berubah. Informan mengatakan:

“Misal kata di kediaman ahli keluarga akan pemantau, RP ada penyelia dari Jabatan Penjara. Tiga penyelia kerja ada shift, apa-apa penyelia akan diberitahu. Majikan, mando atau penyelia ladang untuk pantau. Jika langgar perintah dia boleh pembatalan Perintah Parol masuk penjara balik dan dicaj maksimum tambah penjara 2 tahun. Macam penalti”

(RB (02122020)/55-58)

12) Hukuman pengisytiharan (*Al Tashhir*)

Pengisytiharan secara terbuka juga dikira sebagai salah satu bentuk hukuman jenayah takzir, mestilah diisytiharkan kepada khalayak umum terhadap kesalahan yang telah dilakukan.¹⁹ Jika melihat kepada konsep hukuman ini, tujuannya untuk memberi tahu masyarakat. Parol juga menggunakan istilah ODP dan tidak menggunakan nama „banduan“. Hal ini kerana, apabila disebut ODP semua masyarakat tahu mereka adalah seorang banduan yang mendapat Perintah Parol. Selain itu, Parol juga merupakan satu program reintergrasi banduan dengan komuniti. Penglibatan orang awam dalam hukuman ini sangat diperlukan. Oleh itu, orang awam perlu mengetahui Parol dan ODP

¹⁶ Akta Penjara 537, bahagian IVA, Bahagian 46E(3)(b).

¹⁷ Rujuk 4.2 tentang Parol.

¹⁸ ¹⁸ Abd. Jalil Bahrom, ibid 136

¹⁹ Abdul Halim El Muhammady, *Undang-Undang Jenayah dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri*, (Selangor: Wadah Niaga:2008) 93.

bagi melibatkan diri dengan program Parol, dan lain-lain bagi membantu kejayaan program ini. Berkata informan:

“Kita fokus pemulihan luaran dekat dengan komuniti. Kadang mereka bebas terkontang-kanting tidak tahu nak(hendak) gi(pergi) mana, lama-lama balik. Jika di bawah kita(Parol), kita akan guide(bimbing) dia orang(ODP) maksudnya kita kenakan dengan majikan, kenakan dengan ketua kampung. Macam dulu ketua kampung tengok banduan macam susah tapi sekarang kita bawa ketua kampung akan fikir bagus budak-budak(ODP) ni(ini). Parol ini adalah hendak merubah tanggapan masyarakat pada banduan. Sekarang ni Parol jadi sebutan makna kata dalam 10 orang dua peratus akan ulang jenayah.”

(RC (08122020/124-130)

“Penerimaan masyarakat sangat baik sebenarnya dasar kerjaan buat dan pelaksanaan di Jabatan Parol(PPD) sangat baik. Sebab untuk membaiki akhlak dan sahsiah manusia, benda yang baik. Pada diri dan semua komuniti, sebab komuniti tidak perlu risau. Aktivi kita buat selalu program bersih kubur, program pembersihan di masjid. Kita buat amal kebersihan dan membantu bencana seperti pasang atap bersih banjir dan sebagainya. Semua terlibat banyak terlibat di RP.

(RE (09122020)81-86)

4.4.5 Parol Dalam Jabatan Penjara Malaysia Dan Konsep Taubat

Taubat adalah adalah satu bentuk penyesalan daripada kekurangan dan kesalahan yang dilakukan oleh manusia yang meliputi perilaku anggota tubuh badan dan perilaku rohani juga. Allah juga menyeru hambaNya untuk bertaubat seperti firmanNya dalam Surah al Baqārah:

... إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَّابِينَ وَ يُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

... Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang mensucikan diri.(al Baqārah 1:222)

Pada pandangan Ramlee Mat Amin²⁰ mengatakan taubat adalah tiga asas iaitu yang pertama adalah ilmu. Ilmu ini adalah apabila seseorang itu mengetahui perkara yang dilakukan adalah salah dan merupakan salah satu dosa. Selepas itu, adalah keadaan yang mana jika keadaan itu lahir daripada perbuatannya maka akan menyesali setiap perilakunya. Terakhir adalah perbuatan. Apabila merasa kekesalan maka kita perlulah bertaubat kepada Allah S.W.T maka itulah sebaik baik perbuatan seperti firman Allah S.W.T:

... وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

... Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, Hai orang-orang yang beriman supaya kamu berjaya. (an Nur 24:31)

Hal ini kerana, setiap manusia di dunia ini melakukan kesilapan dan sebaik-baik manusia di muka bumi adalah apabila mereka melakukan kesalahan mereka bertaubat kepada Allah S.W.T dan tidak mengulangi kesalahan tersebut seperti yang diriwayatkan oleh Anas R.A, sabda Rasulullah S.A.W :

كل بني آدم خطاء، وخير الخطائين التوابون

Maksud: Setiap anak Adam banyak melakukan kesalahan, sebaik-baik orang yang melakukan kesalahan ialah mereka yang bertaubat.²¹

Menurut Yusuf al Qardawi²², taubat merupakan satu kesempatan untuk mengembalikan sesuatu yang sudah lenyap serta memperbaiki hala tujuan. Imam Ghazali mengatakan terdapat tiga unsur yang terkandung dalam taubat iaitu ilmu, keadaan, dan amalan. Ilmu merupakan perkara yang pertama atau asas kepada taubat. Ilmu juga merupakan salah satu daripada keimanan dan kebaikan. Keimanan itu adalah salah satu pengakuan kepada dosa yang dianggap sebagai racun yang merosakkan. Keyakinan pula adalah salah satu bentuk pengukuhan bahawa pengakuan untuk menghilangkan keraguan dalam hati dan membawa cahaya keimanan. Maka dengan itu akan terhasilnya ilmu iaitu penyesalan dan kehendak untuk meninggalkan dosa. Tidak

²⁰ Ramlee Mat Amin, Pembentukan Akhlak Kupasan Dari Ihya Ulumuddin Imam Ghazali (Nadi Minda Resources:Selangor:2015) 396

²¹ Hadith riwayat Anas bin Malik (5/141) Tarmizi(2499), Ahmad (13049)

²² Yusuf al Qardawi terj Mohamad Zaini bin Yahya, Al Taubah (Kuala Lumpur: Otopack & Print Sdn.Bhd: 2000)71-73

akan terpisah antara penyesalan dan ilmu kerana dua perkara ini akan melahirkan keazaman.

Berdasarkan syarat taubat yang telah dibuat oleh JAKIM²³, terdapat tiga syarat utama iaitu yang pertama ialah meninggalkan dosa, mestilah bertaubat kepada Allah SWT terhadap dosa yang telah dilakukannya, yang ketiga ialah memilih untuk meninggalkan dosa tersebut dan tidak melakukan kesilapan serta mengagungkan Allah SWT.

Istitabah adalah anjuran untuk seseorang itu bertaubat kepada Allah SWT. Melalui kajian ini Jabatan Penjara Malaysia merupakan tempat untuk ODP tersebut bertaubat dan berubah ke arah kebaikan. Banyak aktiviti-aktiviti yang terkandung di dalam Parol Malaysia membawa ke arah kebaikan dan juga merupakan platform untuk ODP membina kehidupan semula yang lebih baik dan berdedikasi. Oleh demikian, melalui Parol ini dapat dilihat peranan Pegawai Penjara di bahagian Parol Jabatan Penjara sebagai *mustatab* yang melatih fizikal dan rohani mereka untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan segala keburukan yang telah mereka tempuhi. *Mustatab* adalah pelatih kepada proses untuk *istitabah* yang mana mereka perlu menentukan, meneroka, memulihkan, memberi akidah, intervensi krisis, dan kaunseling perlu diberikan.²⁴

Oleh itu, pengkaji telah mendapati bahawa tugas dan peranan seorang pegawai penjara di Jabatan Penjara Malaysia memainkan peranan seperti *mustatab* untuk mencapai proses *istihabah*. Antara peranannya ialah:

1) Mengenalpasti (*Diagnose*)

Proses mengenalpasti ini adalah prosedur awal sebagai seseorang pegawai penjara menentukan seseorang banduan itu layak mendapat hukuman Parol. Pada awal kemasukan penjara, pihak pegawai penjara akan melihat profail kesalahan mereka bagi memudahkan proses mendapat Parol. Seperti yang kita ketahui terdapat beberapa kesalahan yang tidak boleh diberikan Parol. Oleh itu, pihak pegawai ini perlu menentukan seseorang itu layak mendapat Parol dari tempoh pemenjaraan mereka.

2) Meneroka (*Explore*)

Dalam konteks ini pihak pegawai penjara perlu membuat satu laporan atau dosir yang perlu dihantar kepada Lembaga Parol untuk meneliti permohonan Parol. Setiap pegawai penjara perlu ke rumah banduan bagi mendapatkan maklumat yang benar dan meminta

²³Facebook utama JAKIM, dicapai pada 8 Februari 2022.

<https://m.facebook.com/MyJAKIMmalaysia/posts/229887405848904>

²⁴ Razali, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan, Kamaluddin Nurdin Marjuni, Mohd Rumaizuddin Musa, Azman Abd Rahman, Ahmad Najaa Mokhtar, Mohd Zaliridzal Zakaria, and Mohammad Fadzil Mat Yaacob. "Istitabah Model for Malaysia: A Preliminary Exposition." *Ulum Islamiyyah* 15 (2015):118.

keizinan untuk para banduan menjalankan Parol di rumah atau sebaliknya. Pegawai penjara juga berperanan untuk membuat laporan di lapangan bagi memudahkan Lembaga Parol untuk membuat keputusan Parol.

3) Memulihkan (*Rehabilitate*)

Sebagai seorang pegawai Parol mereka perlu membantu serta mendorong para ODP untuk tidak melakukan kesalahan dan memulihkan mereka seperti manusia yang lain. Para ODP diberikan peluang untuk bekerja di rumah, CSI, atau di RP. Ini akan menyebabkan mereka pulih melalui pembinaan kerjaya. Kebanyakan banduan yang tidak menjalani hukuman Parol akan kembali kepada jenayah mereka semula. Oleh itu, wujudnya Parol yang memberi peluang pekerjaan kepada mereka menyebabkan mereka berubah. Pegawai penjara juga berperanan untuk memantau mereka semasa Parol dijalankan serta memberi dan menyokong pekerjaan yang ODP lakukan semasa hukuman Parol.

4) Memberi akidah (*Give akidah*)

Jabatan Penjara Malaysia terutama di Pahang sangat mementingkan pendidikan agama Islam. Para ODP diwajibkan untuk memasuki kelas agama yang telah disediakan oleh pegawai Parol sama ada yang disediakan di bawah Jabatan Penjara Malaysia ataupun kerjasama dengan JAKIM atau JAIP. Selain itu, setiap seminggu sekali ODP akan dipanggil oleh pegawai penjara untuk intervensi dan akan diadakan aktiviti berunsurkan keagamaan. Pihak Penjara Kuantan juga menyediakan pengajar agama atau ustaz untuk mengajar ODP tentang ilmu agama. Pihak penjara juga sangat mementingkan solat para ODP terutama solat berjemaah. Ini dapat dilihat di RP yang mewajibkan semua ODP berjemaah dan menunaikan solat. Hukuman Parol juga diberikan kepada banduan yang telah selesai sekurang-kurangnya dua farsa dalam penjara.

5) Intervensi krisis (*Crisis intervention*)

Pegawai penjara perlu memastikan ODP di bawah jagaan mereka perlu berada di kawasan Parol dan tidak melanggar peraturan Parol yang membawa kepada pembatalan Parol. Oleh demikian, pegawai penjara perlu meneliti dan mengambil tahu tentang ODP di bawah jagaan mereka. Jika terdapat sebarang permasalahan mereka akan dipertanggungjawabkan. Selain itu, mereka juga berperanan mendengar segala permasalahan ODP dan menasihati serta memulihkan mereka seperti insan biasa.

6) Kaunseling perlu diberikan (*Counseling will be further elaborated*)

Seperti yang diketahui dalam konteks menjaga akal, hukuman Parol sangat mementingkan kesihatan mental. Di sini dapat melihat peranan pegawai penjara yang menitikberatkan soal psiko pendidikan kepada ODP. Para pegawai penjara perlu

menyediakan aktiviti kaunseling dan ceramah motivasi kepada ODP sama ada bersama Jabatan Penjara Malaysia ataupun bekerjasama antara LPPKN dan AADK.

Maka di sini dapatlah pengkaji melihat hukuman Parol ini adalah bersesuaian dengan konsep menganjurkan taubat kepada para banduan untuk berubah menjadi lebih baik. Jabatan Penjara Malaysia dilihat sebagai badan kerajaan yang menjalankan perintah daripada kerajaan maka wajarlah mereka mengajurkan kebaikan kepada pesalah. Hal ini kerana menurut Dr Yusuf Qardhawi bahawa undang-undang tidak sahaja dapat terlaksana jika tidak membina ummah atau masyarakat dengan pendidikan, ilmu pengetahuan dan juga tarbiyyah. Maka barulah memperkenalkan undang-undang sebagai perisai perlindungan²⁵. Sebagai badan berautoriti kepada hukuman pejenayah atau pesalah maka Jabatan Penjara Malaysia perlulah menganjurkan dan menggalakkan seseorang banduan untuk berubah kearah kebaikan

4.6 Kesimpulan

Bab ini merupakan dapatan kajian pengkaji daripada temu bual yang telah dibuat oleh pengkaji dalam kajian ini. Bab ini juga berperanan untuk menjawab kesemua objektif kajian dalam kajian ini. Bab ini telah membahaskan secara terperinci tentang Sistem Parol yang telah dijalankan terutama di Kuantan, Pahang. Terdapat tiga jenis tempat Parol iaitu di kediaman, RP, dan CSI. Setiap penempatan ini diberikan oleh Lembaga Parol. Parol juga terdapat undang-undang kecil yang perlu dipatuhi oleh ODP bagi mengelakkan terbatalnya Perintah Parol. Selain itu, bab ini juga telah membahaskan konsep Siyasa Syar'iyah dalam Parol terutama konsep menjaga Maqsid Syariah dan takzir. Kajian ini mendapati Parol menepati Maqsid Syariah dan mempunyai hukuman takzir dalamnya. Kajian ini juga melihat Jabatan Penjara Malaysia merupakan tempat yang tepat dan berperanan untuk memulihkan ODP dari aspek fizikal dan rohani. Bab seterusnya merupakan bab yang terakhir bagi kajian ini.

²⁵ Dr Yusuf Qardhawi, Politik Rahmah:Asas-Asas Politik Islam Kontemporari,(Kuala Lumpur:Ilham Books:2018)113-114.

BAB 5: PENUTUP

5.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang ringkasan kajian terhadap tajuk penyelidikan dan dapatan kajian. Seterusnya pengkaji membuat cadangan dan saranan untuk kajian yang akan datang serta terakhir sekali adalah rumusan. Dalam kajian ini pengkaji telah menemubual lapan orang informan yang terdiri daripada PPD Kuantan untuk mendapatkan informasi berkaitan kajian. Kajian ini juga terbahagi kepada tiga tema utama iaitu pelaksanaan sistem Parol, analisa dari sudut pandangan Islam dalam Parol, dan sistem Parol dalam hukuman Islam.

5.2 Dapatan Kajian

Kajian ini adalah tentang Parol menurut persepektif Siyasa Syar'iyah. Sebagai pengkaji, haruslah mengetahui tentang Parol dan fungsinya. Parol ini merupakan salah satu bentuk hukuman yang bermula daripada Barat. Parol juga dilakukan kerana tiga faktor yang utama iaitu kesesakan di penjara, kos penjara yang meningkat dan penurunan industri penjara. Maka perlepasan bersyarat telah dibuat dan melibatkan komuniti. Pelepasan ini akan dikawal oleh komuniti sehingga mereka mendapat pelepasan.

Di Malaysia, hukuman Parol ini bermula pada tahun 2008. Hukuman ini adalah di bawah Jabatan Penjara Malaysia yang diselia oleh KDN. Jabatan Penjara Malaysia mempunyai Bahagian Parol Dan Perkhidmatan Komuniti di seluruh negara. Bahagian ini ditugaskan untuk menyelia segala yang berkaitan Parol. Parol di Malaysia adalah pembebasan bersyarat untuk seseorang banduan. Dalam kajian ini, terdapat beberapa elemen yang penting bagi Parol di Malaysia. Antaranya adalah:

- 1) Parol mesti dijalankan di luar tembok penjara dan melibatkan orang awam.
- 2) Bagi mendapatkan Parol, mestilah Lembaga Parol yang meluluskannya.
- 3) Seorang banduan mestilah menghabiskan keempat fasa di penjara sekurang-kurangnya dua fasa di penjara bagi mendapatkan Parol.
- 4) Parol juga mestilah mempunyai pekerjaan bagi ODP.

Oleh demikian, jika terdapat empat elemen ini maka barulah boleh digelar Parol. Parol ini melibatkan pegawai penjara di Bahagian Parol Dan Perkhidmatan Komuniti, dalam kajian ini pengkaji telah memilih PPD Kuantan untuk dijadikan tempat untuk mendapatkan informan. Namun begitu, Pejabat Pengarah Penjara Negeri Pahang ditadbir oleh Pengarah Parol dan Perkhidmatan Komuniti yang mempunyai

pangkat Penguasa Penjara Gred KA44 dan ke atas yang bertujuan untuk mentadbir bahagian Parol di seluruh negeri Pahang Darul Makmur.

Selain dari itu, Parol juga merupakan satu bentuk hukuman yang melibatkan masyarakat, NGO, dan syarikat-syarikat GLC. Kajian ini menyatakan terdapat tiga tempat utama untuk ODP menjalankan hukumannya. Tempat tersebut adalah di kediaman yang merupakan tempat tinggal ODP yang berdaftar dengan pihak penjara. ODP di kediaman akan tinggal bersama keluarga dan berkerja dengan mereka. Kebanyakan mereka bekerja sebagai pekerja am, berniaga, perladangan, pembuatan, perkilangan, pembantu kedai, pemandu ternakan, mekanik, dan sebagainya. Mereka menjalankan Perintah Parol bersama dengan ahli keluarga mereka. Di sini peranan keluarga sangat diperlukan. Seterusnya adalah di RP. RP merupakan satu tempat yang telah disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia untuk ODP menginap. Semua kelengkapan telah disediakan oleh Jabatan Penjara Malaysia. Di RP mempunyai tiga orang penyelia yang menyelia di sana. ODP perlu mendapatkan kebenaran keluar dan masuk kepada penyelia. Di daerah Kuantan RP terdiri daripada lelaki sahaja. Segala kegiatan di RP akan dipantau oleh pegawai di sana. Tempat Parol yang terakhir adalah di ladang atau digelar sebagai program CSI. CSI ini adalah di bawah kerjasama pihak penjara dan syarikat GLC ataupun di swasta. Berdasarkan kajian ini, di Kuantan dan di seluruh Pahang melibatkan syarikat perladangan terutama perladangan sawit. Antara syarikat yang bekerjasama adalah Syarikat Sime Darby, Perbadanan Kemajuan Perladangan Negeri Pahang (PKPP), Yayasan Pahang (YP), dan FELCRA Berhad. Konsep program ini adalah pihak syarikat memberi ODP bekerja di sana dan memberi gaji yang sama dengan pekerja mereka. Tujuan utama program ini adalah membantu para ODP dalam membina kerjaya mereka.

Dalam menepati tema kedua iaitu, analisa dari sudut pandangan Islam dalam Parol. Analisa adalah merujuk kepada menjaga dan memelihara lima prinsip dalam syariah yang merupakan tunjang utama dalam Islam. Prinsip pertama yang dijaga adalah agama. Seperti yang kita maklum agama merupakan aspek yang penting untuk dijaga. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa agama ODP diperkukuhkan. Hanya ODP yang melepasi fasa dua iaitu fasa pembetulan sahsiah dibenarkan mendapatkan hukuman Parol. Seperti yang kita maklum banduan yang mendapat Perintah Parol adalah yang melepasi fasa keempat di penjara atau sekurang-kurangnya mereka yang telah tamat fasa satu dan dua. Fasa ke dua ini mempunyai modul halaqah bagi yang beragama Islam yang mengandungi pengajian akidah, fiqah, Tilawah Al-quran, tafsir, hadis, sirah, akhlak dan kesejahteraan insan. Di sini dapat dilihat hanya banduan yang telah kukuh

sahsiyah diri diberikan Parol. Selain itu, program dalam Parol juga mempengaruhi ODP dalam mengukuhkan agama iaitu dengan mengutamakan solat. Jika di RP pihak penyelia akan memastikan ODP solat berjemaah bersama terutama waktu subuh, Maghrib, Isyak. Hal ini kerana, pada waktu Zohor dan Asar, ODP selalunya bekerja. Namun begitu jika di tempat kerja di RP majikan juga memainkan peranan yang penting dalam solat. Ada majikan di RP yang melakukan solat jemaah bersama. ODP di rumah pihak keluarga akan memantau mereka dan pihak penjara juga mengalakkan mereka ke masjid berhampiran. Jika di CSI pihak majikan akan menyediakan tempat untuk beribadah dengan membina masjid seperti di ladang YP. Hal ini kerana, di CSI para ODP terikat dengan kerja di majikan. Namun begitu, jika pihak penjara melakukan segala aktiviti pihak majikan membenarkan dan mengalakkan kerana mereka masih dalam Perintah Parol.

Pihak unit Parol juga membuat program-program agama sama ada dengan ODP ataupun melibatkan komuniti. Pihak pegawai di PPD Kuantan akan menyediakan program-program ibadah seperti ceramah agama, kelas fardhu ain dan sebagainya kepada ODP seperti di RP selepas Maghrib akan diadakan kuliah. Selain itu, pihak penjara juga mengambil inisiatif dengan mengupah pesara penjara untuk mengajarkan ilmu agama kepada ODP yang berada di RP. Jika berada di kediaman, ODP perlu melaporkan diri di PPD seminggu sekali. Pada masa melaporkan diri pegawai di sana akan membuat kelas intevensi bersama mereka. Jika di CSI, program perlulah melibatkan ODP di kediaman dan RP. Selalunya akan diadakan ceramah bersama pihak JAKIM dan JAIP. Ini menunjukkan parol ini sangat mementingkan agama ODP tidak kira tempatnya di mana. Pihak pegawai di PPD akan memastikan ODP diberikan ilmu agama yang mencukupi dengan membuat program ilmu bersama Jabatan Penjara atau melibatkan pihak insitisi beragama.

Kedua adalah menjaga nyawa. Unit Parol di PPD di Kuantan sangat menjaga keselamatan dan kebajikan ODP. Untuk menjaga keselamatan, pihak penjara akan menapis banduan. Hanya banduan yang sihat fizikal dan tidak mempunyai penyakit seperti penyakit berjangkit akan diberikan Parol. Seterusnya dalam kajian ini, negeri Pahang merupakan negeri yang pertama telah membuat insurans berkelompok untuk ODP, hasil daripada inisiatif Pengarah Penjara Negeri Pahang. Insurans ini diberikan untuk menjaga keselamatan ODP bagi melindungi mereka jika tercedera di tempat kerja. Seperti yang kita ketahui hukuman Parol ini mewajibkan ODP bekerja. Bagi menjaga keselamatan mereka, pihak PPD telah memasukkan mereka dengan insurans berkelompok. Pihak ODP perlu membayar RM21.30 dalam tempoh setahun. Pihak

pegawai juga perlu memastikan segala polisi di dalam insuranss tidak akan membebankan ODP. Insurans ini akan ditolak daripada gaji mereka. Aspek kebajikan ODP juga akan dijaga oleh pegawai di PPD. Jika mereka sakit pihak pegawai perlu menghantar mereka ke hospital dan segala rawatan akan ditanggung oleh kerajaan. Hal ini kerana ODP masih tertakluk kepada undang-undang penjara.

Seterusnya adalah menjaga akal, pihak PPD perlu menjaga kesihatan mental ODP. Memelihara kekuatan mental ODP, pihak di PPD Kuantan telah banyak merancang aktiviti kaunseling serta ceramah motivasi diri untuk ODP kerana Jabatan Penjara Malaysia mementingkan psiko pendidikan. Pihak PPD akan membuat aktiviti ini bersendirian atau melibatkan pihak luar seperti NGO, AADK, LPPKN dan lain-lain. Sekurang-kurangnya dalam tempoh sebulan mesti akan diadakan kaunseling sama ada secara individu atau berkelompok. Selain menjaga kesihatan mental, Parol juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan ODP terutama dalam bidang kemahiran. Sebagai contoh, seperti yang kita maklum ODP di Pahang banyak terlibat dengan perladangan maka ilmu tentang perladangan akan diberikan seperti kerja-kerja perladangan iaitu membaja, meracun, memetik buah kelapa sawit dan sebagainya. Kebanyakan ODP yang telah mahir dalam pekerjaan ladang ini akan ditawarkan terus bekerja di ladang tersebut.

Selepas itu, menjaga keturunan merupakan salah satu elemen dalam Parol iaitu melibatkan komuniti dan masyarakat. Parol ini sangat menggalakkan hubungan dengan ahli keluarga. Pihak penjara akan menasihati kepada ahli keluarga untuk menerima ODP kerana dalam pemulihan, sokongan ahli keluarga sangat diperlukan. Manakala di CSI dan RP pihak penjara juga membenarkan untuk ahli keluarga melawat mereka dengan mendapatkan keizinan daripada pihak pegawai penjara di PPD. Tujuan ini adalah untuk tidak menjarakkan hubungan mereka bersama ahli keluarga.

Kelima adalah menjaga harta, seperti yang kita ketahui ODP diberikan gaji sama seperti pekerja yang lain. Jika di penjara banduan mendapat 40% sahaja hasil gaji mereka. Akan tetapi diparol mereka mendapatkan 100% hasil gaji mereka hanya ditolak KWSP dan insuran sahaja. Oleh itu, pihak pegawai akan memantau dan mengawal pengeluaran gaji mereka untuk mengelakkan penyalahgunaan duit gaji mereka. Selepas tamat tempoh Parol kesemua wang atau pendapatan akan diserahkan kepada mereka.

Tema terakhir adalah sistem Parol dalam hukuman Islam. Berdasarkan kajian ini pengkaji mendapati Parol ini adalah di bawah takzir kerana tujuan utama hukuman takzir adalah mendidik dan bersifat lebih fleksibel dalam hukumannya. Selain itu, jika

kita melihat pada syarat mendapatkan parol seseorang itu mestilah tidak disabitkan kesalahan hukuman mati. Selain itu, hukuman jenayah seksual juga tidak akan mendapat Parol. Maka dengan itu, parol diberikan kepada banduan yang melakukan kesalahan yang kecil dan ringan. Manakala kuasa hukuman ini diberikan kepada Lembaga Parol seperti hukuman Parol yang merupakan hukuman budi bicara daripada pemerintah, badan perundangan atau hakim. Lembaga Parol terdiri daripada seorang hakim, seorang pegawai polis, seorang pegawai penjara, seorang pegawai kebajikan, dan tiga orang awam. Mereka akan bersidang di Putrajaya dan peranan mereka adalah meluluskan dan membatalkan perintah parol untuk ODP. Tempat Parol juga akan ditentukan oleh mereka.

Selain itu, hukuman parol ini juga mempunyai elemen yang terdapat dalam hukuman takzir elemen utama adalah hukuman penjara, hukuman ancaman dan hukuman pengistiharan. Hukuman ini juga mengandungi *istihabah* atau anjuran untuk bertaubat. Perkara ini merujuk kepada Jabatan Penjara Malaysia terutama Bahagian Parol Dan Khidmat Komuniti untuk melihat ODP berubah ke arah kebaikan.

5.3 Cadangan Dan Saranan

Kajian ini adalah berkaitan dengan Parol di Jabatan Penjara Malaysia di bawah Bahagian Parol Dan Perkhidmatan Komuniti dan Siyasah Syar'iyah. Dalam kajian ini pengkaji mendapati terdapat beberapa elemen Siyasah Syar'iyah terutama dalam bab hukuman daripada pemerintah iaitu takzir. Pengkaji juga ingin mecadangkan pihak Jabatan Penjara Malaysia menggunakan takaful Islam daripada insuran konvensional. Hal ini kerana, takful lebih menepati dan mematuhi Syariah.

Disamping itu, pengkaji berpendapat bahawa mewujudkan Jabatan Parol Malaysia bagi memantapkan lagi Sistem Parol di negara ini. Seperti kita maklum bahawa parol masih di bawah unit Jabatan Penjara Malaysia. Apabila Jabatan Parol Malaysia diwujudkan maka perlu ada insitansi latihan dan kajian kepada para pegawai supaya lebih bersedia dan mempunyai pengetahuan yang lebih luas terhadap parol. Kajian juga perlu dijalankan dari masa ke semasa bagi menambahbaik Sistem Parol yang sedia ada. Selain itu, kajian berkaitan perubahan dan program-program yang memberi impak besar kepada ODP perlu dirangka dan dirancang serta dibuat oleh Jabatan Parol Malaysia. Selain itu, Jabatan Parol Malaysia juga berperanan sebagai peneraju utama bagi pemulihan ODP supaya dapat mencapai objektif parol itu sendiri. Sebagai contoh. Para pegawai akan membimbing para ODP dengan pengalaman, ilmu serta latihan yang telah disediakan oleh jabatan supaya ODP dapat membina kehidupan yang lebih baik.

Jabatan Parol Malaysia juga merupakan jabatan utama yang akan berkongsi dan mengkaji sistem parol di peringkat antarabangsa. Jika melihat pengalaman negara luar terutama di Barat lebih maju Sistem Parolnya. Maka itu, jabatan ini perlu membuat satu polisi atau model daripada Sistem Parol di peringkat antarabangsa serta jabatan ini boleh berkongsi pendapat tentang parol di Malaysia terutama yang berasaskan agama Islam.

Oleh itu, pengkaji menyarankan kepada pihak yang ingin meneruskan kajian yang berkaitan adalah seperti berikut:

- 1) Para penyelidik disaran membuat kajian tentang Lembaga Parol. Seperti yang diketahui Lembaga Parol merupakan pusat keputusan untuk Parol. Oleh itu, penyelidik boleh membuat kajian tentang keputusan Lembaga Parol berdasarkan perspektif Siyasah Syar'iyah. Hal ini kerana, limitasi kajian ini adalah hanya mengkaji sistem parol sahaja. Penyelidik lain boleh mengkaji tentang faktor-faktor yang boleh mempengaruhi keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga Parol berdasarkan *fiqh muazanat* atau *dhururiyyah* serta sebagainya.
- 2) Di bawah Bahagian Parol Dan Komuniti juga terdapat pesalah selain ODP iaitu Pesalah Kehadiran Wajib (PKW) dan Penerimaan Pelepasan Banduan Secara Lesen (PBSL). Kedua-dua pesalah ini di bawah komuniti. Oleh demikian, para penyelidik boleh mengkaji tentang PKW dan PBSL.
- 3) Selain itu, Parol juga mempunyai ODP yang diletakkan di tempat yang berbeza, para penyelidik boleh mengkaji keberkesanan tempat Parol diletakkan dan dipilih.
- 4) Program CSI merupakan satu program yang baharu dalam Parol. Pihak penyelidik perlu membuat kajian tentang CSI secara menyeluruh dan mendalam.

BIBLOGRAFI

BUKU

- Abdul Halim El Muhammady, *Undang-Undang Jenayah dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri*, (Selangor: Wadah Niaga:2008)
- Abd Al-‘Āl Aḥmad ‘Aṭwah *Madkhal Ila Siyasaḥ Syar’iyah*,(Arab Saudi:Universiti Imam Muhamad Bin Sa’ud:Tt)
- Abdul Qadir Audah, *Al Tasyri Al Jina’i Al Islami*, juz 1 (Qahirah:Dar al ta’sil:1993)
- Ahmad Sunawari Long, *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2022)
- Ahmad Syukran Baharudin, Aminuddin Ruskam, dan Abdul Rahim Yacob (2015). *Makmal Kriminologi (Forensik) Terakreditasi Bagi Kegunaan Mahkamah Shari’ah: Suatu Tinjauan Awal*. Sains Humanika, 5(3).
- American Correctional Association, *Parole and Other Release Procedures*, (Washington D.C: Library of Congress: 1966)
- Awang Abdul Aziz Bin Juned, *Qanun Jenayah Syariah Satu Pegenalan*, (Brunei:Jabatan Mufti, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei:2014)
- Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan, Buku 1* (Malaysia:The McGraw-Hill Sdn.Bhd:Edisi,2:2011)
- Conny R. Semiawan, *Metode Kajiain Kualitatif, Jenis Karektaristik, Dan Keunggulannya* (Jakarta:Crandoo, 2010)
- Frank J. Schmalleger, *Criminal Justice Today Introduction Text For The 21st Centeruy*, (British: Person Education limited: 2014)
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* (KualaLumpur:Penerbit Universiti Malaya:2016)
- Haron Din, *Falsafah Perundangan Islam* (Bangi:Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia,1986)
- Hashim Kamali, *Shari’a Law An Introduction*, (England: Oneworld Book:2008)27-28.
- Hashim Mehat, *Islamic Criminal Law And Criminal Behaviour*, (Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn.Bhd:1993)

- Irwan Mohd Subri, *Konsep Jarimah, Jinayah Dan Uqubah Dalam Perundangan Islam: Hudud Di Malaysia Dan Cabaran Pelaksanaan*, (Selangor:Angkatan Belia Islam Malaysia:2014)
- Izz Ad Din, Abdul Aziz Abdul Salam *Qawaid Al Ahkam* (Beirut:Muasasah Ar Rayayan:1998)
- Jafri Khalil, *Konsep Dan Falsafah Perundangan Islam* (Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka,1999)
- Lembaga Penyelidikan Undang-undang, *Kamus Undang-Undang*
(Selangor:International Law Book Services:2013) 318.
- Lukman Abdul Hakim Multalib Et Al, *Tafsir Maudh'iy, Hud, Qisas Dan Takzir*,(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka:2014)
- Mawardi Abi Hussein Bin Muhammad Habib Al Başri, *Ahkam As Sultaniyyah*
(Mesir:Darelhadith:Tt)
- Mays.G dan Winfre.L *Contemporary Corretion* (USA:Wadsworth Publishing, 1998)
- Mohammad Fathi Yusuf, *Kesesuain Perlaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia*, Kuizm Publication (2014),
- Mohd Said Ishak, *Umar Ibn Al Khatab, Pelaksanaan Hukuman Islam* (Johor: Penerbit Universiti Telnologi Malaysia,2000)
- Nor Aini Ahmad, *Senario Menjalankan Kajian Inkuri Naratif* (Perak: Universiti Peguruan Sultan Idris, 2014)
- Pauline Moris dan Farida Beverly, *On Licence, A study of Parole*, (Great Britain: Library of Congress)2.
- .Ramlee Mat Amin, *Pembentukan Akhlak Kupasan Dari Ihya Ulumuddin Imam Ghazali*, Nadi Minda Resources:Selangor (2015)
- Richard W.Snarr, *Introducton To Corrections*, (America: Brown and Benchmark Publisher)
- Rosalan Mat Nor dan Zamani Sulaima, *Pentadbiran Keadilan Jenayah di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Deewan Bahasa Dan Pustaka:1998)

- Rudolph Peters, *Crime And Punishment In Islamic Law, Theory And Practice From Sixteenth To The Twenty—First Century*, (United Kingdom: Cambridge University Press:2005)
- Ruzian Markom, *Apa Itu Undang-Undang Islam* (Pahang: PTS Publication, 2003),16.
- Shanrahayu A.Aziz, *Issues On Enforcement Of Islamic Criminal Law In Malaysia*, (Malik Publisher:Tt).
- Sharifah Hayaati Syed Ismail Al-Qudsy, *Memahami Konsep Tadbir Urus Efektif Dan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam Dan Kotemporori,Tadbir Urus Efektif Politik Dan Kualiti Perspektif Islam Dan Kontemporari*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya:2020).
- Shukeri Mohamad, *Siyasah Syari"iyah dan Kedudukannya Sebagai Metod Penentuan Hukum, Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat yang Membangun*, Kuala Lumpur:Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya(2001)
- Teo Say Eng, *Hak Anda dan Undang-Undang*, (Malaysia: Malayan Law Journal Sdh Bhd:2007)
- Undang-Undang Malaysia *Akta 537, Akta Penjara Malaysia 1995* (Malaysia:Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia,2009)
- Wahbah Az Zuhāyli, *Mengenal Hukum Hudud dan Minum Arak*,(Kelantan:Dian Darulnaim: 1992)
- Wan Roslili Abd Latif dan Najibah Mohd Zain, *"Isu Dalam Penahanan dan Pemulihan Banduan di Malaysia."* Kanun, (2015)
- Wan Zahidi Wan Teh, *Pelaksanaan siasah syar"iyah dalam pentadbiran kerajaan* (Kuala Lumpur:Pencetak Nasional Malaysia Berhad, 2003)
- Yusuf al Qardawi terj Mohamad Zaini bin Yahya, *Al Taubah* (Kuala Lumpur: Otopack & Print Sdn.Bhd: 2000)
- Yusuf Qardhawi, *Politik Rahmah:Asas-Asas Politik Islam Kontemporori*, (Kuala Lumpur:Ilham Books:2018)

JURNAL

- Arifah Rahimah Ismail dan Mohd Al Adib Samsuri, “*Perintah Khidmat Masyarakat Sebagai Hukuman Alternatif di Mahkamah Syariah Malaysia*”, Kanun, (2014).
- Carolyn Strange, “*Pardon And Parole In Prohibition-Era New York: Discretionary Justice In The Administrative State*”, Osgoode Hall Law School Legal Studies Research Paper Series, Vol 13, Issue 10, 2017
- Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy, Chow Jen-T’Chang, Ramlinggam Rajamnickam. *Program Pemulihan di dalam Penjara bagi Jenayah: Kajian di Jabatan Penjara Malaysia*. Jurnal Undang-undang dan Masyarakat, 2018(S).
- Kimberly Thomas & Paul Reingolg, “*From Grace To Grid: Rethinking Due Process Protection For Parole*” , Journal Of Criminal Law And Criminology, Vol 107, No2, 2017.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. "Siyasah Syar'iyah Dalam Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam." Jurnal Syariah Vol 12 No1 (2004)
- Mohd Al Alib, “*Teori Pencegahan Sebagai Justifikasi Hukuman: Analisis Perbandingan Antara Perundangan Sivik Dan Islam*”, Islamiyyat, (2012).
- Mohd Hapiz Mahaiyadin, *Hubungan Maqasid Syariah Dan Siasah Syar'iyah Dalam Urus Tadbir Negara*. ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities, Vol1,(2017).
- Nurbazla Ismail dan Moahd Al Adib Samuri, “*Prospek Perintah Khidmat Masyarakat di Mahkamah Syariah*”, Islamiyyat, Vol 38, No 1, (2016).
- Razali, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan, Kamaluddin Nurdin Marjuni, Mohd Rumaizuddin Musa, Azman Abd Rahman, Ahmad Najaa’Mokhtar, Mohd Zaliridzal Zakaria, and Mohammmad Fadzil Mat Yaacob. "Istitabah Model for Malaysia: A Preliminary Exposition." *Ulum Islamiyyah* 15 (2015)
- Rudolph Peters, *Crime And Punishment In Islamic Law, Theory And Practice From Sixteenth To The Twenty—First Century*, (United Kingdom: Cambridge University Press:2005)
- Shahidra Abdul Khalil,. “*Pendekatan Siyāsah Syar,,iyah Dalam Menangani Isu Perundangan Jenayah Semasa Di Malaysia: Siyāsah Syar,,iyah*,. Jurnal Fiqh vol 19, No.2 (2022) :165.

Sharifah Hayaati Syed Ismail Al-Qudsy, *Memahami Konsep Tadbir Urus Efektif Dan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam Dan Kotemporori, Tadbir Urus Efektif Politik Dan Kualiti Perspektif Islam Dan Kontemporari*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya:2020).

Siti Zubaidah Ismail, *Hudud Dan Undang-Undang Jenayah Syariah Dalam Kerangka Perlembagaan Dan Sistem Perundangan "Dualisme" Komitmen Pelaksanaan Keadah Membendung Jenayah Di Malaysia*, *Jurnal Syariah*, vol 22, no 2 (2014).

Wan Roslili Abd Latif dan Najibah Mohd Zain, *"Isu Dalam Penahanan dan Pemulihan Banduan di Malaysia."* *Kanun*, (2015)

Mohamad Zaidi Abdul Rahman *Aplikasi Maqasid al-Syariah dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam*. *Jurnal Fiqh*, No.12 (2015)

Mohamed Adil, Mohamed Azam, dan Ahmad Badri Abdullah. "The Application of Shari'ah Principles of

Ta'zir in Malaysian Common Law: A Maqasid-Based Proposal". *ICR Journal* 7 vol 1 (2016)

INTERNET

Akta Penjara 537

Pamphlet NBOS dan NKRA, Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Kajang Selangor.

Pamphlet Program Pemulihan Pemasarakatan

Pauline Moris dan Farida Beverly, *On Licence, A study of Parole*, (Great Britain: Library of Congress)2.

Portal Data Terbuka Malaysia, Dicapai pada 16 April 2018 Laman sesawang, http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pelepasan-banduan-secara-perintah-Parol-mengikut-bangsa

Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 9 Jun 2019.

<http://jpmportal.prison.gov.my/Parol/index.php/sejarah-Parol>

Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 8 Jun 2019, <http://jpmportal.prison.gov.my/Parol/index.php/pamphlet-Parol>

Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 3 Januari 2018, <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal>

Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 3 Januari, <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/Parol>

Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 4 Januari 2018, <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/Parol#Fungsi>

Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 3 Januari 2018, <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/Parol#Unit>

Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 3 Januari 2018, <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/Parol#Program>

Portal Jabatan Penjara Malaysia, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, dicapai pada 10 Jun 2019, <http://jpmportal.prison.gov.my/Parol/index.php/pamphlet-Parol>.

Portal Kementerian Dalam Negeri (KDN) dicapai pada 1 Jun 2021: <https://www.moha.gov.my/index.php/ms/pengenalan>